



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6329]

RISALAT MESYUARAT—PEMBENTANGAN, Y.B. Tuan Lim Kit Siang
[Ruangan 6364]

USUL-USUL:

Menangguhkan Rang Undang-undang Bacaan Kali Yang Kedua:

| | | |
|--|---|----------------|
| Rang Undang-undang Hakcipta 1986 | } | [Ruangan 6366] |
| Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) (1986) | | |
| Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (1986) | } | [Ruangan 6367] |
| Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) (1986) | | |

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 6368]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) [Ruangan 6369]
Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) [Ruangan 6391]
Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 6421]
Rang Undang-undang Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan) [Ruangan 6462]
Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) [Ruangan 6487]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y. B. M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N. P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N.
(Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA,
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjong Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (JAMBONGAN).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIFF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN ZAINABON *alias* BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 8hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERTUMBUHAN EKONOMI
NEGARA**

1. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Kewangan menyatakan kemungkinan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 1987, asas dan sumber kepada pertumbuhan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita dijangka mengalami pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar 1% sahaja dalam tahun 1987. Perkembangan yang sederhana ini adalah dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan ekonomi antarabangsa, terutamanya perkembangan perdagangan antarabangsa dan kesannya terhadap harga-harga barangan utama eksport Malaysia. Di samping itu, perkembangan ekonomi negara juga bergantung kepada reaksi sektor swasta terhadap pelbagai langkah-langkah penyesuaian dan insentif-insentif yang diberi oleh Kerajaan untuk mendorong pelaburan swasta.

Perbincangan terperinci mengenai prospek ekonomi negara pada tahun hadapan telah pun dihuraikan di dalam

Ucapan Belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini dan juga dibincangkan dengan panjang lebar dalam Laporan Ekonomi 1986/87.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

(Soalan No. 2 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir)

**JALAN RAYA SEPULOT KE
KELABAKAN—PEMBINAAN**

3. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah pihak Kementerian tersebut bercadang untuk membina sebatang jalan raya yang menghubungkan Sepulot dan Kelabakan, Tawau di suatu masa nanti; jalan raya tersebut adalah sangat penting kerana para pengguna jalan raya (travellers) tidak payah lagi melalui jalan raya yang sangat jauh iaitu melalui daerah Sandakan apabila menuju ke Daerah Tawau ini juga akan menjimatkan masa dan ongkos membeli minyak kenderaan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk membina jalan dari Sepulot ke Kelabakan kerana mengikut kajian pengangkutan, jalan tersebut belum lagi begitu mustahak dibina. Walau bagaimanapun, di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan ada cadangan untuk menaikkan taraf jalan Tawau-Merotai yang mana ianya adalah

sebahagian daripada jalan Tawau—Kelabakan-Sepulot yang merupakan jalan di bawah program jalan-jalan pertanian.

Tender bagi kerja-kerja menaikkan taraf jalan Tawau-Merotai tersebut telah pun dikeluarkan. Saya telah difahamkan terdapat sebuah jalan balak yang menghubungi Kelabakan ke Sepulot dan jalan tersebut masih aktif dalam operasi pembalakan. Saya juga difahamkan bahawa terdapat juga orang awam menggunakan jalan balak tersebut untuk berhubung dengan Tawau dan Sepulot.

PROJEK SEKOLAH PASANG-SIAP—KEGAGALAN

4. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap beberapa kegagalan projek pembinaan sekolah-sekolah pasang-siap secara package untuk disiapkan mengikut masa yang ditetapkan oleh kontrak-kontrak luar hingga terbelang dan menjejaskan pelajaran murid-murid.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah pun mengambil tindakan memansuhkan kontrak tersebut pada 1hb Jun, 1985 kerana kontraktor yang berkenaan gagal menyiapkan 43 buah sekolah secara pasang-siap di Johor dalam tempoh yang ditetapkan. Kementerian Pelajaran juga telah melantik kontraktor-kontraktor baru untuk meneruskan pembinaan sekolah-sekolah yang berkenaan.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah sebabnya kontrak-kontrak menyiapkan sekolah-sekolah ini patut diberi kepada kontraktor-kontraktor asing? Adakah kontraktor-kontraktor tempatan itu tidak layak atau tidak mempunyai keupayaan untuk menyiapkan projek yang tersebut?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kontrak-kontrak ini diberikan berdasarkan syarat-syarat yang dikenakan dalam peruntukan pinjaman dengan Bank Dunia. Jadi, peraturan-peraturan pinjaman dari Bank Dunia menetapkan bahawa kontrak-kontrak ini adalah menurut peraturan tender biasa, termasuklah penglibatan kontraktor asing dan di antara peraturannya termasuklah bahawa kontrak yang diberikan itu kepada tender yang paling murah di kalangan kontrak-kontrak yang telah mengemukakan untuk mendapat peluang dari kontrak tersebut.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Menteri mengah sedikit, tetapi bagaimanapun saya hendak bertanya juga. Yang Berhormat Menteri dalam jawapan asalnya tadi mengatakan bahawa 43 kontrak di Johor itu telah dimansuhkan, digantikan pula dengan kontraktor-kontraktor baru. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai dalam pembinaan ini oleh kontraktor baru itu?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya sedia maklum tentang kemajuannya kerana saya telah membuat dua kali kunjungan ke beberapa kawasan yang terlibat kerana kelewatan ini telah mempersulitkan banyak dari keluarga dan ibu bapa di kawasan yang berkenaan. Kita telah menetapkan satu rancangan supaya langkah-langkah dibuat untuk menyiapkan projek-projek tersebut mengikut 3 fasa. Ada sekolah-sekolah yang sudah 90% siap sebenarnya, ada yang 70% siap dan ada yang sekitar 50% siap. Jadi, kita telah mengambil satu langkah supaya sekolah-sekolah yang hampir siap itu diambil tindakan segera supaya dapat digunakan pada awal tahun hadapan. Yang lainnya itu mengikut jadual yang baru ditetapkan, cuma masalah kelewatan ini termasuklah kesempatan yang patut

diberikan kepada kontraktor baru untuk membuat penilaian tentang barang-barangan yang ada on site.

BAYARAN KEPADA PEMAJU PERUMAHAN

5. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar ramai kakitangan Kerajaan terpaksa membayar kepada (i) Pemaju-pemaju perumahan swasta dan (ii) Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang (PDC) faedah yang tak perlu ke atas bayaran-bayaran progresif ke atas unit-unit rumah yang mereka telah beli akibat lewat menjelaskan bayaran-bayaran progresif itu yang disebabkan oleh ketidakcekapan Jabatan Pinjaman Perumahan dalam membuat bayaran-bayaran progresif kepada pemaju-pemaju dan Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kementeriannya akan ambil untuk membaiki keadaan tersebut.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar ada kakitangan Kerajaan terpaksa membayar kepada pemaju perumahan kerana kelewatan dalam menjelaskan bayaran.

Walau bagaimanapun, kelewatan yang berlaku itu bukanlah berpunca dari ketidakcekapan Bahagian Pinjaman Perumahan. Sebelum sesuatu permohonan pinjaman perumahan diluluskan dan bayaran dilakukan, beberapa peraturan dan syarat-syarat perlu dipatuhi. Peraturan dan syarat-syarat ini adalah untuk menjaga kepentingan Kerajaan terhadap pinjaman yang diberi. Ini bermakna satu masa atau tempoh yang minima adalah dikehendaki sebelum tuntutan bayaran boleh dikemukakan oleh pemaju ataupun penjual untuk tindakan bayaran. Jika permohonan dikemukakan lewat, bayaran progresif juga akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membaiki keadaan tersebut, Kementerian Kewangan menasihatkan semua pemohon supaya mengemukakan permohonan mereka sebaik sahaja perjanjian jual beli harta ditandatangani dan kemudian mengemukakan semua dokumen penting yang berkaitan dengannya secepat mungkin ke Bahagian Pinjaman Perumahan untuk diambil tindakan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jaminan untuk meneliti kembali tentang perjanjian di antara pemaju dan juga pembeli kerana perjanjian itu merupakan satu perjanjian yang standard, dengan izin, yang dibuat di bawah Akta Pemaju Perumahan. Pihak pemaju boleh menuntut faedah ke atas lambatnya bayaran-bayaran progresif yang dibuat ialah kerana ada satu peruntukan dalam perjanjian itu di mana pihak pemaju boleh menuntut bayaran apabila bayaran progresif itu lewat daripada 14 hari daripada tarikh mulanya dituntut dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan untuk meneliti ataupun mengkaji balik peruntukan yang wujud di dalam perjanjian tersebut?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian boleh meneliti perjanjian ini ataupun mencadangkan supaya diteliti perjanjian ini untuk kebaikan peminjam-peminjam perumahan. Dalam pada itu, perlu jugalah diingatkan iaitu perjanjian yang dibuat di antara orang-orang persendirian dengan pemaju-pemaju perumahan sebenarnya terkeluar daripada tanggungjawab Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, kita akan cubalah percepatkan pembayaran pinjaman-pinjaman ini supaya tidak ada siapa yang dikenakan denda-denda dan menyusahkan mereka lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah yang langkah-langkah Kerajaan akan ambil terhadap pemaju-pemaju yang lewat, bukan hanya lewat, yang langsung tidak memulakan projeknya apabila pembayaran pertama telah dibayar kepada pemaju-pemaju oleh kakitangan Kerajaan dan juga didapati bahawa beberapa projek bayaran daripada Kerajaan telah dibayar, tetapi rumahnya belum disiapkan sampai peringkat yang patut dibayar. Maknanya mereka yang membayar lebih daripada apa yang telah disiapkan dan oleh kerana itu peminjam-peminjam kakitangan Kerajaan terpaksa membayar lebih faedah dan juga apabila bayaran yang akhir sekali telah dijelaskan, mereka tidak dapat memasuki rumah yang dibeli itu dan mereka terpaksa kena membayar bunga kepada bank-bank atau institusi-institusi kewangan dan ini selalu merugikan kakitangan Kerajaan. Apakah langkah-langkah Kerajaan akan ambil terhadap perkara ini?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya Kerajaan tidak mengenakan bayaran terus selagi pinjaman ini tidak habis ataupun di dalam masa 12 bulan maka perkara yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Pinji tadi tidak timbul.

Yang kedua, soal membayar sebahagian daripada yang 5% yang disebutkan itu, ini tertakluk kepada harga rumah dan juga pinjaman yang dibenarkan kepada pegawai berkeajaan. Bukan semuanya yang meminjam daripada Kerajaan itu cukup untuk membeli rumah. Ada sebahagian daripada pegawai-pegawai Kerajaan meminjam daripada Kerajaan untuk membeli rumah oleh sebab haknya tidak cukup dan rumahnya lebih mahal, maka dia terpaksa menggunakan wangnya sendiri. Jadi, untuk mengatakan bahawa tiap-tiap kali pembayaran

tidak cukup, kesalahan kepada Bahagian Perumahan adalah tidak betul.

MUTU SUKAN NEGARA

6. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan oleh kerana prestasi mutu sukan di negara ini agak menurun tidakkah pihak Kementerian memikirkan cara-cara yang insentif yang lebih berkesan lagi supaya pemain negara kita boleh mencapai kejayaan lebih cemerlang lagi, seperti terdapat di negara-negara lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat itu, bolehlah saya katakan bahawa antara cara-cara dan insentif yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke arah mempertingkatkan lagi mutu sukan di negara kita adalah seperti berikut:

- (1) Mewujudkan satu Dasar Sukan Negara.
- (2) Memperkemaskan jentera pentadbiran persatuan.
- (3) Merancang dan melaksanakan program-program sukan termasuk membantu persatuan-persatuan sukan mengenai latihan, pendedahan dan penyertaan di peringkat antarabangsa.
- (4) Skim Peransang telah diwujudkan untuk membantu athlit mengadakan latihan sempurna dan hal kebajikan mereka.
- (5) Melaksanakan program untuk memajukan jurulatih dan mempertingkatkan pendidikan kejurulatihan.

- (6) Mewujudkan biasiswa sukan mulai pada tahun hadapan, insya Allah.
- (7) Skim Bakat dan pelapis dan kerjasama dengan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM).
- (8) Skim Hadiah Kemenangan yang telah diwujudkan di mana athlit-athlit yang mendapat pingat di kejohanan antarabangsa akan diberi hadiah wang tunai.
- (9) Mengadakan rancangan kemudahan sukan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengikut soalan yang asal tadi Kementerian memikirkan cara-cara insentif yang lebih berkesan lagi supaya pemain negara kita boleh mencapai kejayaan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun menjawab, saya ingin bertanya selain daripada yang telah diterangkan, sebagaimana negara-negara lain bagi membawa mereka ini cenderung di dalam sukan, adakah pihak Kementerian bercadang kepada mereka yang menunjukkan minat sukan untuk negara kita ini supaya mereka ini diberi hadiah yang besar sedikit, umpamanya berikan hadiah sebuah rumah ataupun kereta sebagaimana negara-negara yang lain bagi membawa mereka ini supaya cenderung dan bersungguh-sungguh untuk bermain untuk negara kita di masa yang akan datang.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar perkara itu dan Kementerian telah pun mengadakan hadiah kepada pemenang-pemenang ini. Tinggal lagi besar atau kecil ini amatlah bergantung kepada kemampuan kewangan negara dari masa ke semasa.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai insentif wang tunai kepada

athlit-athlit yang mencapai prestasi yang memuaskan, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk melibatkan pihak swasta supaya mengcomplementkan usaha Kerajaan untuk memberi insentif kewangan ini?

Yang kedua, mengenai badminton satu bidang khas oleh kerana dalam dekad yang baru ini prestasi pemain badminton tidak begitu memuaskan dan bagaimanakah akan pihak Kerajaan mewujudkan satu rancangan khas supaya pemain-pemain badminton dari negara kita Malaysia akan mencapai kemenangan cemerlang di tahap pertandingan antarabangsa sehingga mungkinlah mereka akan mengalahkan pemain-pemain dari Indonesia ataupun Yang Yang dan sebagainya.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kementerian sentiasa mengalu-alukan swasta untuk memberi sumbangan di dalam menjayakan usaha mempertingkatkan mutu sukan di negara kita.

Untuk soalan yang kedua mengenai badminton, Kerajaan memang sedar, bukan perkara badminton sahaja yang disedari oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tetapi semua sukan yang terlibat di negara kita ini. Oleh kerana itu Kementerian bercadang untuk mengadakan Dasar Sukan Negara dan insya Allah, pada 13hb dan 14hb Januari ini akan diadakan satu Kongres Sukan Negara di mana kita akan membincangkan keseluruhannya cara-cara bagaimana mempertingkatkan mutu sukan di negara kita ini termasuk badminton sebagaimana Yang Berhormat sebutkan itu.

Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha: Soalan tambahan, sebelum saya mencadangkan apa-apa

kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ingin saya bertanya apakah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap, lampu isyarat tidak ada di sini. Sila ulangi.

Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mencadangkan apa-apa kepada Kementerian, ingin saya bertanya apakah sebab-sebabnya prestasi mutu sukan kita ini menurun?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak kata prestasi kita menurun, tidak berapa kena sangat tetapi tinggal lagi prestasi kita ini tidak sama dengan negara-negara lain yang lebih daripada kita. Kalau kita menurun ertinya dahulu kita tinggi dan sekarang kita rendah tetapi dari segi prestasi sukan di negara kita ini ada tinggi rendah sedikit-sedikit, perbezaannya tidak berapa banyak. Jadi sebab-sebabnya banyak, antara lain ialah minat ataupun commitment seluruh rakyat di dalam negara kita ini kepada sukan tidaklah memuaskan kita semua. Oleh kerana itu Kementerian, Belia dan Sukan melancarkan satu program "Sukan Untuk Malaysia Cergas", ertinya semua rakyat akan participate, dengan izin, dengan aktiviti-aktiviti sukan dan daripada penyertaan rakyat inilah kita dapat mencungkil bakat-bakat yang boleh kita ketengahkan sama ada ke peringkat nasional ataupun ke peringkat antarabangsa.

AKTA KOPERASI— MENGUBAHSUAI

7. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengubahsuaikan Akta Koperasi untuk menjamin kepentingan ahli-ahlinya tidak akan menghadapi kerugian.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememang bercadang hendak meminda Akta Koperasi, 1948 dan perkara ini sedang dibincangkan dengan pihak Peguam Negara.

Tuan Lim Kit Siang: Satu hari yang sedih ini, hari dosa OSA.

Beberapa Orang Ahli: Boo!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta buat soalan tambahan.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu tanya satu perkara pun sedih mengenai penderitaan orang ramai oleh kerana tidak lengkap atau kekurangan Akta Koperasi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa usaha untuk meminda Akta Koperasi memakan masa yang begitu panjang? Kalau tidak silap perkara ini adalah ditimbang oleh pihak yang berkenaan dalam dekad tujuh puluhan, kenapa begitu lama dan bukannya satu sebab utama di mana yang menyebabkan skandal atau malapetaka koperatif ialah oleh kerana yang pertama, kekurangan dalam Akta Koperasi dan kedua, kecuaiian serta kelalaian pegawai-pegawai dalam Jabatan Koperasi oleh kerana mereka tidak menghiraukan masalah ini termasuk ada dirasuahkan oleh koperatif-koperatif tersebut?

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, Kementerian saya sedang membincangkan perkara ini dengan pihak Peguam Negara dan mungkin Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu maklum juga bahawa Akta Koperasi 1968 telah pun dipinda sebanyak 10 kali dan sekarang Kerajaan ada dua pilihan iaitu pilihan yang pertama, dipinda secara sedikit-sedikit iaitu secara *ad-hoc* atau pilihan kedua, dipinda secara menyeluruh supaya dapat dirangkumi segala aspek kekoperasian supaya

kepentingan ahli-ahli koperasi dapat diberi jaminan yang lebih baik dan supaya gerakan koperasi akan meningkat kepada satu tahap yang lebih gemilang.

Tetapi saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia hari ini bahawa Kementerian saya akan berusaha sedaya upaya supaya dapat dipinda dengan secepat mungkin dan Kementerian saya pun mengalu-alukan cadangan-cadangan atau pandangan-pandangan orang ramai mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan dengan sikap yang terbuka.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Timbalan Menteri itu disebutkan Kementeriannya akan menjaga kepentingan bagi semua depositor-depositor. Soalan tambahan saya ialah apakah sebabnya Kementerian yang berkenaan itu enggan mengambil tindakan-tindakan yang telah diberi kuasa kepada mereka mengikut satu Akta yang didapati iaitu Essential Protection of Depositors Regulation, 1986 dan di dalam kandungannya mengapa Kerajaan enggan mengambil tindakan-tindakan menurut Fasa 8 (1), (2), (a), (b), (c); (3), (4), (a), (b), (c), dan Fasal 9 (a), (b), (c), (d) sampai (f), mengapa? Ada kandungan-kandungannya boleh memberi penalti dan menjaga kepentingan kepada depositor-depositor, mengapa mereka tidak menguatkuasakan atau mengambil langkah-langkah menurut Akta-akta yang sedia ada itu? Sila jawab.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingat ada perlu juga dibezakan sedikit di antara kedua-dua pihak iaitu yang pertama yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji tadi iaitu depositors dan mengenai Akta Koperasi 1948, peruntukan-peruntukannya hanya menyentuh mengenai kepentingan ahli-ahlinya.

Depositors dan ahli-ahli koperasi adalah dua bahagian yang berlainan.

Mengenai soalan kedua Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji tadi, beliau menyentuh mengenai tindakan terhadap sesiapa yang menyeleweng daripada 24 buah koperasi, ini adalah jauh terpesong dari soalan pertama iaitu pindaan kepada Akta yang berkenaan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya Yang Berhormat, apa dia?

Tuan Lau Dak Kee: Yang saya sebutkan depositors itu ada berlainan? Tidak. Mengikut Akta-akta ini jelas. Minta izin, untuk dibaca:

“Co-operative society means a co-operative society registered or deemed to be registered under the Co-operative Societies Act 1948.”

Ini adalah jelas di sini. Mengapa ada perbezaan itu?

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji tidak begitu faham tentang hal ehwal koperasi. Sebenarnya mengikut Co-operative Society Act, 1988, kebanyakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 1948.

Tuan Lau Dak Kee: 1988? Belum sampai lagi.

Tuan Ng Cheng Kuai: 1948.

Tuan Lau Dak Kee: Oh! 1988, salah pula.

Tuan Ng Cheng Kuai: Kita semua orang manusia. Yang Berhormat itu seolah-olah bersikap bahawa dia tidak pernah buat kesilapan. (*Tepuk*)

Tuan Lau Dak Kee: Itu sangkaan jahat. Saya hanya menunjukkan

kesilapan yang Yang Berhormat itu telah buat. Saya hanya membetulkannya. Jawapannya sangkaan jahat. Minta dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak. Teruskan Yang Berhormat. Sudahkah habis?

Tuan Ng Cheng Kuai: Sudah habis.

JAMBATAN DI BATU KAWA, SARAWAK—KAJIAN

8. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kerajaan pernah mengkaji potensi ekonomi dan membuat kajian awal untuk membina sebuah jambatan di Batu Kawa menyeberangi Sungai Sarawak, menghubungi bandar Batu Kawa dengan Kuching dan jikalau tidak, sama ada Kerajaan bercadang hendak berbuat demikian.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua kajian yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat belum lagi dijalankan. Walau bagaimanapun Kerajaan sememangnya bercadang untuk membuat kajian awal bagi membina jambatan Sungai Sarawak. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, cadangan jambatan terletak di jalan raya utama Negeri Sarawak iaitu di bahagian jalan raya Kuching/Batu Kawa/Bau yang mana pihak perunding di dalam kajian pengangkutan telah memperakukan supaya kerja-kerja menaikkan taraf jalan raya Kuching/Batu Kawa/Bau termasuk jambatan Sungai Sarawak perlulah diberi keutamaan.

Oleh itu, projek jambatan Sungai Sarawak dan jalan Kuching/Batu Kawa/Bau adalah salah satu projek yang dipilih untuk dibuat kajian kemungkinan dan rekabentuk awal berdasarkan kepada laporan pengangkutan yang menggunakan jalan tersebut.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi maklumat kepada saya bilakah boleh kajian kemungkinan ini disiapkan dan oleh kerana memandangkan bahawa perjanjian telah dibuat pada masa yang sudah lama, iaitu 20 tahun dahulu bahawa jambatan ini akan dibuat dan semua rakyat jelata di Batu Kawa sudah pun menderita kesan buruk, khasnya dalam musim hujan sekarang. Jalan itu bukan jalan lagi tetapi sudah menjadi longkang. Bilakah kajian kemungkinan boleh dibuat dan bolehkah Yang Berhormat Menteri sendiri memberi satu jaminan mungkin hari lain dia pergi ke Sarawak dan mengalami dirinya sendiri keadaan buruk itu.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Boleh tanya? Yang Berhormat, yang putih-putih ini, apa fasal?

Tuan Lim Kit Siang: Berkabung kematian demokrasi—2 hari. Dosa OSA, itulah. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat itu tunggu peluang untuk mengeluarkan statement itu. (*Ketawa*) Yang Berhormat mahu beri peluang pula?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau lain-lain Ahli mahu, kita boleh beri. Mahu? (*Ketawa*) Ini perkara serius.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun dan menghulurkan kain putih kepada Dato' S. Samy Vellu*)

Dato' S. Samy Vellu: Boleh, boleh beri, saya boleh terima. (*Ketawa*) Saya boleh ambil. Apa salahnya, kawan baik beri, saya mesti ambil.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, minta duduk! Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan Yang Berhormat. Padi tadi saya telah memberi arahan kepada Pengarah Kerjaraya untuk menghubungi Jabatan Kerjaraya di Sarawak untuk memberi kepada saya laporan. Selepas laporan itu, saya akan menulis satu surat kepada Yang Berhormat berkenaan dengan butir-butir yang telah diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Kedua, berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk apabila mereka menggunakan jalan itu, saya akan menyasat perkara itu dan jikalau boleh saya akan meminta Jabatan Kerjaraya untuk memperbaiki keadaan jalan yang sedia ada.

Yang ketiga, dalam lawatan saya bulan Januari, saya akan menyasat sendiri apakah masalah ini dan saya juga akan memberitahu Yang Berhormat kerana dalam masa lawatan saya, Yang Berhormat boleh juga mendapat lebih keterangan daripada saya.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu selain dari meminta laporan dari pihak JKR dan menulis surat, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan pernah melawat dan mengunjungi Batu Kawa itu, sebab saya sendiri pernah pergi ke sana memberi ceramah dan syarahan. Dari Bandar Kuching hendak pergi ke Batu Kawa mengambil masa lebih kurang 40 minit melalui bermacam-macam jalan yang tidak boleh disifatkan seperti jalan. Saya mendapat tahu Yang Berhormat Menteri akan pergi pada Januari tahun depan. Apa guna? Sebab apabila beliau pergi, jalan itu semua telah ditarkan dan beliau tidak boleh mendapat satu gambaran yang benar. Itu saya ingin hendak tahu? Kalau hendak pergi, pergi dengan cara mengejut, sulit, jangan beritahu JKR.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Rasah. Tadi Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah minta saya sedikit butir-butir berkenaan dengan apa yang telah dan sedang berlaku dalam kajian dan lain-lain. Saya telah kata saya akan tulis surat kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Tetapi berkenaan dengan lawatan saya ke negeri Sarawak, saya sudah pun membuat satu lawatan lebih kurang 7 bulan yang lalu dan saya membuat lawatan itu kepada dua bahagian. Bahagian pertama dari Kuching ke Miri. Kita sudah membuat lawatan dan dalam lawatan itu kita telah membuat satu kajian dan saya telah mendapatkan daripada Kerajaan Pusat iaitu peruntukan pertama \$60 juta untuk memperbaiki jalan. Saya juga ada membuat permintaan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan lebih wang peruntukan untuk memperbaiki keadaan jalan dari Kuching ke Miri dan Bintulu.

Bahagian yang kedua lawatan ialah dalam bulan Januari yang mana saya boleh juga memberitahu Yang Berhormat berapakah peruntukan yang kita boleh sediakan untuk memperbaiki kawasan itu.

Ketiga, apabila saya membuat lawatan kepada tiap-tiap tempat mesti saya memberitahu kepada pegawai-pegawai, jikalau tidak, saya tidak boleh mendapat apa-apa butir-butir daripada mereka apakah keadaan ataupun apakah rancangan yang dibuat oleh Jabatan Kerjaraya. Walau bagaimanapun, saya berjanji kepada Yang Berhormat bahawa Jabatan Kerjaraya mesti menunaikan janji mereka seperti apa yang dibuat oleh Menteri.

SIDANG KEMUNCAK NEGARA BERKECUALI DI HARARE

9. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad
minta Menteri Luar Negeri

menyatakan hasil lawatan beliau ke Harare baru-baru ini.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, di Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali ataupun, dengan izin, "NAM" di Harare baru-baru ini, Malaysia berjaya memainkan peranan yang berkesan dalam usaha penubuhan Suruhanjaya Bebas Selatan dan juga dalam isu-isu semasa antaranya Apartheid, Kampuchea, Dadah dan Antartika.

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Bebas Selatan, Sidang Kemuncak ini telah memberi sokongan penuh terhadap penubuhannya. Sementara itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula telah diberikan penghargaan di atas inisiatif dan usaha beliau bagi menjayakan penubuhan Suruhanjaya tersebut.

Mengenai dasar apartheid, Malaysia telah menekankan pendirian tegasnya mengenai betapa perlunya sekatan ekonomi yang menyeluruh terhadap regim Pretoria dalam usaha menghapuskan dasar tersebut. Sementara itu, satu tabung bantuan telah ditubuhkan untuk membantu negara-negara di barisan hadapan dalam menghadapi tindakbalas Afrika Selatan. Malaysia juga telah meluahkan hasratnya untuk menyertai dalam rancangan memberi latihan kepada kaum kulit hitam bagi menyediakan mereka mengambil alih teraju kerajaan tatkala Afrika Selatan memperoleh kemerdekaan.

Mengenai Kampuchea, Malaysia berusaha membangkitkan soal perwakilan Kampuchea di Pergerakan Negara-negara Berkecuali. Dari itu, mandat untuk meneruskan kajian ke atas persoalan ini telah diperbaharui.

Mengenai isu dadah, Malaysia berjaya mempertingkatkan kesedaran di peringkat antarabangsa mengenai bahaya gejala penyalahgunaan dadah

dan menggesa tindakan bersama serta kesanggupan politik setiap pihak untuk membanterasnya.

Mengenai soal Antartika, Malaysia telah berjaya memperolehi sokongan negara-negara Pergerakan Negara-negara Berkecuali. Dalam deklarasi muktamad, Persidangan Pergerakan tersebut telah mengiktirafkan kepentingan Antartika kepada masyarakat dunia dan menyokong Malaysia dalam usaha mendapatkan negara-negara "Antarctic Treaty Consultative Parties", dengan izin, Pergerakan Negara-negara Berkecuali juga telah menyeru untuk menyingkirkan Afrika Selatan daripada Tritis Antartika.

Tuan Yang di-Pertua, semasa berada di Harare saya dan Perdana Menteri juga berpeluang mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan sejawat dari negara-negara tuan rumah. Perjumpaan-perjumpaan tersebut amat berkesan dalam usaha memupuk dan mempertingkatkan hubungan dua hala.

Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa di Persidangan di Harare, negara-negara barisan hadapan dengan Afrika Selatan seperti negara Botswana, Zimbabwe, Zambia, Zaire, Mozambique dan Malawi telah pun melahirkan perasaan gelisah mereka oleh sebab negara-negara mereka adalah terdedah dan terancam oleh regim apartheid Afrika Selatan. Saya ingin tahu apakah jaminan-jaminan yang dibuat oleh pihak-pihak Negara-negara Berkecuali yang bersidang di Harare baru-baru ini untuk memberi bantuan dan juga latihan tentera supaya perasaan gelisah ini dapat diredakan daripada negara-negara barisan hadapan?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sangkaan yang dibuat oleh Ahli

Yang Berhormat itu memanglah benar. Malah sebahagian daripada bilangan negara-negara yang beliau sebutkan itu telah mengutus surat rasmi kepada pihak yang menganjurkan persidangan berkenaan. Dalam pada itu kita tidak juga menafikan bahawa ada beberapa anggota "NAM" atau Pergerakan Negara-negara Berkecuali yang membantu terus menerus perjuangan yang dikendalikan oleh beberapa negara yang dianggap sebagai negara sempadan hadapan.

Pada setakat ini, selain daripada "Tabung Solidarity" yang disebutkan itu belum ada lagi apa-apa kegiatan atau bantuan dalam bentuk senjata mahupun dalam bentuk fizikal yang lain. Namun demikian, Bangsa-bangsa Bersatu telah merakamkan kekuatiran ini dan adalah dalam tindakan Yang di-Pertua atau Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali mengambil tindakannya dalam tempoh yang diberi kepada beliau.

Dalam pada itu, Malaysia juga adalah memberi sokongan dari segi apa jua yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Bertindak di bawah anjuran persidangan tersebut.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bersabit dengan apartheid, adakah negara kita menganggap serius terhadap sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan? Sebab di Dewan yang mulia ini rakan-rakan saya telah mengemukakan bahawa ada sebuah syarikat iaitu Rothmans yang beroperasi di negara kita yang majority share-holdernya, dengan izin, adalah dari Afrika Selatan. Adakah beliau bercadang untuk mengambil tindakan yang tegas, sebab kalau negara kita tidak mengambil tindakan yang tegas, sekatan ekonomi ini tidak bermakna dan seolah-olah Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, soalan asalnya ialah meminta Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke Harare. Soalan tambahan ini keluar daripada soalan asal. Adakah soalan lain?

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai dasar apartheid.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada lain soalan?

Tuan Ngoi Thiam Woh: Itulah soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah. Yang Berhormat dari Kuantan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya dapati jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini sejak dua bulan lepas banyak juga berlegar sekitar Antartika, dan selepas balik dari Harare ini soal Antartika diperkatakan lagi. Tetapi apa yang saya kesankan bahawa dalam jawapan Yang Berhormat itu keadaan Antartika ini masih lagi di takuk lama iaitu memperkatakan bahawa pentingnya Antartika ini kepada manusia sejagat.

Saya ingin tahu apakah sebenarnya kemajuan ataupun tahap-tahap yang lebih konkrit yang telah dicapai dalam Persidangan Harare itu dan juga apakah tuntutan bahawa Afrika Selatan disingkir dari triti itu bererti bahawa kita mengiktiraf kumpulan yang sedia ada?

Dato' Rais Yatim: Pertama, Tuan Yang di-Pertua, tersingkirnya Afrika Selatan dari ATPC atau Triti yang berhubung dengan Antartika itu adalah secara langsung menandakan bahawa tanggungjawab kolektif badan-badan dan negara-negara yang bersekutu dengannya wujud dan dari

segi apartheid pula ini merupakan satu pukulan yang besar dan merupakan pukulan yang berkesan.

Yang kedua, berhubung dengan kesan, maju dan tahapnya, suka saya menyatakan bahawa usul Antartika ini samalah lebih kurang tarafnya dengan usul dan perkara yang bersabit dengan Undang-undang Lautan iaitu tidak berlari seperti yang lain-lain. Amerika dan Russia, Tuan Yang di-Pertua, jelas menunjukkan kedegilan dalam soal ini dan mereka tidak ada menandakan sebarang perasaan "universal", dengan izin, bagi membantu Jawatankuasa Perundangan atau Jawatankuasa Consultative yang diwujudkan.

Malaysia berpendapat selagi Amerika dan Russia berpendirian demikian maka selama itulah perjuangan negara-negara bebas untuk mewujudkan Antartika sebagai kawasan sumber alam yang bebas terjejas sedikit sebanyak. Malaysia tidak putus asa dan akan terus memperjuangkan usaha ini di peringkat-peringkat yang lainnya.

SEKOLAH AGAMA RAKYAT— SUKATAN PELAJARAN

10. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menyelaraskan dan membantu Sekolah Agama Rakyat terutamanya mengenai sukatan pelajaran dan tenaga pengajarnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah menyediakan Sukatan Pelajaran Agama Islam Biasa dan Sukatan Pelajaran Agama Islam Tinggi dan Bahasa Arab untuk kegunaan Sekolah Menengah Agama di bawah tanggungjawab Kementerian

Pelajaran. Sekolah Agama Rakyat juga digalakkan untuk menggunakan Sukatan Pelajaran tersebut, tetapi pihak Kementerian tidak dapat mewajibkan Sekolah Agama Rakyat menggunakan Sukatan Pelajaran tersebut kerana ianya bukan di bawah bidang kuasa Kementerian.

Mengenai jenis-jenis bantuan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran adalah ditanggung sepenuhnya perbelanjaan oleh Kementerian Pelajaran. Kementerian akan memberi bantuan guru kepada Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri yang memohon bantuan tersebut.

Kementerian juga ada memberikan bantuan kewangan berdasarkan bilangan kepala murid pada setiap tahun dan berdasarkan peringkat pengajaran pada sekolah agama rakyat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengambil alih Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang dipersetujui oleh Jemaah Lembaga Pengelola bagi membantu menyelesaikan masalah kedaifan sekolah-sekolah tersebut? Kita sedar sekolah-sekolah tersebut bukan sahaja dari segi sukatan pelajaran, malah tenaga pengajarnya, ada menerima gaji tidak lebih daripada \$150 sebulan, manakala kemudahan-kemudahan lain amatlah mendukacitakan. Sementara sekolah-sekolahnya pula ada setengah-setengah itu boleh disifatkan, kalau diizinkan saya boleh sebut sebagai kandang. Walaupun ini bukan tanggungjawab Kementerian Pelajaran, apakah pihak Kementerian Pelajaran akur dan sensitif dari segi memberi pembelaan yang sewajarnya kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar tentang kedaifan sebahagian daripada Sekolah Agama Rakyat dan sedia menimbangkan sekiranya ada permohonan secara khususnya. Namun perlulah dijelaskan bahawa pertimbangan ini akan tertakluk kepada Jawatankuasa yang sedang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Zahir bin Ismail yang berusaha untuk mengkaji dan menyelaraskan semua sekolah-sekolah yang dimaksudkan ini.

DASAR EKONOMI BARU— PERLAKSANAAN

11. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa prinsip-prinsip Dasar Ekonomi Baru tidak dilaksanakan dan dipatuhi oleh Kerajaan dan terangkan mengapa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah mengakibatkan kehilangan peluang kerja dan hak-hak ekonomi, contohnya dalam hal mengeluarkan lesen dan sebagainya dan Dasar Ekonomi Baru itu sebaliknya telah gagal membuat "kek ekonomi" itu lebih besar untuk dinikmati oleh semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan kebudayaan dan menerangkan mengapa Dasar Ekonomi Baru membahagikan warganegara Malaysia kepada golongan Bumiputera dan yang bukan Bumiputera dalam peluang memberi pekerjaan dan perniagaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua soalan Yang Berhormat pada asasnya telah pun dijawab beberapa kali dalam persidangan di Dewan ini. Saya tidak berhajat untuk memberi jawapan yang panjang lebar. Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada dokumen-dokumen rancangan pembangunan Kerajaan, seperti Rancangan Malaysia Kelima (RML) untuk keterangan lanjut.

Saya cuma ingin menyatakan bahawa tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah untuk memperseimbangkan kedudukan ekonomi semua kaum bagi mencapai pembahagian kekayaan yang lebih adil. Dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu, segala prinsip DEB dipatuhi dan pelan pelaksanaannya dibuat sejajar dengan Pelan Jangka Panjang, dengan izin, Outline Perspective Plan, dan pada keseluruhannya, kita berpuas hati dengan pelaksanaan program-program Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun Kerajaan bersedia menyiasat apa-apa penyelewengan yang berlaku jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi bukti yang nyata terhadap tuduhan-tuduhan tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham dengan keadaan ekonomi dunia yang meleset sekarang yang berikutnya turut menjejaskan permintaan terhadap keluaran negara kita, dan dengan itu ekonomi negara ini tidak dijangka dapat berkembang sebagaimana yang diharapkan. Keadaan inilah yang telah membawa kesan-kesan negatif kepada ekonomi kita termasuk menjejaskan peluang-peluang pekerjaan dan sebagainya. Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa pelaksanaan DEB telah membawa kesan-kesan buruk adalah tidak berasas.

Ahli Yang Berhormat maklum bahawa Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk memperseimbangkan pembahagian kekayaan negara bagi mencapai perpaduan negara. Dengan tercapainya matlamat ini masyarakat tidak akan lagi terasa curiga mencurigai antara golongan bumiputera dan bukan bumiputera. Saya berharap Yang Berhormat benar-benar faham falsafah ini dan turut bekerjasama terhadap pencapaian cita-cita ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang

Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa istilah bumiputera dan bukan bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru adalah perlu untuk membanteras jurang perbezaan antara kaum. Apakah keadaan warganegara Malaysia yang miskin, adakah kedudukan ekonomi mereka terjamin dan bukannya istilah bumiputera dan bukan bumiputera ini menyebabkan merupakan satu punca mengapa perpaduan negara kita tidak boleh dicapai. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sama ada istilah ini akan digugurkan kerana bukan sahaja istilah ini sahaja dapat menyelesaikan masalah ekonomi, tetapi rancangan-rancangan yang boleh membantu semua rakyat warganegara yang perlu dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bercadang untuk menggugur istilah ini, adakah ini bermakna bahawa istilah ini telah dipersetujui oleh semua komponen Barisan Nasional iaitu termasuk MCA, MIC, GERAKAN dan PBS?

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah berkali-kali menyatakan bahawa takrif peristilahan bumiputera dan bukan bumiputera ini tidak langsung berhasrat untuk memisahkan di antara kaum. Mungkin ini fahaman pihak Pembangkang yang sengaja tidak mahu memahami dasar penggunaan takrif itu. Saya ingin mengingatkan bahawa rujukan bumiputera dan bukan bumiputera seperti yang telah dijelaskan di Dewan yang mulia ini adalah bertujuan untuk memudahkan presentation atau kedudukan masyarakat berbilang kaum. Dan kita menyedari hakikat bahawa Perlembagaan kita pada asasnya tidak membezakan bumiputera dan bukan bumiputera. Perlembagaan kita telah menentukan bahawa hak-hak asasi semua lapisan masyarakat tidak kira bumiputera atau bukan bumiputera adalah sama dan patut dilindungi. Tetapi seperti Perlembagaan lain, ia

mesti juga melindungi kumpulan-kumpulan tertentu yang berkehendakkan pembelaan. Oleh itu Perlembagaan kita memberi hak-hak keistimewaan tertentu kepada bumiputera oleh kerana latarbelakang sejarah, kedudukan ekonomi yang kurang baik, peluang-peluang pekerjaan, pelajaran dan lain-lain. Kita akan teruskan penggunaan istilah ini kerana kita yakin bahawa penggunaan ini dalam konteks pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu akan terus diharap dapat mencapai matlamat pembangunan negara kita.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah Kerajaan sedar bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru terutama dalam bidang kontrak pembinaan dan perumahan, bukan bumiputera dikatakan lebih mendapat faedah daripada bumiputera, kerana sebagaimana yang kita tahu, lebih daripada 80% barang-barang tersebut diambil daripada bukan bumiputera? Sekiranya sedar, apakah cadangan Kerajaan di masa akan datang supaya bumiputera dapat mencapai matlamat sepenuhnya?

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari bahawa perkara ini memang berlaku tetapi tindakan-tindakan akan diambil untuk memastikan supaya penglibatan bumiputera akan lebih mendapat manfaat yang memuaskan.

HARGA KELAPA SAWIT

12. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah punca kemerosotan harga kelapa sawit dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menstabilkan harga dan pasarannya; dan

- (b) apakah yang terjadi kepada skim stok penimbal getah yang diutarakan oleh Yang Berhormat Dato Musa Hitam satu masa dahulu. Apakah ia tidak mendapat sambutan ataupun kerana ianya tidak ditimbulkan lagi.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada soalan ini adalah agak panjang sedikit. Bolehkah saya menjawab dengan cara bertulis?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih.

KAD PENGENALAN

13. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyak Kad Pengenalan yang tidak dituntut yang masih tersimpan di Jabatan Pendaftaran Negara sehingga 30-6-1986; dan
- (b) daripada jumlah itu, berapa banyak kes berhubung dengan Kad Pengenalan yang hilang dan Kad Pengenalan yang dibaharui semula bagi mereka yang telah mencapai umur 18 tahun. Nyatakan langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 30hb Jun, 1986 sebanyak 2,692 kad pengenalan yang tidak dituntut masih tersimpan di ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara. Angka ini tidak dapat dipecahkan kepada kategori

Kad Pengenalan Gantian kerana kehilangan dan Kad Pengenalan Gantian di bawah peraturan 16 kerana Jabatan Pendaftaran Negara tidak menyimpan angka-angka sedemikian itu.

Untuk menyegerakan penyerahan Kad Pengenalan yang siap diproses, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengambil beberapa langkah yang sesuai seperti menghubungi dengan surat kepada pemohon berkenaan, di samping itu kerjasama dari Pejabat Penghulu, Penggawa, Jabatan Penerangan dan RTM dan bagi menghebahkan supaya pemohon-pemohon mengambil Kad Pengenalan mereka akan dapat kita lakukan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya barangkali agak pelik, tetapi benar, lucu tetapi serius.

Soalannya begini, adakah pihak Menteri berkenaan sedar ada dua orang warganegara Malaysia ataupun bumiputera atau pribumi tulen yang difitnah oleh orang UMNO satu ketika dengan menuduh mengatakan bahawa mereka mengacau dalam kampung, kerana mereka kuat dengan partinya. Kemudian mereka hantar surat kepada pihak yang berkenaan supaya diambil tindakan untuk menangkap, akhir sekali mereka ini ditangkap dan dibuang daerah selama 5 tahun, dalam masa itulah kad mereka yang dahulunya hijau kerana bumiputera, tetapi telah dimerahkan kerana terlibat dalam kes yang saya sebutkan tadi, setelah cukup 5 tahun mereka ini dibebas, tetapi dukacita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalannya Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Hendak soallah ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tentang?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Apabila diminta ubah balik kad merah kepada hijau mereka tidak diterima, tetapi seorang daripada mereka diterima untuk kembali dengan kad hijau kerana beliau masuk UMNO, yang kedua ini tidak diterima sampai hari ini. Perkara ini berlaku pada tahun 1965 ertinya 20 tahun lebih, sampai hari ini orang kedua ini tidak dapat diubah dari kad merah kepada kad hijau kerana beliau masih kekal dalam membangkang.

Soalannya saya mahu tahu, adakah pihak Kerajaan sedar dan kalau sedar, mengapa perkara ini berlanjutan sampai 20 tahun lebih dan kalau sekiranya tidak sedar, adakah dapat jaminan hari ini supaya kad ini dapat dihijaukan balik dan untuk mendapat bukti saya boleh tunjuk nama dan sekian-sekian.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu nampaknya sedih juga melaporkan perkara ini, tetapi tidaklah sesedih ahli-ahli DAP yang pakai gelang putih. *(Ketawa)*

Tuan Hu Sepang: Apa salah dengan ini? Minta penjelasan Yang Berhormat!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidaklah sesedih saya rasa. Nasihat saya ialah, oleh kerana saya tidak ada bukti jelas mengenai kad hijau tidak ada. Jadi, kerana laporan rasmi tidak ada kepada Kementerian, kalau Yang Berhormat itu melaporkan kepada kami secara rasmi, kita akan selidik perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau hendak bukti hari ini pun saya boleh beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh jumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri selepas ini.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Cuma saya minta jaminan, takut kalau saya beri laporan tiada tindakan sampai 20 tahun pula. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum saya buat soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya sama ada beliau telah pasang lilit tangan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat teruskan dengan soalan tambahan.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin tahu sama ada kad-kad pengenalan yang tidak dituntut sama ada termasuk sekurang-kurangnya lebih daripada 100 kad pengenalan yang nombornya 000000, enam kali "O" yang mana terdapat di Sabah dan mereka itu telah didaftar menjadi pengundi serta telah membuang undi juga, sama ada beliau sedar atas perkara ini, oleh kerana perkara ini telah pun diberitahu kepada Kementerian Dalam Negeri?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat nampaknya tidak sedih. Itu belum dilaporkan kepada kami oleh kerana itu kami tidak sedar.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 14 adalah diberi di bawah ini.)

**MAJLIS HAL EHWAL BELIA
KOMANWEL—PENYERTAAN
MALAYSIA**

2. Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah perkara yang dibincangkan dalam persidangan Majlis Hal Ehwal Belia Komanwel (CYAC) di Georgetown, Guyana pada bulan Mei yang lalu yang disertai oleh perwakilan daripada Malaysia. Dan apakah bentuk rancangan bersama yang boleh memberikan manfaat kepada para belia di negara ini. Hingga setakat ini apakah bentuk sumbangan yang telah, akan diberikan oleh Majlis Belia Komanwel itu bagi kepentingan pergerakan belia di negara ini.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Majlis Hal Ehwal Belia Komanwel (CYAC) adalah badan pembuat dasar bagi Commonwealth Youth Programme yang telah mengadakan persidangannya di Georgetown, Guyana pada 10-5-1986 hingga 14-5-1986 telah membincangkan program-program dan peruntukan kewangannya bagi tempoh 1986-1988. Ia juga telah membincangkan satu kertas dasar mengenai struktur dan mekanisma bagi penglibatan belia dalam pembangunan.

Kehadiran delegasi Malaysia yang terdiri dari Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada masa itu, Ketua Pengarah Belia dan seorang wakil Majlis Belia Malaysia dalam persidangan ini telah dapat mempengaruhi dasar dan juga program badan ini. Sebagai contohnya, kita telah dapat mempengaruhi badan ini supaya

menjadikan usaha membanteras penyalahgunaan dadah sebagai satu dari program pentingnya.

Hasil dari penyertaan cergas kita dalam badan ini sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1971, negara telah dapat faedah-faedah berikut:

- (1) Malaysia mendapat 5 biasiswa tiap-tiap tahun untuk menghantar pegawai dan pemimpin belia ke Kursus Diploma dalam Kerja Belia di Pusat Latihannya di Chandigarh, India.
- (2) Malaysia dapat menghantar dari masa ke semasa pegawai-pegawai belia untuk menghadiri kursus-kursus worksyop dan seminar-seminar dengan percuma.
- (3) Dengan bantuan kewangan dan kepakaran-kepakaran badan ini, Malaysia dapat mengadakan kursus-kursus, worksyop-worksyop dan seminar di negara ini.
- (4) Dari masa ke semasa, Malaysia menerima biasiswa dari badan ini untuk menghantar pegawainya untuk lawatan sambil belajar.
- (5) Dari masa ke semasa, Malaysia menerima bantuan kewangan untuk projek kecil:
 - (i) Projek ternak kambing di Melaka—\$6,000
 - (ii) Projek membeli alat-alat latihan untuk Bengkel Teknologi Desa, Pamah Kulat—\$6,000
- (6) Badan ini juga menghantar pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin belia dari negara-negara Commonwealth yang lain ke Malaysia untuk latihan dalam bidang belia. Ini mendatangkan faedah politik, ekonomi dan sosial kepada negara ini.

**PERKHIDMATAN NEGARA
(NATIONAL SERVICE)**

14. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan perkhidmatan Negara (National Service) bagi semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas. Jika tidak, mengapa.

Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Rancangan mewajibkan rakyat di dalam "Perkhidmatan Negara" (National Service) masih belum sesuai lagi diadakan di negara ini. Rancangan "National Service" memerlukan banyak wang dan kakitangan. Dengan keadaan kemelesetan ekonomi yang kita hadapi sekarang nampaknya tidak ada peluang langsung untuk mengadakan rancangan ini, sebaliknya Kerajaan kita yakin Pasukan Angkatan Tentera yang ada sekarang mempunyai kemampuan untuk menghadapi sebarang kemungkinan tanpa memerlukan kerahan tenaga seluruh rakyat. Kerajaan tidak berhajat untuk memaksa rakyat berkhidmat dalam angkatan tentera, kerana pertahanan adalah tanggungjawab semua warganegara yang cintakan tanahairnya. Walau bagaimanapun, peluang untuk rakyat berkhidmat dalam Angkatan Tentera sentiasa terbuka luas untuk mereka yang berminat tanpa sebarang paksaan.

Untuk melibatkan semua lapisan masyarakat dalam kegiatan ketenteraan, belia-belia dan beliawanis adalah digalakkan untuk tampil ke hadapan mendaftar diri sebagai anggota sukarela dalam Askar Wataniah (PSTD) pasukan simpanan sukarela TLDM dan pasukan simpanan sukarela TUDM. Adalah menjadi harapan Kementerian Pertahanan supaya bilangan anggota simpanan sukarela melebihi dari anggota tentera tetap.

**RISALAT MESYUARAT—
PEMBENTANGAN**

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri atas point of order, Peraturan Mesyuarat 20 (1) mengenai risalat-risalat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, risalat-risalat yang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 20?

Tuan Lim Kit Siang: 20 (1) mengenai risalat-risalat mesyuarat. Peraturan Mesyuarat ini berbunyi:

"20 (1) Risalat-risalat mesyuarat hendaklah dibawa ke dalam mesyuarat hanya oleh Tuan Yang di-Pertua atau oleh seorang Menteri atau."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan Mesyuarat 21 atau 20?

Tuan Lim Kit Siang: 20 pecahan (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Al right.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 20 (1) berbunyi:

"Risalat-risalat mesyuarat hendaklah dibawa ke dalam mesyuarat hanya oleh Tuan Yang di-Pertua atau oleh seorang Menteri atau pengerusi Jawatankuasa dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha."

Jadi, dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, saya nampak bahawa ada terdapat DR 1/83, Laporan Jawatankuasa Kira-kira Audit Negara di atas Laporan Ketua Wang Negara bagi Kira-kira Kerajaan Persekutuan tahun 1976—10 tahun dahulu.

Saya mahu tanya sebenarnya, sama ada pembentangan risalat-risalat ini sah atau tidak sah dan kalau sah, siapa hantar risalat ini? Tentu tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, tentu bukan seorang Menteri dan tentulah bukan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, oleh kerana Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara belum pun bermesyuarat dan inilah yang aneh sekali. 10 tahun lepas Laporan Kira-kira Wang Negara dibentang dan saya ingat pada tahun lalu, dalam Dewan ini saya ada mengemukakan satu Usul mengenai perkara ini untuk protes Penyata Kira-kira Wang Negara Tahun 1977. Selepas itu sekarang kita dapat Laporan tahun 1976, kita go backwards, bukan ke depan. Apa yang berlaku benda ketawa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, yang betulnya apa?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak sah, saya mencadangkan bahawa hendaklah dikeluarkan daripada jadual risalat-risalat ini dan saya harap bahawa P.A.C. akan bermesyuarat dan kita akan dapat satu laporan tentang apa yang sudah berlaku mengenai laporan-laporan ini. Parlimen ini sudah menjadi Muzium, ini bukan Arkib.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, risalat-risalat ini dibawa oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Siapa pihak yang berkenaan, kita mahu tahu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Menteri atau Pengerusi Jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang: Tentu bukan Menteri, bukan Jawatankuasa, oleh kerana Jawatankuasa belum bermesyuarat, kalau ada

Jawatankuasa sudah mati dua kali, tahun 1976 mana ada Jawatankuasa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bolehkah Yang Berhormat tulis satu surat kepada saya?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu untuk ambil perhatian, oleh kerana ini tidak sah. Inilah point of order. Saya tidak mahu tulis surat, tulis surat tidak guna.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tulis surat—ada guna.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh ambil perhatian dan siasat. Apa guna tulis surat, cakap cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh, Yang Berhormat. Apa yang Yang Berhormat kata tadi, kita akan siasat sekarang dan beri jawapan, sebab sekarang saya tidak ada bukti-bukti.

MENANGGUHKAN RANG UNDANG-UNDANG BACAAN KALI YANG KEDUA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 62, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, saya meminta supaya Rang Undang-undang yang berikut ditangguhkan pertimbangannya di peringkat bacaan kali yang kedua dan ketiga pada mesyuarat Dewan Rakyat yang akan datang:

- (i) Rang Undang-undang Hak-cipta 1986 (Kertas DR. 27/86).
- (ii) Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 1986 (Kertas DR. 29/86).

(iii) Rang Undang-undang
Mahkamah Kehakiman
(Pindaan) 1986 (Kertas DR.
30/86).

(iv) Rang Undang-undang
Mahkamah Rendah (Pindaan)
1986 (Kertas DR. 31/86).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Baiklah.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyebut sebab-sebab penarikan balik Rang Undang-undang ini, oleh kerana waktu membentangkan Rang Undang-undang ini bagi bacaan kali pertama Menteri-menteri berkenaan itu berjanji ia akan dibawa untuk bacaan kali kedua dalam mesyuarat kali ini juga. Kami ingin mendapat tahu sebab-sebab penarikan ini terpaksa dibuat, walaupun memang berhak berbuat demikian, tetapi sebagai Ahli dalam Dewan ini kita berhak juga untuk mengetahui sebab-sebabnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak payah menjawab; kalau hendak menjawab, boleh.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut Peraturan Mesyuarat pada hari ini kita mesti selesaikan sebanyak 9 Rang Undang-undang dan sudah tentulah kalau kita terpaksa menyelesaikan 9 Rang Undang-undang dalam satu tempoh masa yang begitu singkat, nanti takut pula Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak DAP sekali lagi menuduh Kerajaan untuk membawa Rang Undang-undang itu dengan tidak mengambil pertimbangan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Setiausaha. Adakah Usul Yang Berhormat?

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Dato Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Rang Undang-undang yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, kecuali perkara 2, 7, 8, dan 9 yang telah ditangguhkan pertimbangannya, telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Rang Undang-undang yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, kecuali perkara 2, 7, 8 dan 9 yang telah ditangguhkan pertimbangannya, telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini

sehingga semua Rang Undang-undang yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, kecuali perkara 2, 7, 8 dan 9 yang telah ditangguhkan pertimbangannya, telah selesai selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca Kali Yang Kedua sekarang". (*4hb Disember, 1986*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menyambung.

3.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, sesebuah syarikat, kecuali sebuah syarikat persendirian yang terkecuali (*exempt private company*) adalah dilarang oleh seksyen 133 Akta Syarikat dari memberi pinjaman ataupun memberi sekuriti untuk sesuatu pinjaman yang diberi kepada seseorang pengarah syarikat. Walau bagaimanapun, pengarah-pengarah syarikat yang tidak bertanggungjawab selalunya mengelakkan diri daripada larangan ini dengan cara memberi pinjaman, atau memberi sekuriti untuk pinjaman kepada saudara-maranya ataupun syarikat-syarikat yang dikuasai olehnya untuk mereka sendiri.

Seksyen baru 133A yang dicadangkan adalah bermaksud untuk menghalang pengarah-pengarah dari menggunakan jalan keluar yang terdapat di dalam undang-undang ini untuk mengeluarkan wang dari syarikat yang menyebabkan kerugian ditanggung oleh pemegang-pemegang sahamnya. Pengecualian adalah diberi di dalam hal di mana syarikat adalah sebuah bank atau syarikat kewangan, jika pinjaman yang diberi adalah di atas urusan perniagaan biasanya.

Pada masa ini, seseorang pengarah boleh mengelakkan dirinya daripada tindakan undang-undang dengan cara menggunakan seseorang yang ada hubungan dengan beliau atau seseorang di bawah kawalan beliau termasuk mana-mana syarikat di bawah kawalan beliau. Bagi tujuan menyekat seseorang pengarah melakukan tindakan sedemikian, seksyen baru 122A yang dicadangkan menentukan takrif bagi orang-orang yang ada hubungan dengan seseorang pengarah sesebuah syarikat. Larangan-larangan yang akan diperuntukkan di seksyen 132E dan 133A yang diterangkan tadi adalah juga terpakai kepada orang-orang yang ada hubungan dengan seseorang pengarah syarikat.

Di bawah peruntukan seksyen 132c yang ada sekarang, pengarah-pengarah syarikat adalah dilarang melupuskan sebahagian besar daripada hartabenda syarikat tanpa mendapat kelulusan Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk memberi perlindungan kepada anggota-anggota minoriti. Walau bagaimanapun, pengarah-pengarah syarikat masih mempunyai budibicara untuk menggunakan asset-asset syarikat ataupun menambah liabiliti syarikat bersabit dengan perolehan hartabenda yang mungkin menjejaskan perjalanan syarikat. Adalah difikirkan bahawa penggunaan budibicara pengarah, perlu ditegah, supaya kepentingan

anggota-anggota syarikat tidak terjejas. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 132c mewajibkan pembelian hartabenda yang bernilai tinggi terlebih dahulu diluluskan dalam Mesyuarat Agung.

Rang Undang-undang ini juga menyentuh peruntukan seksyen 179 untuk memberi kuasa tambahan kepada Panel Pengambilalihan dan Pergabungan yang dilantik oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian kerana mengikut peruntukan sekarang; Panel tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan sekatan ataupun menegur secara rasmi mana-mana pihak yang didapati melanggar prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang terkandung di dalam Kod Pengambilalihan dan Pergabungan. Sungguhpun kod tersebut masih belum dikuatkuasakan setakat ini oleh kerana beberapa sebab yang tertentu Panel Pengambilalihan dan Pergabungan merasa bahawa tanpa kuasa sekatan atau teguran rasmi ia akan hanya menjadi "toothless watch-dog" dan tidak dapat menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat. Dengan demikian subseksyen (7A) yang baru ditambah kepada seksyen 179 bagi memperuntukkan kuasa kepada Panel tersebut untuk.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan M. G. Pandithan: Tidak payahlah, saya habiskan dahulu.

Dr Tan Seng Giaw: Kerana dia kata "toothless watch-dog", saya pun tidak tahu maknanya.

Tuan M. G. Pandithan: Saya tidak beri jalan. Bila Yang Berhormat dapat peluang untuk membahas, bolehlah tanya.....mengenakan sekatan atau menegur secara rasmi mana-mana pihak yang didapati bersalah dari segi

kod Pengambilalihan dan Pergabungan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menjelaskan bahawa Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pihak pekerja-pekerja syarikat yang diletakkan di bawah proses penerimaan (receivership). Pada masa ini beberapa buah syarikat telah diletakkan di bawah proses penerimaan dan ada juga yang digulungkan oleh pemiutang-pemiutangnya. Seseorang penerima atau seseorang penyelesaian ketika menyelesaikan hutang-hutang sesebuah syarikat adalah dikehendaki mematuhi syarat-syarat keutamaan seperti yang ditetapkan oleh seksyen-seksyen 191 dan 292.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta jalankah Yang Berhormat?

Tuan M. G. Pandithan: Nanti Yang Berhormat itu dapat peluang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan M. G. Pandithan: Hati saya hendak beri tetapi masa tidak mengizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskanlah Yang Berhormat.

Tuan M. G. Pandithan: Mengikut seksyen-seksyen tersebut, hutang yang merupakan tunggakan gaji, pampasan pekerja dan sebagainya adalah diberi keutamaan lebih daripada hutang-hutang yang lain, kecuali hutang-hutang yang bercagar.

Walau bagaimanapun, jumlah maksima pada masa ini yang boleh dibayar oleh seseorang penerima atau penyelesaian mengenai gaji atau upah

kepada pekerja-pekerja bagi kerja-kerja yang telah dilakukan adalah ditetapkan tidak melebihi satu ribu lima ratus ringgit (\$1,500.00) sahaja. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan had bayaran yang terdapat di seksyen 292 dipinda supaya memberi kuasa kepada Kerajaan untuk menetapkan suatu had bayaran yang lebih realistik yang boleh diubahsuai dari masa ke semasa mengikut keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan tadi, pindaan-pindaan ini adalah dicadangkan bagi menjaga kepentingan awam, khususnya pelabur-pelabur kecil serta para pekerja syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis.

Puan Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Lambat, Yang Berhormat, sebenarnya masa sudah habis.

Puan Zainabon binti Abdu Bakar: Tidak payahkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak apalah, saya beri peluang kerana dari kaum wanita.

3.50 ptg.

Puan Zainabon binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana telah memberi saya peluang dan mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Pindaan kepada Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Pindaan kepada Akta Syarikat 1965 untuk mengemaskinikan dan mengetatkan lagi urusan syarikat-syarikat yang berdaftar bagi melindungi dan mengawasi kepentingan pemegang-pemegang saham. Saya ingin menumpukan perbahasan saya kepada tiga perkara.

Saya ingin menyentuh tambahan yang mana melarang sesuatu syarikat daripada memberi pinjaman kepada atau mengadakan guarantee atau security untuk pinjaman yang dibuat kepada seseorang yang ada kaitan dengan Pengarah. Syarat ini dikecualikan jika urusan biasa syarikat tersebut di antaranya meliputi memberi pinjaman wang atau memberi guarantee ke atas pinjaman yang diberi oleh seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pengecualian ini bermakna syarikat-syarikat yang juga memegang lesen peminjam wang boleh memberi pinjaman kepada seseorang yang ada kaitan dengan Pengarah Syarikat tersebut atau syarikat induk atau memberi guarantee atau security berkaitan dengan pinjaman yang telah diperolehi.

Syarat-syarat yang terkandung di dalam Akta Peminjam Wang tidak begitu ketat sepertimana di dalam Akta Bank, Akta Syarikat Kewangan dan Akta Insurans yang mana ada mengandungi proviso-proviso tertentu yang melarang pinjaman atau pendahuluan diberi kepada pengarah-pengarahnya, orang-orang yang berkaitan dengan pengarah dan

syarikat-syarikat di mana mereka ada kepentingan. Syarikat-syarikat yang mempunyai lesen peminjam yang ada sekarang ini boleh memberi pinjaman kepada pengarah-pengarahnya dan orang-orang dan syarikat-syarikat yang berkaitan. Dengan ini dengan adanya Seksyen 133A (2)(b) mana-mana syarikat boleh mendapat lesen peminjam wang dan dengan adanya perlindungan di bawah Akta Peminjam Wang, syarikat-syarikat berkenaan boleh memberi pinjaman kepada pengarahnya atau kepada orang-orang yang berkaitan dengannya atau kepada syarikat-syarikat di mana mereka ada kepentingan.

Saya ingin mencadangkan supaya Akta Peminjam Wang diperketatkan supaya tidak ada kelonggaran yang mana boleh dicelah dan diguna oleh pengarah-pengarah untuk kepentingan mereka sendiri dan membawa akibat yang buruk kepada syarikat dan pemegang-pemegang saham.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Pindaan di mana iaitu jikalau seseorang Pengarah Syarikat meluluskan pinjaman atau guarantee dan melanggar Seksyen 133A (1) akan dikenakan penalti sebanyak \$10,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat penalti \$10,000 ini adalah amat kecil dan tidak menghalang pengarah-pengarah membuat pinjaman yang berjumlah besar. Misalnya sekiranya pinjaman \$1 juta diluluskan oleh Pengarah-pengarahnya untuk kepentingan mereka dan melanggar Seksyen 133A penalti sebanyak \$10,000 itu dianggap kecil dan tidak seimbang dengan penyelewengan yang dilakukan.

Oleh itu saya cadangkan supaya Kerajaan menjatuhkan hukuman yang lebih berat lagi dengan menaikkan jumlah penalti atau menjatuhkan hukuman penjara atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini telah terdapat banyak pengarah-pengarah Lembaga Syarikat dan Pengarah-pengarah Urusan diberi pelbagai kemudahan, dengan izin, perks, yang mana boleh dianggap terlalu berlebihan. Kemudahan-kemudahan ini termasuklah elaun-elaun rumah, keraian, perjalanan di dalam dan di luar negeri dan lain-lain elaun serta pembelian kereta-kereta yang mewah juga diberi kemudahan, dengan izin, penthouse, yang kadangkadangkang ada dilengkapkan dengan kolam renang. Nampaknya kemudahan-kemudahan yang diperolehi tidak ada hadnya, oleh kerana semua kemudahan-kemudahan ini dipersetujui dan diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah sahaja sedangkan pemegang-pemegang saham tidak tahu menahu atau diberi peluang untuk bersuara dalam hal ini.

Saya ingin cadangkan bagi semua syarikat kepunyaan Kerajaan, kemudahan-kemudahan yang boleh diberi kepada Pengarah-pengarah Lembaga dan Urusan mestilah dibentangkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri mengikut ciri-ciri yang boleh ditetapkan.

Sementara untuk lain-lain syarikat yang berdaftar kemudahan-kemudahan yang diperolehi oleh Pengarah-pengarah hendaklah dibentangkan dan mendapat kelulusan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Dalam hal untuk membolehkan perkara-perkara ini dikawal, saya ingin cadangkan peruntukan-peruntukan hendaklah dibuat dalam Undang-undang yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Pindaan kepada Rang Undang-undang Syarikat 1965.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Langat.

3.55 ptg.

Tuan Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan mengalu-alukan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menjamin suasana pelaburan di negeri ini terus berkembang. Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil memang boleh menguntungkan pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri.

Dalam hubungan ini saya ingin mengesyorkan supaya langkah tambahan dibuat bagi memberi kemudahan bukan sahaja kepada pelabur-pelabur syarikat, bahkan kepada pihak-pihak lain yang berurusan dengan syarikat-syarikat. Pada masa ini seseorang yang ingin mendapatkan maklumat terperinci mengenai sesuatu syarikat terpaksa pergi sendiri ke Pejabat Pendaftar Syarikat untuk memeriksa fail berkenaan. Di pejabat berkenaan seseorang terpaksa menunggu sekian lama untuk mendapatkan fail yang hendak diperiksa. Kadang-kadang fail yang diperlukan tidak boleh didapati mungkin kerana sedang diambil tindakan atau sebab-sebab lain.

Jika fail tidak dapat diperiksa banyak masa yang berharga dalam perniagaan sudah terbuang. Sama juga halnya dengan syarikat itu sendiri. Jika syarikat memerlukan salinan sah dokumen-dokumen untuk tujuan mendapatkan kontrak atau sesuatu lesen dan fail atau dokumen tidak diperolehi dalam tempoh yang diperlukan syarikat akan menanggung kerugian.

Di sini saya ingin mengesyorkan agar pejabat yang berkenaan dapat menyediakan kemudahan yang lebih supaya mereka yang ingin dan yang perlu membuat kajian kedudukan sesuatu syarikat boleh berbuat demikian dengan cepat dan senang.

Pada masa ini kita sudah banyak mendengar tentang otomasi, tentang menyimpan rekod secara "optical disk" secara "laser disk" secara "micro film" dan lain-lain cara moden lagi. Saya percaya pejabat yang berkenaan akan sama mendapat faedahnya jika rekod-rekod syarikat disimpan secara moden. Dalam hal ini apa yang penting ialah orang ramai patut diberi perkhidmatan yang moden dan cepat kerana mereka berhak mendapat kemudahan yang sewajarnya. Tambahan pula semua bayaran mengenai syarikat dan pemeriksaan rekod-rekod telah pun dinaikkan awal tahun ini. Satu lagi perkhidmatan moden yang boleh diberikan ialah dengan menggunakan kemudahan elektronik. Kita telah juga mendengar tentang "May-pack" dan juga perkhidmatan serta-merta yang boleh didapati melaluinya.

Suka saya mengesyorkan supaya pejabat yang berkenaan juga dapat mengadakan sistem komputer bagi menyimpan maklumat syarikat, dengan itu bekalan maklumat boleh dikeluarkan serta-merta dengan menggunakan "computer print-out". Maklumat juga boleh didapati secara "on-line" atau melalui "May-pack", menyimpan rekod secara moden ini juga adalah baik dari segi keselamatan.

Saya difahamkan tadi di negeri ini sudah terdapat sebanyak 160,000 buah syarikat. Kita boleh bayangkan betapa banyaknya dokumen syarikat yang disimpan di Pejabat Pendaftar. Jika terjadi bencana kebakaran atau habis semua rekod-rekod asal syarikat tetapi jika rekod-rekod diotomasikan biasanya sistem-sistem yang ada akan mengambil kira penyimpanan salinan-salinan "print-out".

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan menyediakan satu bangunan sendiri yang dikhaskan untuk menyimpan rekod syarikat.

Pejabat Pendaftar Syarikat itu adalah merupakan pusat rekod syarikat-syarikat, bukan sahaja bank data bagi maklumat syarikat. Dokumen-dokumen asal setiap syarikat adalah dalam simpanan pejabat itu.

Syarikat-syarikat yang berkenaan juga hanya menyimpan salinannya sahaja. Saya percaya jika ini diadakan ia akan menjadi kebanggaan kepada setiap pelabur kerana dokumentasi syarikat yang diberi penghargaan dengan ditempatkan dalam suatu bangunan khas, suatu Company House, dengan cara ini akan mengelakkan perpindahan berulang kali.

Sebagaimana yang kita tahu setiap kali pejabat itu berpindah, fail-fail syarikat tidak dapat diperiksa oleh orang awam. Ini ialah kerana setiap pemindahan memerlukan pembungkusan dan pengangkutan fail-fail di pejabat itu.

Apabila pejabat berkenaan berpindah, beberapa syarikat juga mungkin terpaksa berpindah untuk memenuhi syarat pengecualian dari memfailkan dokumen tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kekukuhan sesuatu undang-undang adalah terletak kepada penguatkuasaannya. Oleh itu saya menyeru agar masalah penguatkuasaan diberi perhatian berat. Semua orang tahu bahawa penjenayahan korporat adalah suatu yang biasa dilakukan dengan halus dan rapi. Ini menyebabkan sukar dikesan dan penjenayahnya pula terlepas dari hukuman.

Di negeri-negeri yang lebih maju pun jenayah korporat merupakan jenayah yang diilhamkan oleh orang-orang yang bijak dalam manipulasi. Dengan sebab itu, di negeri-negeri itu pegawai-pegawai penguasa adalah terdiri daripada mereka yang berkelulusan profesional atau berpengalaman serta mendapat latihan kemahiran dalam bidang

tersebut. Walaupun jenayah korporat tidak berleluasa di negara ini, kita haruslah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Kita perlu mempunyai tenaga mahir bagi mengesan kesalahan-kesalahan yang merugikan pelabur-pelabur dan akan menjejaskan iklim sihat pelaburan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan juga supaya Kerajaan dapat melatih pegawai-pegawai bagi mendapatkan kemahiran dalam bidang penyiasatan jenayah korporat.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Selain daripada itu, usaha juga harus diambil bagi menyebarkan kesedaran kepada orang ramai tentang risiko dan bahaya dalam bidang korporat. Ramai orang tidak sedar bahawa mereka berhadapan dengan kejadian jenayah korporat. Jika orang-orang seperti ini menyedari tentang berlakunya penjenayahan, mereka boleh bekerjasama dengan melaporkan kepada pihak yang berkenaan. Dengan cara itu jenayahnya boleh segera dikesan dan mungkin boleh dielakkan dari berlaku atau sekurang-kurangnya dapat dikesan sebelum merebak.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan menggalakkan kerjasama antara orang ramai dengan pihak berkuasa yang berkenaan, perlindungan kepada pelabur-pelabur akan berkesan.

Bagi memberikan perlindungan yang lebih berkesan kepada pelabur-pelabur, saya juga mengesyorkan Kerajaan menjalankan pengawasan dan pengawalan yang lebih ketat dan berterusan ke atas aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pengutipan modal daripada orang awam, dengan izin, control and surveillance of fund raising activities.

Kerajaan hendaklah memastikan bahawa segala janji-janji yang dibuat kepada orang awam untuk menarik pelabuhan mereka mesti dipenuhi oleh syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.03 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangun untuk turut memberi pandangan sekadar dua tiga minit mengenai dengan Akta Syarikat, 1965.

Saya mengalu-alukan usaha Kementerian Perdagangan yang bercadang untuk memindahkan Akta ini yang sememangnya telah kena pada tempat dan waktunya, oleh kerana kita dapati bahawa terlalu banyak penyelewengan kita dengar berlaku mengikut laporan-laporan akhbar dan juga banyak peristiwa-peristiwa jenayah korporat yang bukan sahaja menjadi perhatian dalam negara kita tetapi juga di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira langkah-langkah pindaan dalam Akta ini kita harap nanti bukan sahaja ianya semata-mata pindaan untuk memberikan gambaran bahawa suatu tindakan telah dibuat, tetapi pelaksanaan susulan kepada tindakan-tindakan yang diberi di bawah Akta ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin sesudah Akta ini diluluskan nanti.

Perkara yang kedua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan juga kepada Kementerian Perdagangan sebagai cadangan ataupun sebagai pandangan iaitu terlalu banyak syarikat-syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan sekarang ini. Malah angkanya sudah pun melebihi 100,000, kalau saya tidak silap.

Tertubuhnya syarikat-syarikat ini merupakan satu galakan daripada hasil pembangunan negara ataupun pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB), tetapi sudah sampai masanya untuk Kerajaan memikirkan di mana apakah perlu mulai sekarang ini penubuhan sesebuah syarikat sendirian berhad diadakan had minima modal yang berbayar, bukan setakat modal yang dibenarkan. Ertinya, sekarang ini sesiapa sahaja boleh menubuhkan syarikat dengan bermodal sebanyak \$2.

Maka sebab itulah kita lihat banyak syarikat-syarikat yang ditubuhkan hanya untuk mengejar projek-projek semasa, sesudah projek-projek semasa tak dapat dijalankan, modal tidak ada terbengkalailah syarikat tersebut dan ianya hanya menambahkan khazanah pentadbiran syarikat yang merugikan masa semata-mata. Tetapi pada sebaliknya juga tidaklah saya bermaksud cadangan-cadangan ini untuk menghalang mana-mana pihak untuk menubuhkan syarikat mencari rezeki mengejar nikmat dalam DEB dan juga dalam pembangunan negara. Tetapi ada setengah-setengah negara yang maju membuat peraturan sekurang-kurangnya ada had minima. Sebagai cadangan, kita katakan modal berbayar itu sekurang-kurangnya \$100,000—tidaklah semata-mata \$2,000 dan ditubuhkan secara kilat semata-mata. Saya percaya kalau langkah ini dibuat, maka pertumbuhan syarikat di negara kita ini akan sihat dan usahawan-usahawan akan bersaing dalam ertikata dalam bidang perniagaan yang sebenarnya.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

4.05 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

menyentuh sedikit atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Syarikat 1965.

Saya merasa gembira hari ini kita dapati Kerajaan kita mengambil perhatian hal-hal persyarikatan tetapi saya anggap kita sudah terlambat, fasal hari ini negara kita sudah mengalami kemelesetan ekonomi yang teruk. Walaupun kita dapati hari ini ada pindaan, ini, dengan izin, "better late than never", tetapi pindaan ini sepatutnya dibentangkan lebih awal dahulu dan saya berpendapat jika kita dapat satu pindaan sebegini, barangkali dapatlah kita mengelakkan kemelesetan dan kemerosotan ekonomi yang begitu teruk yang kita hadapi hari ini.

Timbul masalah-masalah nari ini adalah berpunca dari kelemahan Akta Syarikat 1965 di mana kita dapati kelemahan-kelemahan adalah diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu sebagai taukeh-taukeh besar dan syarikat-syarikat besar di mana dapatlah mereka membuat pertukaran aset-aset yang dinilai dengan setinggi-tingginya dan ditukarkan dengan saham-saham yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur. Saham-saham ini dijual dengan harga-harga yang tinggi kepada pelabur-pelabur yang tidak sedar semua saham-saham ini tidaklah beraset dan tidak ada tanggungan aset yang sebenarnya bernilai dan terdapat hari ini banyak syarikat sebegini yang sudah mendapat penggantungan di Pasaran Saham Kuala Lumpur seperti Syarikat Promet Bhd, Syarikat Duta Consolidated Bhd, Sri Hartamas yang harga sahamnya hari ini hanya \$0.82 sen dan juga kita dapati syarikat-syarikat yang ada berkaitan dengan Ahli Yang Berhormat dari Gopeng yang sekarang menjadi seorang "tetamu khas" di Singapura iaitu Syarikat Grand United Holdings, Syarikat Pan-El, Syarikat Supreme.

Semua syarikat-syarikat ini adalah terlibat dalam pertukaran saham-saham dan aset-aset hartanah yang dinilai tertinggi sekali dan ditukarkan dengan saham-saham yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur dan di mana hari ini semua saham itu didapati tidaklah mempunyai apa-apa nilai lagi. Dan inilah yang menyebabkan semua pelabur kerugian dengan besar-besaran semua savings mereka, dengan izin, dan juga terdapat syarikat-syarikat sebagai Syarikat Daan dan Dani yang adalah berkait dengan Ahli Yang Berhormat dari Merbok di mana kita dapat tahu dia ada tukar-menukar dengan harga yang kita pun tidak diberitahu bagaimana orang-orang yang ada kepentingan dalam hal-hal persyarikatan ini, seperti pertukaran saham-saham UMBC di mana kita difahamkan hari ini ada dua syarikat yang berkaitan dengan Ahli Yang Berhormat dari Merbok untung lebih kurang \$120 juta sehingga \$150 juta dalam masa yang singkat—lebih kurang dua tahun. Kita tidak dapat maklumat yang sebenarnya. Saya harap dengan pindaan ini dari mana-mana pertukaran aset atau pertukaran saham kita akan dapat satu maklumat yang penuh.

Saya akan sentuh sedikit di atas "rights issue and special issue". Saya kesal di mana-mana kita dapat right issue yang dikeluarkan dari syarikat-syarikat yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur, kita tidak diberi maklumat yang penuh dan juga hartanah yang selalu ditukar atau dibeli dengan wang-wang yang diperolehi daripada rights issue ini adalah wang-wang diberikan balik kepada Pengarah-pengarah yang ada kepentingan dalam semua rights issue. Tentang special issue, saya kesal juga di mana kita dapati ada syarikat yang kurang kepentingan atau pemilihan orang bumiputera, syarikat ini ada mengeluarkan special issue kepada

bumiputera untuk meningkatkan pemilikan mereka kepada satu paras 30%, mengikut Dasar Ekonomi Baru. Itu saya kata betul dan harganya selalu adalah special atau istimewa juga di mana harga-harga special issue ini adalah lebih rendah daripada harga di pasaran, tetapi saya kesal kerana tidak dapat satu peruntukan yang sama kepada orang-orang yang bukan bumiputera di mana syarikat-syarikat ada kekurangan pemilikan orang yang bukan bumiputera. Kita tidak dapat special issue dengan harga special juga, dengan izin.

Saya sentuh atas hal Rothmans (Malaysia) Bhd, di mana sekarang kita dapat tahu pemilikan orang-orang bukan bumiputera hanya 8.6% sahaja, di mana ada satu skim penyusunan semula pemilikan syarikat itu, tetapi hari ini kita dapat satu peruntukan special issue kepada orang yang bukan bumiputera dengan harga special untuk meningkatkan pemilikannya kepada paras 40%, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Saya sentuh sedikit atas daftar-daftar pemilik, iaitu dalam daftar-daftar pemilik syarikat-syarikat besar dan syarikat-syarikat yang istimewa, special companies. Kita tidak tahu siapa sebenarnya yang jadi pemilik-pemilik syarikat ini, sebab semua pemilik-pemilik besar selalu berlandung di belakang nama nominee sahaja dan saya harap dengan pindaan ini lebih baik kita tambah lagi satu seksyen yang memaksa semua pendaftar-pendaftar syarikat, yang mengeluarkan suatu peraturan yang akan memastikan semua nominee memberi lebih maklumat berkenaan nominees yang berdaftar dengan mereka.

Sekarang, pindaan ini akan memaksa semua pertukaran aset-aset besar atau hartanah yang bernilai tinggi, lebih daripada modal syarikat ini, di mana semua keputusan ini akan

diserahkan kepada satu resolusi di mesyuarat tahunan pemilik-pemilik. Saya sokong dengan 100% sebagai satu peruntukan yang baik sekali sebab setakat hari ini kita dapat tahu di mana ada pertukaran hartanah yang kadangkala nilai mereka adalah lebih daripada modal-modal kompi, yang mana kita dapati kompi-kompi yang bermodal \$2.00 sahaja. Saya sokong sebab ini akan memberitahu kepada semua pemilik-pemilik syarikat dengan sepenuhnya semua maklumat. Ini adalah satu peruntukan yang akan memberi hak kepada mereka membuat keputusan dan bukan hak ini diserahkan kepada pengarah-pengarah yang selalunya ada kepentingan dalam pertukaran ini. Ada lagi satu hal dalam pindaan Akta Syarikat ini iaitu sekarang kita ada mengharamkan loans kepada pengarah-pengarah syarikat dan juga di mana kita pun akan mengharamkan garenti-garenti yang diberikan kepada pengarah yang mengambil pinjaman daripada lain-lain institusi.

Saya sentuh ini kerana kita dapati hari ini ada satu kes yang memeranjatkan kita iaitu satu kes berkenaan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu Yang Berhormat dari Lipis, di mana kita dapat tahu dia ada dapat pinjaman \$20 juta sebagai satu pinjaman peribadi dan dia juga dapat melalui satu syarikat pemilikannya Sri Keladi, lagi \$25 juta, jumlahnya \$45 juta dan dia beri cagar kepada institusi bukan hartanah yang dimiliki olehnya, tetapi satu bidang hartanah yang dimiliki oleh Sri Keladi, dan bidang tanah ini diberi nilai sebagai \$9 juta sahaja. Bukankah ini satu pinjaman yang berjumlah \$45 juta adalah dianggap bukan sahaja sebagai satu penyelewengan, tetapi saya ingat ada pelanggaran Akta Banking dan Institusi Kewangan juga? Sebab kita tidak dapat seorang biasa pergi ke suatu syarikat atau institusi kewangan. Boleh pinjam dengan peraturan ini di

mana pinjaman kita melebihi cagaran kita dengan sekurang-kurangnya 30-40%. Saya harap dengan pindaan Akta ini semua penyelewengan seperti ini atau pelanggaran seperti ini akan dapat dielakkan dan diharamkan.

Saya sentuh sedikit atas perkara-perkara penalti yang akan dikenakan, walaupun penalti-penalti dan denda adalah meningkat, tetapi saya rasa tidak cukup di mana satu hal persyarikatan berjuta-juta ringgit dan kadangkalanya beratus-ratus juta ringgit bertukartangan. Atas hal yang sebegini besar, denda yang tertinggi dalam pindaan ini hanya \$50,000 dan dendanya penjara lebih kurang 7 tahun atau 10 tahun sahaja. Saya ingat tidak cukup. Jika Yang Berhormat dari Gopeng adalah salah, dan melanggar undang-undang begini dan kita hukum dia satu atau dua tahun, saya ingat tidak cukup, kerana dialah yang menyebabkan satu keruntuhan harga-harga yang besar di Pasaran Saham Kuala Lumpur ini, yang hari ini mengakibatkan kerugian besar, bukan sahaja kepada pelabur-pelabur di pasaran saham tetapi juga satu kerugian yang lebih besar kepada seluruh negara Malaysia.

Saya harap di mana kita dapati ada kesalahan atau "breach of code on takeover and merger", dengan izin, bukan sahaja dikenakan denda \$50,000 atau selebih-lebih 7 tahun dipenjarakan atau 10 tahun dipenjarakan, kesalahan yang lebih besar mereka lakukan diberi kepada para hakim satu discretion, dengan izin, di mana budibicara mereka boleh digunakan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat, lebih tinggi ke atas orang-orang yang membuat kesalahan atau pecah amanah sebagai seorang pengarah.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sepatah dua kata yang saya sentuh atas pindaan Akta Syarikat 1965.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

4.20 ptg.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tebrau, Kuala Langat, Pasir Mas dan juga Petaling Jaya di atas cadangan, pandangan serta teguran yang dibangkitkan mengenai Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba memberi jawapan kepada sebanyak teguran dan soalan yang dibangkitkan di dalam masa yang diuntukkan.

Bersabit dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tebrau, saya suka menjelaskan bahawa Akta Syarikat mengecualikan bank dan lain-lain institusi kewangan kerana bank-bank dan institusi kewangan sudah tertakluk kepada peruntukan Akta Bank dan Akta Syarikat Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Tebrau juga telah menyentuh tentang hukuman, perkara ini juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, mereka kata denda tak mencukupi. Kementerian saya percaya hukuman yang dicadang adalah mencukupi buat masa ini, walau bagaimanapun, kita akan pertimbangkan semula pada masa akan datang.

Saya juga berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat kerana membangkitkan cadangan memodenkan sistem-sistem di Pejabat Pendaftar Syarikat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Pendaftar Syarikat pada masa ini sedang dalam proses peralihan kepada sistem komputer dan adalah diharapkan pada satu hari nanti

pejabat itu akan berupaya membekalkan "on the spot" maklumat-maklumat mengenai sesebuah syarikat apabila dipohon oleh orang ramai. Sistem berkomputer juga adalah diharapkan akan mempercepatkan proses-proses di dalam Pejabat Pendaftar Syarikat dan dengan demikian dapat memberi perkhidmatan kepada orang ramai yang bermutu lebih tinggi. Kementerian saya juga sedang menjalankan usaha-usaha bagi memeralihkan penyimpanan rekod-rekod syarikat-syarikat dengan mikro-filem yang pada masa ini disimpan secara manual dengan mengandungkan dokumen-dokumen dalam fail-fail biasa. Kementerian saya sedar akan faedah-faedah baik yang boleh dicapai jika rekod-rekod syarikat disimpan dengan mikro-filem, terutama tentang adanya fail syarikat bagi pemeriksaan orang awam.

Pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat juga supaya ditingkatkan lagi mutu pasukan penyiasat di Pejabat Pendaftar Syarikat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Bersabit dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai mengadakan had minima modal berbayar tiap-tiap syarikat, Kementerian saya berpendapat masanya belum tiba mengadakan had demikian di negara ini. Walau bagaimanapun, perhatian yang berat akan diambil di atas cadangan Yang Berhormat.

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya bahawa perundangan korporat adalah selalunya berkembang mengikut keadaan semasa dalam hal ehwal korporat. Akta kita juga telah dipinda beberapa kali dari masa ia mula dikuatkuasakan.

Mengenai harga sesuatu saham tinggi, syarikat yang dibangkitkan

Dr Eng Seng Chai: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, berhenti sekejap, ada yang bangun. Ya, Yang Berhormat.

Tuan M. G. Pandithan: Tak berilah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan, boleh beri?

Tuan M. G. Pandithan: Tak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak beri.

Tuan M. G. Pandithan: Mahu habiskanlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskanlah.

Tuan M. G. Pandithan: . . . dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan, ia adalah bergantung kepada "demand and supply" di pasaran saham. Tujuan pindaan dibuat dari semasa ke semasa adalah untuk memberi pendedahan lebih kepada pemegang-pemegang saham syarikat dan pelabur-pelabur supaya mereka dapat mentaksirkan sewajarnya. Umpamanya, pengenalan seksyen baru 39A berkenaan "right issue" adalah bertujuan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya telah

Dr Eng Seng Chai: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap, ada orang bangun.

Tuan M. G. Pandithan: Nanti bolehlah, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak berilah.

Tuan M. G. Pandithan: Seperti yang telah saya nyatakan tadi pindaan-pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan bagi menjaga kepentingan awam, khususnya pelabur-pelabur kecil serta para pekerja syarikat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

untuk membentangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengalakan Pelaburan 1986 bagi bacaan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kerajaan mencadangkan Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah untuk memperbaiki lagi iklim pelaburan negara ini dengan menawarkan beberapa galakan cukai tambahan. Galakan-galakan baru ini telah diumumkan buat pertama kalinya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tatkala beliau membentangkan Belanjawan negara bagi tahun 1987 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengalakan Pelaburan 1986 yang telah dikuatkuasakan pada bulan Mei tahun ini telah memperkenalkan satu skim galakan cukai bagi menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara ini. Sewaktu Akta ini dipertimbang dan dibahaskan, Dewan ini telah dimaklumkan bahawa skim galakan yang diperkenalkan itu merupakan permulaan kepada galakan-galakan dan kemudahan-kemudahan yang akan disediakan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan lagi pelaburan swasta. Jika galakan-galakan yang telah disediakan itu didapati masih lagi kurang menarik atau tidak meletakkan negara ini setanding dengan negara-negara jiran di rantau ini, maka Kerajaan sanggup mengulangkaji galakan-galakan tersebut bagi tujuan membuat galakan-galakan ini lebih menarik.

Galakan-galakan baru yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini adalah hasil daripada proses ulangkajian yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan setelah mengambilkira perakuan-perakuan Pelan Induk Perindustrian Malaysia. Walaupun galakan-galakan tambahan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini berbeza sedikit dari apa yang disyorkan oleh Pelan Induk

Perindustrian, akan tetapi pada pandangan Kerajaan galakan-galakan ini adalah lebih berfaedah dan lebih menarik kepada pelabur-pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama galakan-galakan tambahan yang dicadangkan.

Pertama, tempoh galakan taraf perintis adalah diperlanjatkan untuk selama 5 tahun lagi kepada syarikat-syarikat perkilangan perintis yang tertentu. Perlanjutan tempoh pengecualian cukai ini pada hemat Kerajaan adalah perlu bagi menggalakkan penubuhan projek-projek perkilangan yang dianggap penting dan yang dapat memesatkan lagi pembangunan ekonomi dan teknologi negara ini. Adalah juga diharapkan bahawa dengan galakan ini, negara kita akan dapat menandingi negara-negara Asia dan ASEAN yang lain di mana tempoh taraf perintis adalah diberi selama tempoh 5 hingga 10 tahun.

Galakan baru ini yang diperuntukkan di bawah Fasal 14A bukanlah terbuka kepada kesemua projek. Menteri Perdagangan dan Perindustrian setelah mendapat persetujuan bersama dari Menteri Kewangan akan menetapkan di dalam suatu perintah yang diwartakan, aktiviti atau keluaran yang digalakan berserta dengan kriteria-kriteria yang telah ditentukan. Sesebuah syarikat perintis yang terlibat di dalam aktiviti atau mengeluarkan keluaran yang dimaksudkan itu, adalah layak mendapat perlanjutan tempoh taraf perintis dan dengan itu akan dapat menikmati pengecualian cukai selama 10 tahun kesemuanya.

Kedua, Fasal 36 (2) Rang Undang-undang ini juga memperkenalkan galakan pengurangan ke atas pendapatan larasan (abatement of adjusted income) kepada semua pengilang yang mengeksport

berasaskan prestasi eksport masing-masing tertakluk kepada potongan sebanyak 50% ke atas pendapatan larasan. Galakan ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pembangunan eksport dan diberi secara automatik; akan tetapi ia adalah mutually exclusive, dengan izin, dengan galakan-galakan lain. Galakan ini akan menggantikan galakan pengurangan pendapatan bagi eksport yang berasaskan nilai ditambah dan penggunaan bahan-bahan tempatan oleh kerana pelaksanaannya didapati

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap, ada yang bangun.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita tidak cukup koram untuk persidangan ini. Ambil perhatian.

Loceng dibunyikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Bilang.

(Ahli-ahli dikira, 43 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, koram kita sekarang sudah berlebihan. Ada 43 Ahli. Jadi, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri meneruskan ucapan dengan sempurna.

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ada ramai oranglah yang mendengar ucapan saya. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Popularlah kita.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, 43

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya rasa

Dr Eng Seng Chai: Dia kata sudah ramai ahli. Saya ingat tak cukup lagi, sebab Barisan pun sekurang-kurangnya ada 150 ahli lebih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduklah!

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya pun

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan dan jangan sebut apa-apa.

Dato Kok Wee Kiat: Galakan ini akan menggantikan galakan pengurangan pendapatan bagi eksport yang berasaskan nilai ditambah dan penggunaan bahan-bahan tempatan oleh kerana pelaksanaannya didapati menyusahkan para pelabur. Seterusnya bagi menggalakkan pertumbuhan lebih banyak industri berasaskan sumber asli tempatan, pengurangan pendapatan larasan berkenaan sumber asli adalah dikekalkan. Untuk memastikan segala eksport yang telah diberi galakan pengurangan pendapatan larasan tidak didaratkan semula di negara ini, Rang Undang-undang telah memperkenalkan satu fasal baru di mana sekiranya pendaratan semula eksport ini berlaku, pengurangan pendapatan larasan akan ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menggalak dan memesatkan lagi pertumbuhan eksport negara, peranan yang dimainkan oleh syarikat perdagangan adalah tidak kurang

penting. Pengeluar-pengeluar tempatan, terutamanya sekali yang kecil-kecil dan sederhana yang pendapatannya tidak ekonomik untuk mengendalikan sendiri pengeksporan keluaran masing-masing pasti memerlukan perkhidmatan syarikat perdagangan.

Untuk memberi syarikat-syarikat perdagangan "competitive edge", dengan izin, di pasaran antarabangsa, maka Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya syarikat-syarikat perdagangan diberi elaun eksport sebanyak 5% daripada pendapatan kasar eksport. Galakan ini sebelum ini hanya terhad kepada syarikat-syarikat yang mengeksport hasil-hasil pertanian sahaja. Senarai keluaran perkilangan dan hasil pertanian yang layak mendapat galakan ini akan ditetapkan di dalam satu Perintah yang diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ciri yang diliputi oleh Rang Undang-undang ini adalah berhubung dengan galakan yang diberi dalam bentuk pengurangan pendapatan larasan sebanyak 5% bagi pematuhan dasar-dasar Kerajaan mengenai penyertaan ekuiti atau pengambilan gunatenaga, yang kini dicadangkan untuk diperluaskan kepada semua syarikat-syarikat perkilangan. Sebelum dari ini, galakan ini hanya diberi kepada syarikat-syarikat perkilangan kecil-kecilan yang mematuhi dasar ini sahaja. Walau bagaimanapun, galakan ini masih kekal diberi untuk selama 5 tahun berturut-turut.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kedua Kerajaan mencadangkan Rang Undang-undang (Pindaan) ini adalah juga untuk membuat beberapa pindaan teknikal untuk mengatasi beberapa masalah operasi yang telah timbul sejak Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dikuatkuasakan. Saya ingin menyentuh pindaan-pindaan yang dicadangkan satu persatu dengan ringkas.

Pada masa ini, sesebuah syarikat perintis yang diluluskan untuk mengeluarkan keluaran tambahan dengan taraf perintis, akan diberi hari pengeluaran yang sama seperti keluarannya yang pertama. Hari Pengeluaran ialah hari bermulanya tempoh pengecualian cukai pendapatan. Dengan itu pindaan telah dicadangkan untuk membenarkan syarikat perintis mempunyai hari pengeluaran yang berasingan bagi setiap keluaran yang telah dluluskan dengan taraf perintis. Adalah diharapkan ini akan menambahkan lagi daya penarik galakan taraf perintis yang ada.

Pindaan-pindaan yang bersesuaian yang lain adalah dicadang di buat untuk memastikan kesemua galakan yang diluluskan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 yang dimansuhkan dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 adalah "mutually exclusive", dengan izin. Ini adalah untuk mengelakkan syarikat dari mendapat dua galakan bagi keluaran yang sama secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini syarikat-syarikat yang diberi elaun cukai pelaburan tidak dibenarkan menikmati galakan pengurangan ke atas pendapatan larasan bagi eksport selagi tempoh 5 tahun kelulusan yang telah ditetapkan belum berakhir, walaupun syarikat berkenaan telah membuat kesemua perbelanjaan modal sebelum tamat tempoh 5 tahun tersebut. Pindaan yang dicadangkan akan melayakkan syarikat-syarikat memendekkan tempoh kelulusan bagi elaun cukai pelaburan dengan menyerahkan balik kelulusan yang telah diberi agar mereka dapat menikmati galakan-galakan yang lain.

Akta Penggalakan Pelaburan 1986 tidak mempunyai peruntukan bagi membelakangkan kelulusan galakan ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan sebelum Akta ini berkuatkuasa. Maka Seksyen 27 Akta

ini dicadang dipinda untuk membolehkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan dibelakangkan kepada satu tarikh tidak awal dari tarikh aktiviti atau keluaran berkenaan ditetapkan sebagai aktiviti/keluaran yang digalakkan. Walau bagaimanapun, tempoh pembelakangan ini adalah tidak lebih daripada 5 tahun dari tarikh permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan telah juga dibuat ke atas Seksyen 51 untuk membolehkan permohonan-permohonan yang masih belum diluluskan sebelum 1hb Januari, 1986 dipertimbangkan sama ada di bawah Akta ini sekiranya ada peruntukan-peruntukan yang sama dan jika tiada, permohonan-permohonan ini bolehlah dipertimbangkan di bawah Akta yang telah dimansuh.

Pindaan kepada Seksyen 45 adalah didapati perlu untuk membolehkan syarikat-syarikat yang telah diluluskan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 yang telah dimansuhkan menikmati kesemua faedah-faedah galakan bagi segala maksud.

Tuan Yang di-Pertua, takrif "perusahaan kecil" di bawah peruntukan yang ada sekarang ini adalah berasaskan kriteria "wang pemegang saham" dan "aset tetap". Walau bagaimanapun, adalah didapati kriteria "aset tetap" dirasakan tidak lagi perlu. Maka Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya takrif perusahaan kecil dipinda supaya takrif ini menggunakan kriteria wang pemegang saham sahaja.

Akhir sekali, Rang Undang-undang ini telah juga mengenalkan peruntukan "anti-tax avoidance", dengan izin, yang baru bagi syarikat yang diberi galakan perintis. Di samping itu, Rang Undang-undang ini juga mencadangkan pindaan-pindaan yang lain yang merupakan pindaan "consequential", sahaja, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ledang.

4.48 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas peluang untuk bersama-sama membahaskan satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dan seterusnya untuk menyokong pindaan-pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pindaan-pindaan ini difikirkan perlu untuk meningkatkan lagi ataupun membaiki lagi iklim pelaburan dalam negara kita. Ini adalah menepati dengan kandungan saranan-saranan di dalam Ucapan Belanjawan yang telah dibuat sebulan dua yang lalu.

Ada beberapa perkara penting yang terkandung di dalam pindaan-pindaan ini. Yang pertama adalah berkaitan dengan peruntukan yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang diberi penggalakan dalam bentuk taraf pengurangan larasan pendapatan untuk syarikat-syarikat yang menepati dengan kegiatan-kegiatan yang dianggap penting dan membawa faedah kepada ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat insentif untuk menggalakkan pelaburan adalah satu perkara yang perlu walaupun terpaksa diterima sebagai satu yang tidak menentukan segala-galanya. Ia dianggap necessary tetapi tidak determining, dengan izin. Perlu kerana seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri bahawa kita sekarang terpaksa bertanding dengan negara-negara jiran bahkan di seluruh rantau Asia ini untuk mendapatkan pelaburan kerana kedudukan pertandingan dari segi insentif-insentif yang diberikan makin lama makin bersaing antara negara-negara jiran.

Oleh yang demikian, jika sekiranya terdapat peruntukan penggalakan taraf perintis yang melebihi daripada 5 tahun kepada 10 tahun, maka adalah dianggap perlu untuk kita mengubah galakan kita kepada satu jangkamasa yang boleh bersaing dengan galakan yang diberikan oleh negara-negara lain.

Walaupun begitu, kita terpaksa melihat galakan-galakan ini dalam bentuk faedah ataupun keuntungan negara dan ekonomi dengan kerugian yang terpaksa ditanggung khususnya oleh pihak Kerajaan terutama sekali dari segi hasil yang mungkin dapat dikutip daripada kegiatan-kegiatan ekonomi syarikat-syarikat yang diberi kemudahan-kemudahan galakan itu. Pada keseluruhannya, kita terpaksa menerima hakikat bahawa galakan itu adalah wajar dan perlu diberi supaya kita tidak ketinggalan dari segi saingan yang kita hadapi khususnya dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset dan keadaan pertumbuhan ekonomi yang agak lembab di negara kita pada ketika ini. Walaupun begitu, kita sewajarnya tidak mengurangkan betapa pentingnya sebab-sebab yang lebih menentukan lagi tentang pertumbuhan ekonomi sesebuah negara khususnya dari segi kestabilan politik, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan juga potensi yang ada dari segi pemasaran dan juga

keupayaan yang ada di kalangan tenaga kerja sesebuah negara seperti negara kita ini.

Oleh yang demikian, kita menyeru selain daripada galakan-galakan yang diberikan seperti yang terkandung di dalam pindaan Akta ini, maka sewajarnya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa syarat-syarat lain untuk menggalakkan pelaburan seperti yang saya sebutkan tadi diperhatikan dengan lebih serius lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan ini berdasarkan beberapa sebab. Yang pertamanya, seperti yang saya katakan tadi, kita terpaksa bersaing di dalam keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan ini kerana kita sedia maklum bahawa pilihan adalah berbagai di peringkat pasaran modal antarabangsa. Sama ada modal tersebut akan mengalir ke negara-negara yang membangun seperti kita ataupun mengalir di antara negara-negara yang telah maju. Oleh yang demikian, kita sewajarnya terpaksa memberi insentif-insentif, lebih baik lagi dalam bentuk yang baru seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini. Sebab yang kedua yang saya hendak sebutkan di sini, saya dapati bahawa insentif yang telah sedia wujud hingga kini telah pun memenuhi matlamatnya. Saya berkata begitu ialah oleh kerana kita dapati ada angka-angka penunjuk untuk membuktikannya.

Kita dapati bahawa berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang diberikan di dalam Akta-akta yang sedia ada, khususnya apa yang berlaku pada tahun 60an dan 70an, kita dapati bahawa terdapatnya pelaburan-pelaburan berdasarkan kepada galakan-galakan yang diberikan. Kalau sekiranya kita memberikan pelaburan dalam ekonomi kita di sektor perkilangan berdasarkan kepada

pembahagian sama ada ianya adalah berdasarkan kepada peruntukan taraf perintis, satu, atau keduanya, berdasarkan kepada peruntukan insentif-insentif lain selain daripada taraf perintis, dan ketiganya, ialah berdasarkan kepada pelaburan yang dibuat dengan tidak ada peruntukan insentif. Maka kita dapati bahawa daripada angka-angka penunjuk yang dapat kita lihat ialah trend-trend seperti berikut:

Pada tahun 60an dan 70an untuk industri yang diberi taraf perintis adalah begitu tinggi sekali dibandingkan dengan industri yang tidak diberi peruntukan langsung ataupun pelaburan yang diberi peruntukan dalam bentuk galakan-galakan yang lain, selain daripada taraf perintis.

Apabila kita lihat trend tersebut pada awal tahun 80an ini, kita dapati bahawa ianya terbalik. Kita dapati bahawa peratusan pelaburan yang bertaraf perintis makin lama makin turun. Sambal itu pula pelaburan yang tidak diberi galakan langsung makin lama makin meningkat seolah-olah ada satu trend yang mengatakan bahawa penggalakan-penggalakan yang diberi pada tahun 60an dan 70an telah memenuhi matlamatnya yang menyebabkan bahawa galakan-galakan tersebut tidak mencukupi untuk menyebabkan lebih banyak lagi pelaburan-pelaburan berdasarkan kepada peruntukan galakan perintis ataupun insentif-insentif yang lain.

Oleh yang demikian, maka telah tiba masanya untuk kita melihat kembali dan mengkaji semula sejauh mana galakan-galakan tersebut dapat diubah supaya ianya dapat terus menerus menggalakkan lagi jumlah pelaburan sebegitu rupa supaya pelaburan makin meningkat, terutama sekali berdasarkan kepada galakan-galakan yang boleh kita beri sama ada dalam bentuk taraf perintis ataupun galakan dalam bentuk insentif-insentif yang lain.

Mungkin ada orang berkata dalam Dewan ini sebentar nanti bahawa galakan-galakan ini tidak mencukupi untuk mengatasi masalah-masalah yang lebih berat yang mungkin wujud. Tetapi saya menekankan di sini bahawa pindaan ini amat tepat dari segi masa berdasarkan kepada trend yang dapat kita lihat untuk selama 20 tahun yang berlalu.

Saya merasa bahawa jika sekiranya pindaan ini wujud, maka besar kemungkinan taraf perintis yang lebih menggalakkan itu akan dapat memenuhi matlamat kita untuk menggalakkan lagi pelaburan berdasarkan kepada galakan yang kita hendak tambah melalui pindaan ini.

Lagi satu perkara yang saya hendak tekankan di sini ialah selain daripada kemungkinan atau potensi yang besar melalui pindaan Rang Undang-undang ini ialah kemungkinan yang mungkin kita dapat nikmati jika sekiranya kita lihat pindaan ini akibatnya atau kesannya dari segi bidang atau sektor yang akan berkembang hasil daripada pindaan ini. Sebentar tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menekankan tentang galakan yang diberi berdasarkan kepada pelbagai kegiatan syarikat yang menepati dengan kegiatan-kegiatan yang digalakkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, insentif yang diberi pada tahun 60an dan 70an membawa satu bentuk sektor perkilangan yang menekankan kepada sektor tekstil, sektor elektronik, elektrik, sektor kelengkapan sains dan seterusnya sektor yang berasaskan kepada getah.

Sektor-sektor yang saya sebutkan tadi tumbuh dengan cepat dan menjadi sektor yang penting dalam bidang perkilangan kita berdasarkan kepada insentif-insentif yang diberikan pada tahun 60an dan 70an.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah tiba pertengahan tahun 80an dan apabila pindaan ini menekankan kepada galakan yang lebih menarik lagi berdasarkan kepada industri-industri ataupun kegiatan-kegiatan yang digalakkan. Oleh yang demikian, saya menjangka bahawa pindaan ini akan membawa satu "impetus" yang baru, dengan izin, yang membawa kepada kemungkinan perkembangan-perkembangan sektor-sektor yang digalakkan oleh Kerajaan pada tahun-tahun 80an dan seterusnya tahun 90an yang akan datang. Oleh yang demikian, dalam perbincangan Rang Undang-undang ini, saya ingin menekankan kepada pihak Kerajaan supaya menimbangkan dengan lebih terperinci tentang apakah yang dimaksudkan dengan kegiatan-kegiatan yang digalakkan itu.

Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa serba sedikit Rang Undang-undang ini menepati dengan apa yang terkandung di dalam pelan induk perindustrian negara. Dan saya ingin merujuk kepada beberapa saranan yang amat berguna yang terkandung di dalam pelan induk tersebut, khususnya mengenai sektor-sektor yang sewajarnya kita galakkan untuk baki dekad 80an dan seterusnya dekad 90an.

Tuan Yang di-Pertua, satu bidang yang sewajarnya difikirkan dengan serius oleh pihak Kementerian yang berkenaan ialah apa yang disebut sektor "tools and dye industry", dengan izin. Kerana apabila kita melihat ekonomi kita secara amnya dan secara khususnya di sektor perkilangan, kita dapati seolah-olah satu kekosongan atau satu "vacuum" dalam bidang ini. "Tools and dye industry" saya anggap begitu penting sekali apabila kita melihat struktur yang ada di dalam sektor perkilangan sekarang. Kita melihat sektor tersebut dengan merujuk kepada industri berat yang telah kita wujudkan 5 tahun yang

kebelakangan ini. Kita merujuk kepada industri yang menggantikan import yang cepat tumbuh pada tahun 60an dan 70an. Kita juga melihat sektor industri yang berorientasikan kepada eksport yang telah tumbuh pada tahun 70an. Sambil itu pula kita tidak tinggal melihat kemungkinan yang ada di dalam sektor industri kecil-kecilan.

Dan apabila kita aturkan sektor-sektor tersebut ataupun struktur industri di dalam bidang perindustrian seperti yang saya sebutkan tadi maka sesuatu kekosongan yang amat dirasakan sekarang di dalam aturan struktur itu ialah ketiadaan apa yang saya panggikan "tools and dye industry."

Serba sedikit "tools and dye industry" ini disebut di dalam IMP atau Industrial Master Plan, dengan izin. Saya rasa tidak payahlah saya memberi gambaran yang terperinci tentang apa yang dimaksudkan dengan "tools and dye industry" ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak memadai jika sekiranya kita terpaksa mengimport setiap daripada "tools and dye" untuk memenuhi keperluan heavy industry atau "import substituted industry" ataupun apa juga industri yang ada di dalam negara kita ini jikalau sekiranya kita tidak berupaya mewujudkan industri yang amat perlu sekali untuk memenuhi setiap daripada industri-industri yang telah kita wujudkan hingga kini.

Jadi, selain daripada kriteria-kriteria yang lain yang digunakan oleh pihak Kementerian berdasarkan kepada saranan-saranan IMP sama ada industri tersebut adalah "export oriented", dengan izin, ataupun menekankan tentang pemindahan teknologi ataupun ia menekankan kepada pembangunan tenaga kerja di negara kita ini. Tetapi kepada saya jikalau sekiranya negara kita ini hendak membangun dan membuat langkah menuju kepada satu zaman

atau satu era di mana kita maju dalam bidang perkilangan dan perindustrian maka tidak ada pilihan lain selain daripada mewujudkan industri yang saya sebutkan itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memberi insentif perintis, daripada 5 tahun kepada 10 tahun, maka ertinya bahawa kita sanggup bagi pihak Perbendaharaan untuk mengorbankan cukai-cukai yang mungkin dapat kita kutip daripada industri tersebut. Dan ini adalah satu pengorbanan yang terpaksa dibuat oleh pihak Kerajaan. Berdasarkan kepada pengorbanan tersebut, maka sewajarnya kita melihat galakan ini bukan suatu akan diberi dengan tidak memilih.

Oleh yang demikian, maka sewajarnya pihak Kementerian yang berkenaan untuk memastikan bahawa apa yang hendak digalakkan itu akan merupakan satu asas yang kukuh untuk membangunkan sektor perindustrian di negara kita ini bukan sekadar untuk 10-20 tahun bahkan 50-100 tahun yang akan datang. Kita sewajarnya mempelajari daripada serba sedikit kelemahan yang kita rasakan pada tahun 60an-70an, mungkin pada masa tersebut galakan-galakan diberi sebegitu rupa untuk memenuhi keperluan ekonomi pada masa tersebut khususnya apabila kita memberi taraf perintis kepada industri-industri elektronik yang memenuhi keperluan untuk meningkatkan jumlah pekerjaan untuk warganegara kita. Tetapi apabila kita membuat galakan seperti tersebut dan digunakan dengan sepenuhnya oleh industri-industri seperti yang saya sebutkan tadi, akhirnya pada tahun 80an kita menghadapi banyak masalah sama ada ianya membawa kepada pertumbuhan yang agak nipis dari segi hubungannya dengan sektor-sektor yang lain ataupun pemindahan teknologi yang tidak dapat kita banggakan ataupun pembangunan tenaga kerja dari segi kemahiran yang tidak dapat

diperdalam di dalam negara dan masyarakat kita amnya.

Jadi, berdasarkan kepada kelemahan-kelemahan yang kita alami pada tahun 60an dan 70an; berdasarkan kepada galakan-galakan yang kita berikan dalam bentuk Akta yang wujud pada masa lalu maka sewajarnya kita memastikan bahawa galakan tambahan yang diberi ini akan digunakan secara yang baik mungkin dan saya menyarankan supaya kita walaupun kita mengharapkan pelaburan asing masuk ke dalam ekonomi kita, tetapi sekurang-kurangnya kita agak lebih "discriminatory" lagi supaya apa yang mungkin berlaku ekoran daripada galakan tambahan ini akan meletakkan satu "foundation" ataupun asas yang lebih kukuh lagi untuk sektor perindustrian dalam ekonomi Malaysia. Mudah-mudahan.

Jadi, berdasarkan kepada hujah-hujah tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Galakan Pelaburan, Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.10 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1986 yang tadi telah dibentangkan yang menurut Timbalan Menteri yang berkenaan adalah bertujuan untuk membaiki iklim pelaburan di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, Akta Penggalakan Pelaburan Tahun 1986 yang diperkenal dan diwartakan pada awal tahun ini yang memberikan berbagai insentif untuk pelaburan dalam sektor pembuatan, pertanian dan pelancongan. Galakan-galakan cukai yang disediakan di bawah Akta

Penggalakan Pelaburan 1986 adalah seperti berikut:

- (a) taraf perintis;
- (b) elaun cukai pelaburan;
- (c) pengurangan pendapatan larasan;
- (d) elaun eksport;
- (e) potongan dua kali bagi menggalakkan eksport;
- (f) elaun bangunan industri untuk hotel.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan dibentangkan di Parlimen pada awal tahun ini, saya pernah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenainya di dalam Dewan yang mulai ini. Semasa ucapan saya pada masa itu, saya berkata bahawa Kerajaan hendaklah mengawasi dengan rapi pelaksanaan Rang Undang-undang Galakan Pelaburan apabila ianya dikuatkuasakan dan janganlah teragak-agak untuk membuat pindaan kepada Akta ini dari semasa ke semasa bagi memperkenalkan lebih banyak insentif pelaburan dalam usaha untuk menggalakkan pelaburan dalam negara kita ini.

Sekarang di depan kita ialah Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1986 yang bertujuan untuk membuat pelbagai pindaan kepada Akta induk atau Akta asal dan memperuntukkan antara lainya permohonan untuk mendapatkan kelulusan taraf perintis yang berasingan berkenaan dengan pelbagai kepada apa-apa aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tambahan dan melanjutkan tempoh pelepasan cukai untuk syarikat-syarikat bertaraf perintis selama 5 tahun bagi berkaitan aktiviti-aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tertentu.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk meminda seksyen 27 Akta asal bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri memberi kelulusan untuk elau cukai pelaburan dengan kuatkuasa kebelakangan kepada suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 5 tahun dari tarikh permohonan. Saya juga memerhatikan bahawa dalam Fasal 18 Rang Undang-undang ini juga yang bertujuan meminda seksyen 34 bagi membolehkan syarikat-syarikat pengilangan tidak kira berapa besarnya layak mendapat pengurangan pendapatan larasan kerana mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal atau pekerjaan dalam industri.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengulas fasal demi fasal dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Pada keseluruhannya kebanyakan pindaan yang dicadangkan adalah positif dan baik, kecuali Fasal 19 (c) yang berkait dengan cadangan untuk menggantikan pengurangan yang berdasarkan pada tambah nilai ataupun value added dalam bahasa Inggeris bagi barangan eksport dengan kiraan berdasarkan kuantum jualan eksport. Ini cadangan yang termaksud dalam Fasal 19 (c) ini.

Bercakap saya atas perbahasan Fasal 19 (c) ini, saya ada satu dua perkara yang saya ingin membangkitkan dan di samping itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan oleh kerana saya memerhati bahawa ada satu dua perkara yang tidak begitu jelas yang saya hendak mendapat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Penggalakan Pelaburan yang diwartakan pada awal tahun ini memperkenalkan satu galakan eksport berasaskan kepada pengurangan atau abatement, dengan izin, 10% pada

tambah nilai. Di bawah Rang Undang-undang baru, pengurangan 10% ke atas tambah nilai telah digantikan dengan pengurangan pendapatan larasan ataupun abatement of adjusted income, dengan izin, sehingga 50% berdasarkan kepada prestasi eksport yang ada kaitan dengan jumlah jualan. Apabila dibandingkan dua insentif atau galakan ini maka pengurangan 50% yang baru yang berdasarkan kepada prestasi eksport yang ada kaitan dengan jumlah jualan adalah lebih baik daripada pengurangan tambah nilai yang ada sekarang. Tetapi ini adalah hanya untuk syarikat-syarikat yang mempunyai pendapatan larasan lebih daripada 1/5 daripada tambahan nilai.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa sesebuah syarikat yang mendapat keuntungan yang tinggi atau tambah nilai yang kurang akan mendapat lebih faedah daripada pengurangan baru ini iaitu lebih daripada tambah nilai yang ada.

Aspek yang kedua yang saya ingin menyatakan di sini dalam perbahasan atas Fasal 19 (c) ini ialah daripada apa yang saya katakan tadi, ini bermakna bahawa syarikat yang mendapat keuntungan yang kecil atau tahap yang rendah dan tambah nilai yang tinggi akan bertambah teruk di bawah cadangan pengurangan baru. Pengurangan ini berat sebelah terhadap industri yang mempunyai tahap keuntungan yang rendah atau syarikat yang beroperasi dalam kedudukan yang rugi atau yang tidak mempunyai pendapatan larasan yang mencukupi. Dalam keadaan ini syarikat tidak akan mendapat faedah daripada galakan eksport jika syarikat ialah untuk mengeksport. Oleh kerana pasaran eksport sentiasa menghadapi persaingan yang hebat maka para pengeksport menjalankan operasi pada tahap yang sangat rendah dengan tujuan untuk mewujudkan pasaran eksport yang baru. Untuk syarikat-syarikat ini, galakan baru adalah lebih

buruk. Mereka lebih suka menuntut elaun eksport yang baru iaitu yang diuntukkan dalam Akta asal iaitu 5% disediakan untuk syarikat-syarikat perniagaan.

Aspek yang ketiga, ialah Akta Penggalakan Pelaburan juga memperuntukkan potongan dua kali bagi menggalakkan eksport, tetapi apabila menuntut pengurangan baru ataupun abatement yang baru, potongan dua kali ini akan mengurangkan pendapatan larasan ataupun keuntungan, tambahan pula potongan dua kali tidak memberi pengecualian cukai, sebaliknya pengurangan ke atas tambah nilai terdapat pengecualian dan akibat dari ini faedah potongan dua kali hilang semasa membahagikan keuntungan menerusi dividen. Inilah satu contoh di mana terdapat dua galakan yang nampaknya bertentangan antara satu sama lain. Galakan baru nampaknya tidak selari dengan objektif Kerajaan untuk menggalakkan eksport bagi industri berasaskan sumber di samping industri-industri yang mempunyai tambah nilai yang tinggi.

Adalah dicadangkan memandangkan kepada anomaly, dengan izin, yang saya tadi telah terangkan bahawa Rang Undang-undang ini sepatutnya membuat peruntukan bagi membenarkan sektor swasta menuntut mana-mana insentif yang berikut dengan tujuan untuk memberi satu pilihan kepada mereka.

Yang pertama, ialah syarikat-syarikat yang berkenaan boleh memilih salah satu daripada insentif-insentif yang berikut:

- (i) pengurangan tambah nilai 10% yang ada sekarang iaitu 5% daripada nilai barangan asli Malaysia dan 5% lagi pengurangan barangan Malaysia.
- (ii) insentif baru ke atas pengurangan pendapatan

larasan sehingga 50% dan 5% pengurangan barangan asli Malaysia.

- (iii) elaun eksport sebanyak 5%. Jika cadangan ini boleh diterima, ia akan membolehkan sektor swasta ataupun syarikat-syarikat yang berkenaan, yang hendak mendapat galakan eksport ini memilih galakan eksport yang wajar, memilih galakan eksport yang sesuai dengan operasinya atau yang memberi galakan kepadanya, untuk berbuat lebih banyak pengeksporan.

Itulah pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

5.24 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) ini.

Saya sangat-sangat tertarik dengan ciri-ciri berikut iaitu mengenai Fasal 14A, iaitu penambahan tempoh taraf perintis dari 5 tahun hingga 10 tahun dan yang mana Menteri Kewangan dimasukkan bersama di dalam membuat keputusan ini.

Kedua mengenai Fasal 36A (2) iaitu:

“36A (2) . . . abatement of adjusted income . . .” dengan izin, atas nilai penambahan sebanyak 10%.

Ketiga, pengurangan pendapatan larasan sumber asli tempatan.

Keempat, elaun eksport sebanyak 5% dari nilai eksport; dan

Kelima, pengurangan pendapatan larasan iaitu kurang 5% di atas pengambilan gunatengah.

Di atas kelima-lima pindaan ini saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan saya tidak bercadang

mengupas secara detail, dengan izin atau secara terperinci, hanya saya ingin katakan di sini ialah pindaan-pindaan ini adalah timely dengan usaha gigih untuk menukarkan struktur ekonomi kita kepada struktur perindustrian dan perdagangan.

Saya yakin dengan adanya pindaan-pindaan ini akan memberi insentif kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan pengusaha-pengusaha luar yang sedia ada di dalam negara ini, malah saya pasti ianya akan menarik lagi pelabur-pelabur asing dari luar negeri memandangkan bahawa ianya akan menguatkan lagi tahap comparative advantage kita di dalam bidang-bidang berikut:

- (i) getah.
- (ii) kelapa sawit.
- (iii) bijih timah.
- (iv) nenas.
- (v) koko.

Dan lain-lain lagi bidang yang kita mempunyai banyak sumber-sumber asli.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan Budget dahulu, saya menekankan pembinaan industri-industri yang menggunakan sumber-sumber tempatan sekarang. Sekarang dengan adanya pindaan Akta ini saya pasti comparative advantage akan meningkat bertambah-tambah lagi, lebih tinggi dari apa yang ada sekarang ini. Justeru itu competitive edge dengan izin, barangan kita di pasaran dunia akan bertambah.

Saya mahu lihat bahawa di dalam masa 5 tahun lagi akan berlakulah satu revolusi kecil perindustrian di negara kita.

Saya menyeru agar pihak Kerajaan mengaitkan segala industri-industri yang akan tambah hasil dari pindaan ini, secara logikal dan sistematik dengan pusat-pusat sumber di wilayah-wilayah miskin yang disebut dalam

ucapan-ucapan saya yang ke belakang ini. Di dalam pindaan ini ada disebut perkara-perkara mengenai penggalakan terhadap industri kecil ini. Ini lagi sekali saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan. Perkara-perkara ini ialah:

- (a) pengurangan pendapatan larasan sumber asli tempatan; dan
- (b) mengenai fixed asset yang tidak diambilkira ke atas industri-industri kecil.

Di dalam pada itu, saya mengharapkan pihak Kerajaan memperketatkan lagi kawalan barang-barang mentah yang keluar kerana pindaan-pindaan ini akan memberi insentif yang cukup kepada industri-industri yang menggunakan barang-barang tempatan. Misalnya, dahulu ada dicadangkan export tax, dengan izin, ke atas rotan mentah sebanyak 40% dari nilainya, tetapi setakat ini hanya 20% sahaja yang diimplikasikan.

Mengenai tempoh taraf perintis yang dipanjangkan dari 5 tahun ke 10 tahun, saya menyeru ianya diluaskan kepada lebih banyak jenis barangan yang dikeluarkan, memandangkan pada masa ini sumber-sumber modal luar yang paling dekat dengan kita seperti di Hong Kong dan di Taiwan ghairah hendak datang ke sini. Banyak industri-industri yang dahulunya menggunakan sumber-sumber kita seperti getah, kayu-kayan, rotan dan barang-barang hutan yang lain dibuat di negara itu, tetapi pada masa ini tidak lagi viable dikeluarkan di sana.

Di dalam tinjauan saya, banyak ahli-ahli perusahaan di bidang ini di negara-negara itu, ingin datang ke negara kita ini dengan modal yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan banyak barangan utama kita belum lagi dikembangkan sektor hilirannya, saya harap pihak Kerajaan meluaskan lagi spectrum industri untuk mendapat taraf perintis.

Kita semua sedar bahawa pusat-pusat modal yang saya sebut tadi pada masa ini sangat-sangat ghairah untuk datang ke sini. Negara kita mempunyai segala facilities, dengan izin, ataupun kemudahan untuk menerima mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memandang juga bahawa penggalakan terhadap usaha-usaha industri kecil, saya menyeru kepada pihak Kerajaan di dalam semangat pindaan yang dibuat ini supaya mewujudkan satu dasar industri kecil.

Pada masa ini belum ada lagi satu dasar pun yang boleh memberi uniformity dari segi piawaian dan pengawalan infrastrukturnya. Misalnya, di negara kita wujud foundry kecil yang boleh mengeluarkan barang-barang yang disebut oleh sahabat saya tadi dari Ledang iaitu tools and dye industry pada peringkat kecil-kecilan seperti machinery untuk pembuatan perabut dari kayu-kayan, buluh, rotan dan lain-lain. Sayangnya, pada masa ini kita terpaksa mengimport mesin-mesin kecil yang simple ini dari Taiwan dan Korea dengan harga yang banyak.

Saya pasti dengan favourability diberi kepada industry kecil ini satu rangkaian atau metrik pembangunan industry kita akan wujud dan ianya akan membawa pertumbuhan dari dalam. Kemahiran teknologi kita adalah setaraf dengan apa yang didapati di negara lain, hanya kita sahaja belum cuba mengembangkannya.

Dengan hujah-hujah itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang Pengalakan Pelaburan (Pindaan) ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.36 ptg.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas cadangan, pandangan serta teguran mengenai berbagai perkara yang menyentuh Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pengalakan Pelaburan 1986. Kementerian saya akan mengambil perhatian yang sewajarnya mengenai cadangan-cadangan itu. Bagaimanapun, izinkan saya untuk memberi sedikit penjelasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang mencadangkan supaya Kerajaan sentiasa mengambil tindakan sewajarnya agar negara ini akan terus dapat bersaing dengan negara-negara yang lain di dalam menarik pelaburan. Di antara galakan yang dicadangkan ialah usaha-usaha Kerajaan di dalam memastikan galakan-galakan yang bukan cukai seperti keadaan kestabilan politik dan infrastruktur yang lain. Sukalah saya meyakinkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa usaha-usaha ini memang sedang diambil oleh pihak Kerajaan. Pindaan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini hanya sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat yang berkenaan seterusnya telah menyarankan supaya Kerajaan menumpukan perhatian kepada sektor perkilangan yang baru dan tidak menitikberatkan lagi kepada industri-industri yang telah established seperti tekstil, elektronik dan sebagainya di sebaliknya cuba menumpukan perhatian kepada industri-industri yang baru seperti tools and dye. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa industri seperti tools and dye merupakan industri yang sedang dan akan

digalakkan oleh Kerajaan. Maka sebab itu industri ini memang telah disenaraikan sebagai promoted industry activities.

Bersabit kebimbangan Ahli Yang Berhormat tentang implikasi hasil (revenue implication), galakan-galakan yang baru ini saya tidaklah dapat memberi jumlah kehilangan hasil yang terlibat, akan tetapi sukalah saya menyatakan di sini Kerajaan sedar bahawa kehilangan hasil pasti berlaku jika kita ingin menambahkan daya penarik negara ini sebagai negara pelaburan di rantau ini. Yang penting nyatalah untuk memastikan bahawa galakan-galakan akan menghasilkan pelaburan-pelaburan baru yang lebih banyak dan akan menyumbang ke arah perkembangan ekonomi negara ini akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai Fasal 19 Rang Undang-undang ini, di mana pada pandangan Ahli Yang Berhormat itu galakan pengurangan ke atas pendapatan larasan bagi eksport (abatement of adjusted income for exports) hanya akan manfaatkan syarikat-syarikat yang membuat keuntungan dan mempunyai sekurang-kurangnya satu perlima daripada nilai ditambah. Sukalah saya menjelaskan bahawa memang menjadi tujuan Kerajaan memberi galakan ini hanya kepada syarikat-syarikat yang membuat keuntungan, ini adalah kerana selain daripada menggalakkan eksport, Kerajaan juga ingin memastikan syarikat menjalankan perniagaan yang menguntungkan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga berpendapat bahawa galakan ini tidak menitikberatkan pengalakan industri-industri yang berasaskan sumber asli (resource base). Hakikat yang sebenarnya ialah perkara ini telah diambil perhatian

oleh Kerajaan di mana syarikat-syarikat yang menggunakan bahan mentah sumber asli tempatan diberi tambahan pengurangan ke atas pendapatan larasan sebanyak 5%. Tuan Yang di-Pertua, galakan ini akan menggantikan galakan pengurangan pendapatan larasan berasaskan nilai ditambah (value added). Tujuan Kerajaan berbuat demikian adalah untuk memudahkan pemberian galakan. Kementerian saya telah menerima maklumbalas bahawa pengurangan berasaskan value added akan merumitkan pengiraan galakan ini dan lagi adalah menjadi hasrat Kerajaan memastikan bahawa lebih banyak eksport dikeluarkan oleh negara ini tanpa mengambil kira sangat jenis-jenis eksport berkenaan. Dan ini adalah selaras dengan matlamat pelan induk perindustrian Malaysia yang memperakukan Kerajaan menitikberatkan lebih kepada quantum export. Namun demikian, untuk memastikan bahawa objektif penggunaan saham baru tempatan tidak terjejas, maka Kerajaan telah menjalankan satu kajian yang membuktikan bahawa pindaan yang dicadangkan ini adalah memberi lebih manfaat kepada syarikat berbanding dengan pengurangan ke atas pendapatan larasan berasaskan nilai ditambah.

Bersabit dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang agar syarikat-syarikat diberi pilihan galakan pengurangan yang baru dengan yang lama dan dengan elaun eksport 5%, sukalah saya menjelaskan bahawa pilihan ini memang diberi oleh Kerajaan, akan tetapi pilihan itu adalah di antara pengurangan ke atas pendapatan larasan bersamaan dengan potongan 50% pendapatan larasan dari elaun eksport sebanyak 5%. Pilihan ini tidak ketara atau dinyatakan di dalam Rang Undang-undang ini. Akan tetapi syarikat-syarikat yang mempunyai sale-turn-over yang tinggi yang mengeksport masih membuat

pilihan dengan mengekspor keluaran-keluaran mereka melalui anak-anak syarikat perdagangan mereka atau memperbadankan syarikat perdagangan sendiri, jika elauan eksport dapat memberi lebih faedah berbanding dengan pengurangan ke atas pendapatan larasan.

Skim pengurangan pendapatan larasan untuk eksport sehingga 50%, to abatement of adjusted income up to 50% export, dengan izin, adalah sebagai ganti kepada skim tambah nilai. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa pendapatan larasan melalui pengurangan tersebut bukan sahaja dikecualikan daripada cukai syarikat tetapi pendapatan tersebut adalah juga dikecualikan dari cukai di tangan pemegang saham. Potongan dua kali bagi pengalakan eksport yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, adalah satu skim cukai yang berasingan dari skim pengurangan untuk eksport di mana skim potongan dua kali bagi pengalakan eksport bertujuan membantu "cashflow" syarikat memandangkan perbelanjaan yang tinggi yang perlu dibiayai bagi menggalakkan eksport di luar negeri. Skim pengurangan bagi maksud pengecualian cukai adalah berdasarkan kepada pendapatan yang diperolehi dari eksport potongan dua kali ganda skim mengurangkan pendapatan larasan bagi maksud cukai.

Berhubung dengan perkara penyebaran industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, perkara ini telah diambil kira oleh Kerajaan di mana sekiranya industri-industri ditempatkan di kawasan perindustrian yang digalakkan, industri berkenaan diberi pengurangan ke atas pendapatan larasan sebanyak 5%.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya senarai

industri-industri yang layak mendapat perlanjutan tarif perintis selama lima tahun lagi akan dipertimbangkan oleh Kementerian saya sewaktu menggunakan senarai-senarai ini kelak. Bersabit dengan cadangan beliau supaya satu usaha yang lebih bersepadu di dalam menggalakkan perusahaan kecil, sukalah saya memaklumkan bahawa langkah-langkah yang sewajarnya kini sedang dilakukan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih lagi sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai Rang Undang-undang ini pada hari ini. Saya tidaklah dapat menjawab satu persatu hujah-hujah yang telah dibangkitkan, hanya sebahagiannya telah saya sentuh secara umum. Namun demikian, segala cadangan dan ulasan yang telah diberi akan diambil perhatian dengan sewajarnya oleh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KANUN TANAH NEGARA
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.47 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan meminda Kanun Tanah Negara khususnya Seksyen 43 Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) dan Seksyen 436A Kanun Tanah Negara adalah bagi membolehkan warganegara dan syarikat-syarikat asing memiliki tanah di Semenanjung Malaysia.

Kanun Tanah Negara yang berkuatkuasa sekarang memperuntukkan beberapa peruntukan yang menegah dan mengenakan syarat-syarat bagi pemilikan tanah oleh warganegara dan syarikat asing. Tegahan dan syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Tanah di bawah kategori industri boleh dimiliki.
- (b) Tanah di bawah kategori bangunan boleh dimiliki dengan syarat ia mendapat kelulusan pihak berkuasa negeri.
- (c) Tanah di bawah kategori pertanian tidak boleh dimiliki.

Ekonomi negara sekarang berada di dalam keadaan yang tidak menggalakkan akibat daripada kemelesetan ekonomi yang melanda dunia. Selain dari ini kejatuhan harga yang besar dan berterusan bagi hampir semua barang-barang utama dijangka akan mengakibatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengikut harga semasa merosot dengan banyaknya. Harga sebahagian besar

dari barangan utama telah jatuh ke paras yang tidak pernah dialami sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan sedang berusaha dengan giatnya melaksanakan dasar-dasar dan tindakan-tindakan untuk mengatasi masalah ekonomi negara dengan tujuan untuk:

- (a) meningkatkan peluang-peluang pekerjaan bagi mengatasi pengangguran;
- (b) memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran menerusi peningkatan kegiatan ekonomi dalam negeri;
- (c) memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan;
- (d) meningkatkan tabungan sektor swasta dan awam;
- (e) meningkatkan kepercayaan terhadap ekonomi negara;

Salah satu sektor yang boleh menarik pelabur asing yang di kenalpasti ialah sektor pertanian. Pelaburan asing di sektor ini akan memberi banyak faedah. Di antaranya ialah:

- (a) pelaburan akan mewujudkan banyak peluang-peluang pekerjaan dan kemasukan modal-modal asing;
- (b) pelaburan asing ke atas bahan-bahan utama seperti getah dan kelapa sawit akan menjamin pasaran yang berterusan bahan-bahan tersebut. Ini akan mengurangkan masalah pemasaran yang dengan izin "competitive", dan;
- (c) pelaburan di bidang perusahaan makanan boleh menjimatkan tukaran wang asing. Menurut perangkaan Jabatan Pertanian tahun 1985, import makanan dan hasil-hasil Pertanian berjumlah \$3,470 juta. Ini boleh diperbaiki dengan kemasukan modal dan kepakaran asing.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada pertimbangan-pertimbangan di atas, maka Kerajaan telah memutuskan supaya seberapa boleh halangan-halangan dan faktor-faktor yang melewati kedatangan pelaburan asing hendaklah dibuang. Salah satu faktor yang dikenalpasti ialah halangan-halangan perundangan di dalam Kanun Tanah Negara, khususnya seksyen 43, Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) dan seksyen 436A Kanun Tanah Negara. Oleh itu ianya perlu dipinda.

Kerajaan berpendapat, adalah wajar dalam keadaan sekarang warganegara asing atau syarikat asing dibenarkan memiliki dan mengurusniaga tanah di Semenanjung Malaysia. Namun demikian, tidaklah bermakna kawalan tidak dapat dibuat terhadap pemilikan dan pengurusanniagaan itu. Kawalan secara pentadbiran boleh dilakukan terhadap pelupusan tanah Kerajaan yang akan dimajukan oleh warganegara asing dan syarikat asing dan juga urusanniaga seperti penjualan tanah milik kepada syarikat asing.

Apa yang mustahak, Tuan Yang di-Pertua, adalah pindaan sekarang ini memberi imej iaitu tidak ada sekatan bagi syarikat atau warganegara asing memiliki harta tanah di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1986 ini. Rang Undang-undang ini mengandungi 4 fasal, iaitu Fasal 1 hingga Fasal 4. Perkara-perkara penting yang terlibat di dalam pindaan-pindaan ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 ialah menerangkan tajuk dan pemakaian Rang Undang-undang yang dicadangkan.

Fasal 2 iaitu membuang syarat yang menghendaki Kerajaan-kerajaan Negeri mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) apabila melupuskan tanah di bawah seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Fasal 3 ialah memotong kesemua Bahagian Tiga Puluh Tiga (A), iaitu seksyen-seksyen 433A, 433B, 433C, 433D dan 433E Kanun Tanah Negara. Bahagian ini ialah bahagian yang menyekat perolehan-perolehan tanah oleh warganegara asing dan syarikat-syarikat asing;

Fasal 4 iaitu meminda seksyen 436A Kanun Tanah Negara bagi menghendaki badan-badan yang memiliki tanah memberi kenyataan apabila mengisi borang di bawah Jadual Pertama mengikut pengenalan di bawah undang-undang masing-masing. Ini bererti keperluan untuk menyatakan sama ada sesebuah badan itu asing atau tidak mengikut takrif yang dibuat di bawah seksyen 433A Kanun Tanah Negara diganti dengan cara pengenalan yang lebih senang.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya tegaskan di sini bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, tidak sekali-kali mengurangkan kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dalam urusan tanah. Kuasa yang sedia ada di bawah Kanun Tanah Negara yang telah berjalan hampir 20 tahun itu adalah kekal seperti yang ada sekarang. Dalam hubungan ini, sukalah saya mengingatkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya berhati-hati dalam menggunakan budibicaranya untuk memilih bakal-bakal pelabur asing yang akan membuat pelaburan di negeri masing-masing, supaya semangat dan hasrat pindaan ini sentiasa terjaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.54 ptg.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang sekejap untuk membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Kanun Tanah Negara 1986 yang dibentangkan di hadapan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak tujuan utama pindaan ke atas Kanun Tanah Negara ini dibentangkan ke dalam Dewan ini adalah untuk membolehkan warganegara asing dan syarikat asing memiliki tanah tanpa sekatan. Kerana itulah, maka Bahagian 33A Kanun Tanah Negara itu dimansuhkan dan Seksyen 43 yang ada hubungannya dengan Bahagian 33A dipinda supaya tidak lagi tertakluk kepada Bahagian yang menyekat orang asing dan syarikat asing memiliki tanah.

Saya faham bahawa tujuan pindaan ini adalah untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan datang ke negara ini, tetapi para pelabur tidak datang ke negara ini bukan kerana satu sebab. Banyak sebab yang menyebabkan mereka berhati-hati untuk melibatkan diri seperti mana yang pernah disarankan di Dewan ini ketika saya membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan secara umum bagi bacaan kedua dahulu, bahawa masalah keyakinan orang luar kepada pimpinan dan kestabilan negara adalah mustahak. Hal ini mesti diatasi segera.

Bagaimanapun, kini nampaknya Kerajaan semacam tidak lagi yakin dengan usahanya untuk membolehkan urusan dagang dan ekonomi negara dibangunkan oleh orang-orang dari dalam negeri sendiri. Sepatutnya sesudah 30 tahun merdeka, negara mulai mampu mengendalikan urusan pembangunan dagang dan ekonomi melalui tenaga dan modal dari dalam negeri sendiri. Demikianlah sepatutnya cara dan sikap yang dilakukan atau mampu ditunjukkan oleh bangsa dan jiwa yang merdeka.

Sebelum itu rakyat diserlahkan dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menguasai ladang-ladang dan kepunyaan luar negeri dengan cara membelinya. Langkah tadi bertujuan untuk mengelakkan kekayaan negara ini dinikmati lebih banyak oleh orang dalam negara ini sendiri. Cara-cara pengambilan-alih itu dilakukan dalam suasana yang kemudiannya mengecewakan pasaran barangan dan menyebabkan satu dari helah pelabur agak liat untuk melabur di negara ini dan apabila Kerajaan kali ini mengemukakan pula cadangan supaya orang asing dan syarikat luar negeri dibenarkan memiliki tanah yang seluas-luasnya maka ini satu isyarat bahawa Kerajaan hendak mendedahkan lagi negara ini kepada penguasaan ekonomi negara oleh golongan luar. Bukanlah bererti pelaburan tidak penting tetapi membuka seluas-luasnya tanah kepada orang asing boleh membahayakan keselamatan negara. Sepatutnya Kerajaan peka dengan kisah Peringgi membeli tanah dari Raja Melaka sebagaimana yang digambarkan oleh buku-buku sejarah. Kononnya Raja Melaka enggan membenarkan orang asing membeli sekalipun sebidang tanah yang terhad luasnya, tetapi kerana mendengarkan permintaan cuma seluas belulang seekor lembu dengan tawaran harga yang tinggi.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, itu kambing barangkali, saya rasa kambing bukan seekor lembu, tetapi seekor kambing.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Ya, kambinglah (*Ketawa*). Lalu Sultan Melaka bersetuju. Akibatnya dari penjualan tanah itu, kemerdekaan rakyat dan negeri Melaka tergadai sehingga Melaka sampai sekarang tak mempunyai mahkota dan takhta lagi.

Kisah kedua yang perlu diingati oleh Kerajaan ialah betapa bodohnya orang-orang Palestin menjualkan tanah kepada Yahudi-Zionis sebelum negara itu menjadi "Israel". Orang-orang Yahudi-Zionis dibenarkan membeli tanah yang tidak terhad lagi. Dari tanah itulah Zionis mengusir tuan tanah yang berjiran dengan tanahnya. Negara Palestin bertukar menjadi negara Yahudi bermula dengan undang-undang tanahnya yang membolehkan orang luar memiliki tanah begitu mudah.

Dua contoh itu patutlah menjadi iktibar supaya pindaan yang ada di hadapan kita ini nanti tidak menyebabkan kemerdekaan negara ini tergadai dan keselamatan kita terancam.

Boleh jadi juga kelonggaran undang-undang itu memudahkan para saudagar di negara ini untuk mengadakan kongsi dalam negara dengan saudagar-saudagar syarikat asing. Kiranya ini menjadi perkiraan, maka kita bimbang bahawa undang-undang itu dibuat atas kehendak orang tertentu untuk mencari kekayaan sendiri dengan memperalatkan pihak yang berpengaruh untuk meminda undang-undang. Orang-orang dari dalam dan dari luar negeri saling alat memperalat boleh mengaut ekonomi negara dari kelemahan undang-undang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan dan cemburu itu patut ada kerana kita

tidak mahu kejadian projek Langkawi dan PROMET berulang lagi. Tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan telah membuat apa yang mampu dan menggunakan kuasa yang ada bagi membolehkan projek Langkawi mendapatkan kemudahan tanah, kemudahan bantuan Kerajaan dan lain-lain. Sedikit sebanyak PROMET diketahui sebagai sebuah firma yang dikendalikan bersama oleh rakyat asing. Untuk mendapatkan projek Langkawi pengaruh Kerajaan telah digunakan supaya tanah rakyat di pulau itu diambil oleh Kerajaan Negeri atas persetujuan Exco dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah menjadi penguasa tanah itu. Perbadanan ini pula kemudiannya menyerahkan kuasa tanah itu kepada PROMET untuk tempoh, kurang seminggu 100 tahun. Kiranya projek itu berjaya, mungkin Kerajaan dan negara beroleh banyak cukai dari penjualannya, dari kemajuannya, tetapi rakyat asal Langkawi akan jadi macam rakyat Singapura yang menyerahkan pulau itu kepada Sir Stamford Raffles untuk membangunkannya. Negara itu membangun dan 200 tahun kemudiannya ia menjadi pengkalan pengaruh Zionis bagi rantau ini. Tidakkah mungkin Langkawi juga berlaku demikian? Malangnya Projek Langkawi kini ter bengkalai kerana PROMET menghadapi krisis tetapi negara sudahpun mengeluarkan wang yang banyak dari Bank Negara untuk membina infrastrukturnya, dan keuntungan yang lebih banyak pergi ke swasta daripada orang ramai.

Perkara ini saya timbulkan, Tuan Yang di-Pertua, kerana bimbang pindaan Akta ini dibuat untuk kepentingan lintah darat dari dalam dan dari luar negeri. Dengan pengalaman Zionis dapat membeli Palestin, maka tanah yang tidak terhad kepada orang dan firma asing itu, memungkinkan pemodal Zionis memiliki tanah itu dengan

menggunakan nama-nama yang boleh diterima oleh pihak Malaysia.

Saya tidak fikir Kerajaan Malaysia, oleh kerana terlampau miskin, terlampau perlu kepada keuntungan yang banyak, maka satu daripada puncanya, meminda Akta ini. Saya sangat bimbang atas pindaan ini dan kita patutlah berwaspada untuk meluluskannya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dapat saya sampaikan dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pendang.

6.04 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Pendang): Tuan Yang di-Pertua, saya pun akan mengambil sedikit masa untuk membahaskan Akta bagi meminda Kanun Tanah Negara 1986 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada petang ini.

Setelah mengkaji pindaan-pindaan yang telah dibentangkan, yang hanya mempunyai beberapa pindaan yang kecil, tetapi membawa besar ertinya kepada kita semua, kepada negara dan membentuk ekonomi negara. Pindaan kepada Seksyen 43, misalnya membawa juga pindaan kepada Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) yang juga akan memansuhkan keseluruhan seksyen 433, yang telah pun diputuskan ataupun dibahaskan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1984 yang lalu. Begitu juga pindaan kepada Seksyen 436A, Kanun Tanah Negara yang telah dibuat pada hari ini.

Saya hendak menyebutkan sedikit sebanyak mengenai tatacara Pemindahan Kanun Tanah yang telah dibuat, yang sedang dibuat dan yang mungkin akan dibuat.

Pandangan saya, Kerajaan mestilah mempunyai pakar-pakar perundangan tanah yang mempunyai pengalaman

yang luas untuk meminda Kanun Tanah Negara ini. Ura-ura Kerajaan hendak membentuk satu Kanun Tanah Negara ala Malaysia sudah pastilah boleh menjadi kenyataan, jika sekiranya Kerajaan berusaha dari sekarang untuk meminda keseluruhannya, membentuk satu Kanun Tanah Negara ala Malaysia bagi membolehkan rakyat bagi memahaminya. Beberapa pindaan yang telah dibuat jelas menunjukkan bahawa pindaan yang diluluskan itu tidak dapat dilaksanakan, tidak dilaksanakan oleh Kerajaan.

Sebagai satu contoh yang jelas kepada saya ialah pindaan pada tahun 1984, iaitu bagi membolehkan Kerajaan memasuki tanah-tanah yang tidak diusahakan oleh tuannya ataupun tanah-tanah terbiar yang dipegang oleh orang-orang perseorangan. Kita mempunyai peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara, tetapi sampai sekarang ini, tidak sebidang tanah pun diusahakan oleh agensi Kerajaan melalui penguatkuasaan Akta Kanun Tanah Negara ini yang telah dipinda. Inilah maksud saya apabila kita luluskan sesuatu pindaan kepada Akta, ataupun pindaan undang-undang itu mestilah boleh diluluskan. Pada pandangan, mungkin perundangan tanah atau dari segi undang-undangnya boleh dilakukan, tetapi pelaksanaan pada peringkat pejabat-pejabat daerah ataupun pejabat-pejabat tanah mungkin tidak dapat dijalankan.

Pemindaan kepada seksyen 433 yang membolehkan pindaan ini di buat, yang berikutan daripada membolehkan pelupusan tanah mengikut seksyen 42 dalam Kanun Tanah yang membolehkan Kerajaan-kerajaan negeri atau pihak berkuasa negeri meluluskan, memberikan tanah kepada orang-orang perseorangan ataupun kepada badan-badan lain

yang terletak di bawah perkara 42 ini, yang juga akan melibatkan perkara-perkara yang terletak kepada seksyen 36, Kanun Tanah Negara, melibatkan perkara ini yang akan melibatkan pindaan-pindaan ini. Pada pandangan saya pindaan ini sungguhlah mempunyai satu hasrat yang murni daripada Kerajaan untuk membawa masuk pelabur-pelabur asing ataupun mengembalikan kepercayaan masyarakat luar negeri terhadap ekonomi Malaysia.

Satu ketika dulu saya pernah mendengar, ataupun menjadi satu kenyataan kepada umum bahawa Kerajaan berusaha membeli balik syarikat-syarikat ataupun ladang-ladang getah Syarikat Harrison, Syarikat Guthrie dan lain-lain syarikat British di negara kita ini dengan hasrat kita hendak mengembalikan hak itu supaya dipegang oleh Rakyat Malaysia hingga menyebabkan pakar-pakar getah, pakar-pakar kelapa sawit telah membawa diri ke negara jiran Indonesia dan melaburkan ataupun mengembangkan fikiran mereka itu di sana sehingga menyebabkan satu pertandingan dengan negara kita, terutama di dalam perkembangan industri getah dan kelapa sawit sehingga kita hampir-hampir tertinggal di dalam soal ini.

Permohonan saya ialah supaya kita dapat berhati-hati. Kerajaan perlu berhati-hati walaupun kita mempunyai Kanun Tanah yang berbentuk undang-undang ini boleh mengawal penjualan atas urusan, jika diluluskan oleh pihak berkuasa negeri, tetapi mungkin akan timbul beberapa perkara yang tidak dapat kita lihat. Misalnya semasa pindaan seksyen 433 dahulu, saya pernah mengeluarkan pendapat bahawa dalam seksyen 433 ini, pada masa itu tahun 1984, tidak membolehkan warganegara asing ataupun syarikat asing memiliki tanah, tetapi kita menunjukkan bukti-bukti yang jelas bahawa walaupun seksyen 433 ini diadakan di dalam Kanun

Tanah Negara, tetapi boleh syarikat-syarikat asing itu memiliki tanah di negara kita ini dengan menggunakan sebuah syarikat di negara kita ini, syarikat bumiputera ataupun syarikat orang Malaysia yang dimiliki, dimodali oleh orang asing boleh memiliki tanah dengan cara itu. Pada masa itu dengan penguatkuasaan seksyen 433. Tetapi sekarang ini apabila pemansuhan kepada Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) yang keseluruhannya terletak seksyen 433, ini membolehkan pula warganegara asing atau syarikat asing memiliki tanah di negara kita ini.

Sekarang ini apa yang saya risaukan, lama kelamaan akan wujudlah syarikat-syarikat gergasi yang akan dapat melaburkan modal mereka dalam penguasaan tanah ini sehingga mereka menguasainya pada satu peringkat. Saya tidak nampak bagaimanakah sekatan-sekatan ataupun peraturan-peraturan ini boleh dibuat dari masa ke semasa bagi menghadkan penguasaan syarikat-syarikat asing ini terhadap tanah di negara kita ini. Tanah ini satu perkara yang tidak boleh bertambah, berkurang mungkin ada, tetapi tidaklah bertambah dari segi fizikalnya. Jadi, inilah satu harta yang kita miliki, bumi yang kita pijak ini sebagai harta kepada kita perlulah kita jaga dengan baik supaya ianya tidak terlepas begitu sahaja. Saya takut kalau-kalau ada satu ketika syarikat asing yang masuk membawa modal dapat memiliki tanah dan seterusnya akan memiliki tanah itu dengan alasan hendak membangunkannya, sudah pastilah dengan pindaan penghapusan seksyen 433 ini ataupun penghapusan Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) ini maka membolehkan syarikat-syarikat asing, warganegara-warganegara asing bagi memiliki tanah.

Bukan saya tidak bersetuju kita hendak membawa masuk modal asing ke negara kita ini, kita bersetuju supaya kita membaiki imbalan

pembayaran untuk mengembangkan ekonomi negara kita, tetapi kewaspadaan Kerajaan tentang penguatkuasaannya, tentang perjalanan undang-undang ini kalau tidak boleh dicabar, mungkin akan dicabar dan kita akan kalah dalam cabaran itu. Kita akan dibawa ke mahkamah dan sudah pastilah tanah itu akan menjadi milik orang-orang asing pula, di samping Kerajaan pada satu ketika dahulu membeli, berusaha mendapatkan balik ladang-ladang yang besar dimiliki oleh orang-orang British atau orang-orang asing di negara kita ini untuk tujuan pemilikan harta warganegara kita ini.

Jadi, saya mempunyai pandangan supaya Kerajaan seharusnya mempunyai sekatan-sekatan yang tertentu walaupun kita ada Jadual dalam pindaan 436A misalnya, ada Jadual yang boleh mengkelaskan, itupun sedang kita laksanakan sekarang ini, sudah ada borang yang perlu diisi oleh orang-orang yang hendak menerima tanah yang akan dilupuskan itu atau penerima milik tanah itu mesti menjelaskan. Misalnya dalam Borang Pindahmilik, jelas bagi tanah Kawasan Tanah Milik Melayu ataupun "Malay Reservation" bagi bukan warganegara, bukan bumiputera, tidak boleh dipindahmilik, ini telah pun ada di negara kita ini, tetapi mungkin berlaku juga beberapa kecuaiian sehingga pemindahan ini dapat juga dijalankan dan ada juga Pihak Berkuasa Negeri yang mencabut keluar "Malay Reservation" ini untuk dijadikan "Free hold", dengan izin, untuk dimajukan, tetapi akhirnya suasana ini tidak juga membantu keadaan perniagaan pelaburan di negara kita ini.

Saya mohonlah kepada Kerajaan walaupun dengan hasrat yang baik untuk memperbaiki keadaan ekonomi kita, untuk memperbaiki imbalan pembayaran kita dan berbagai-bagai ikhtiar Kerajaan untuk memulihkan

ekonomi kita, tetapi saya tidaklah sanggup untuk melihat keadaan pemindaan kepada Kanun Tanah Negara ini yang kita bawa pada hari ini hingga boleh menjejaskan atau boleh menggadaikan sedikit-sebanyak, walaupun sebahagian kecil dari tanah yang kita miliki ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Akta Kanun Tanah Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

6.13 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyentuh atas pindaan Kanun Tanah Negara.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "we have killed the goose that lays the golden eggs"—kita sudah bunuhkan angsa yang beri kepada kita telur-telur emas. Adalah satu ketika pada tahun 1981, 1982, 1983 di mana pasaran hartanah adalah tukar-menukar tangan dengan harga-harga yang tertinggi sekali di mana kita boleh dapat keuntungan yang baik sekali di mana ada orang berminat memiliki tanah-tanah negara kita, kita tidak beri peluang kepada mereka memiliki tanah-tanah pertanian kita.

Tetapi, sebaliknya kita beli tanah-tanah pertanian daripada orang-orang asing, daripada syarikat-syarikat asing, seperti Harrison Malaysian Plantation Berhad, seperti Syarikat Highlands and Lowlands Berhad, seperti Syarikat United Plantation Berhad dan lagi satu contoh yang penting, yang sangat mahal—Guthrie Berhad di mana negara kita melalui sebarang authorities, seperti PERNAS dan lain-lain badan berkanun, kita beli balik tanah-tanah pertanian ini melalui secara saham-saham yang berharga 1 pound sterling ketika itu adalah lebih kurang \$6-\$7 1 pound sterling. Maka, bukan sahaja pada masa itu kalau kita

jual, bukan beli, kita akan dapat untung (profit) dan bukan itu sahaja, lebih pelaburan orang asing, lebih pelaburan syarikat asing yang akan membolehkan kita mengusahakan lebih tanah, memajukan lebih tanah pada masa itu, tetapi bukan, sebaliknya kita buang peluang itu. Bukan sahaja kita buang peluang itu, kita beli balik dengan lebih mahal dan beri keuntungan kepada syarikat asing, kepada orang asing yang membawa wang itu ke negara-negara lain. "In short, they were laughing all the way to the bank with our money, with their profit which were milked out of us", dengan izin.

Di manakah mereka pergi hari ini? Mereka sudah dengan wang itu, keuntungan yang besar itu pergilah ke Indonesia, ke Ceylon, ke Nigeria, Ghana, lain-lain negara di mana dapat tanah dengan harga murah dengan sanang undang-undangnya dan juga dengan labour, dengan izin, yang berharga murah dan di mana mereka sudah tetap akan berada mengusaha dan memajukan tanah-tanah pertanian negara lain. Mengapa kita tidak sepatutnya mengikut satu peraturan (rule), satu garis panduan iaitu "always sale high and buy cheap", tetapi sekarang kita akan beli "seldom cheap and we will want to buy them back high again", dengan izin, pada satu ketika di mana harga naik dan kita takut pasaran hartanah akan jadi hebat lagi.

Saya kata mula-mula tadi "we have killed the goose that lays the golden eggs", dengan izin. "I hope we won't do that again". Saya harap kita tidak akan buat sebegitu lagi, tetapi dapatkah kita mengalu-alukan mereka balik ke negara kita hari ini dengan pindaan Kanun Tanah Negara seperti ini. Bolehkah kita dapat keyakinan pelabur-pelabur, bolehkah kita dapat kepercayaan para pelabur-pelabur? Dengan izin, "I have lost faith" dan saya boleh kata, saya percaya mereka pun sudah kehilangan keyakinan

mereka, kepercayaan mereka, bukan sahaja "once beaten twice shy", saya ingat lain-lain sebab. Adakah hari ini kita ada OSA atau dosa dan kita pun ada lain-lain skandal-skandal kewangan yang besar-besaran, seperti BMF, UMBC, EPF dan lain-lainnya di mana kita ada tunjuk kepada para pelabur, kita lebih mementingkan pihak-pihak tertentu dan bukan dengan keadilan mementingkan semua kepentingan rakyat, pelabur umum.

Saya tidak sokong, saya tidak berpuas hati kita ada pindaan Kanun Tanah Negara seperti ini, sebab kita hari ini ada tanah-tanah terhad sahaja dengan "area acreage" itu dan saya tidak berpuas hati kita akan beri atau memperuntukkan atau jualkan tanah-tanah sebagai satu aset yang "valuable", dengan izin. Inilah satu aset yang tidak boleh dapat balik, kecuali kita beli balik. Kalau kita dalam satu keadaan kemerosotan, kemelesetan ekonomi seperti hari ini di mana semua barangan, semua aset, semua hartanah, semua tanah dijual dengan harga-harga yang rendah sekali jika kita beri peluang-peluang kepada orang asing atau syarikat asing masuk sekarang, kita akan rugi lagi satu peluang di mana kita boleh mengusahakan, memajukan tanah kita sendiri dengan lain-lain cara, tidak perlu dapatkan orang-orang asing atau syarikat asing. Tetapi, jika kita perlu pertolongan, bantuan orang asing atau syarikat asing, saya mencadangkan lebih baik kita tidak jual, tidak memperuntukkan kepada mereka, tidak beri kepada mereka dengan harga-harga seperti itu dan lebih baik kita memajukan, mengusahakan tanah-tanah yang terbiar hari ini lebih kurang 2 juta ekar atau 1 juta hektar yang kita ada hari ini.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan juga pihak pemerintah, lebih baiklah kita menjauhkan dari pindaan Kanun Tanah Negara seperti ini di

mana kita akan rugi lagi sekali. Orang-orang asing dan syarikat-syarikat asing akan mendapat faedah lagi sekali, maka lebih baiklah kita menjauhkan dari satu cara sebegini, lebih baik kita jemput dan mengalu-alukan mereka, datanglah bersama-sama kita mengusahakan, memajukan tanah-tanah terbiar yang kita ada hari ini yang luasnya sekurang-kurangnya 2 juta ekar. Tetapi sebelum kita dapat berkongsi (joint venture) bersama mereka memanglah perlu kita dapat baik pulih keadaan ekonomi, pelaburan, pemerintahan politik yang lebih menggalakkan sebab hari ini sebagaimana yang kita ada, hari ini pun satu hari yang sedih untuk pihak kita, untuk pihak-pihak pelabur sebab pada hari Jumaat yang lalu baru kita meluluskan satu Rang Undang-undang yang sekarang sudah jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang itu tak bersangkutan dengan apa yang kita bincangkan.

Dr Eng Seng Chai: Itu bersangkutan dengan keadaan pelaburan tanah pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tak bersangkutan, minta gulungan.

Dr Eng Seng Chai: Ya. Saya tidak akan sentuh banyak, melainkan memberi contoh sahaja di mana orang-orang akan kesal dengan keadaan pelaburan di negara ini. Saya harap pihak-pihak seperti FELDA, FELCRA, di mana mereka tidak dapat memajukan tanah-tanah terbiar, janganlah mereka juga memajukan lebih tanah yang baru, tebangkan hutan-hutan yang mengandungi sumber-sumber asli di mana kita akan hilangkan natural assets negara ini, lebih baik mereka mencari satu cara di mana kita boleh juga berkongsi dengan syarikat asing, orang asing memajukan semua tanah terbiar.

Dengan ini, saya berterima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.23 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1986.

Sebentar tadi telah pun kita dengar penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah berhubung dengan fasal untuk meminda Rang Undang-undang yang bertujuan memansuhkan keseluruhan Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) Kanun Tanah Negara supaya membolehkan bukan warganegara dan syarikat-syarikat asing memiliki tanah tanpa sekatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini kita haruslah berfikir kerana tanah ini sebagaimana yang diucapkan oleh rakan-rakan saya daripada Barisan tadi, tanah ini tidak akan berkembang. Kalau satu ekar tetaplah satu ekar, tidak akan berlebih. Oleh itu, dalam masalah ini kita harus memikirkan kerana dengan adanya undang-undang yang disebutkan ini kita takut kerana Kuala Lumpur dahulu boleh dikatakan semuanya, yakni tiga suku daripada tanah di Kuala Lumpur ini adalah milik orang-orang tempatan, khasnya orang-orang Melayu, tetapi sehingga ke hari ini saya rasa di tengah-tengah pekan Kuala Lumpur ini hanya tinggal satu lot tanah sahaja lagi, iaitu di Jalan Melayu—satu lot tanah sahaja lagi yang tinggal daripada berpuluh-puluh ekar yang telah beralih ke tangan orang-orang lain.

Dalam masalah ini kita takut juga kerana dengan adanya tanah yang sedikit lagi, iaitu ada kira-kira 6% di

Kuala Lumpur ini dan juga tanah-tanah yang lain akan beralih tangan sekiranya lulus undang-undang ini—tentulah kita hendak luluskan. Saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan berhati-hati sedikit.

Dalam masalah ini kita takut, bukan di Kuala Lumpur sahaja, kemungkinan di seluruh Malaysia ini termasuk di Wilayah Labuan begitu juga, tanah-tanah yang tinggal hanya sedikit sebanyak sahaja lagi itu orang-orang asing akan datang kerana tanah-tanah di situ kemungkinan pada suatu masa pulau itu akan berkembang maju. Sungguhpun kita tahu Kerajaan pada hari ini berkehendakkan pelabur-pelabur asing untuk datang ke dalam Malaysia, dengan tujuan ini kita melonggarkan sedikit syarat-syarat tanah—sungguhpun syarat-syarat ini telah pun kita tutup dahulu, tidak dibenarkan bangsa-bangsa asing untuk membelinya tetapi sekarang kita buka semula, saya pun tidak tahulah bagaimana keadaan sebaliknya yang dibuat oleh pihak Kementerian berhubung dengan Akta yang disebutkan ini.

Begitu juga kita takut di Pulau Langkawi. Pulau Langkawi dalam Akta ini sebentar lagi kita akan meluluskannya juga, iaitu berhubung dengan tanah di pulau itu akan dijadikan sebagai pulau bebas cukai. Ini juga peniaga-peniaga asing akan datang, akan berlumba-lumba untuk membeli tanah di kawasan itu yang akhirnya tanah di Pulau Langkawi juga akan habis. Inilah yang saya takut supaya dapat pihak Kerajaan memikirkan sehalus-halusnya kerana kita tidak mahu tanah-tanah yang ada ini akan beralih ke tangan warganegara asing yang datang ke negara kita ini.

Soal yang lain di Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur dan di kawasan-kawasan yang lain juga kita melihatkan keadaan yang sangat mengharukan, lebih-lebih lagi di pekan-pekan iaitu di kawasan-kawasan

Tanah Reserve Melayu. Saya mengharapkan di sini, iaitu dengan adanya Kanun Tanah Negara ini juga supaya harga-harga tanah dapat distandardkan dan diselaraskan. Tidak ada kelas-kelasnya sekarang.

Umpamanya di kawasan Kampung Bahru. Di tengah-tengah Kuala Lumpur ini harga tanah kalau dibandingkan dengan Jalan Campbell pada suatu masa dahulu \$150 satu kaki persegi, hanya di Kampung Bahru, Kuala Lumpur harganya \$15 satu kaki persegi. Pada hal tanah itu keadaan yang sama, duduknya di tempat yang sama, hanya nama kawasan sahaja lain. Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan supaya harga tanah ini disamakan. Kalau kawasan Melayu; umpamanya di Sungai Pencala pun serupa, kalau hendak dizonkan di kawasan Kuala Lumpur atau di pekan-pekan besar di dalam negara kita ini. Umpamanya di Pulau Pinang, khususnya di kawasan Balik Pulau—minta maaf saya kalau silap, lain harganya, di kawasan Georgetown lain harganya dan sebagainya, sungguhpun tanah-tanah di kawasan itu dalam satu pulau yang boleh kita harapkan kawasan yang begitu baik. Begitu juga di Kuala Lumpur.

Dalam Kanun Tanah Negara ini juga kita mengharapkan supaya diadakan pembahagian yang adil. Pada suatu masa dahulu lombong-lombong di tiap-tiap negeri telah habis dikorek dan sekarang ini tinggal lagi lombong-lombong yang berair. Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan dengan adanya Kanun Tanah Negara ini juga kalau dapat jangan lagi tuan-tuan yang telah pun memiliki dan mengambil hasil tanah iaitu bijih yang ada di dalam tanah dahulu sekarang pun mereka memohon untuk membuat projek perumahan, pertanian dan seterusnya. Oleh itu, kalau mereka telah pun mendapat hasil supaya diberi pula kepada orang-orang lain khasnya kepada bumiputera yang mana saya

rasa buta masa ini bumiputera kekurangan tanah di dalam bandar-bandar.

Begitu juga kita mengharapkan tanah-tanah lombong ini, oleh kerana tadi Yang Berhormat Menteri pun telah mengatakan lebihkurang 3,400 juta, kalau tak silap saya tadi yang dibelanjakan untuk membeli buah-buahan, sayur-sayuran daripada luar negeri. Apa salahnya tanah-tanah ini supaya dijadikan tanah pertanian, dibahagi-bahagikan, lebih-lebih lagi sekarang ini kita dalam keadaan ekonomi merosot dan di samping itu juga banyak pekerja-pekerja yang menganggur, kita mengarahkan Kementerian yang berkenaan supaya mereka ini diberi tanah sama ada dua ekar, tiga ekar dan sebagainya iaitu di atas tanah geran sementara. Dengan keadaan ini mereka dapat memulakan penghidupan baru dan dengan keadaan ini juga rasa saya dapat mereka itu bercucuk-tanam dan akhirnya kita dapat mengelakkan sedikit sebanyak penganggur-penganggur yang ada dalam negara kita ini.

Di Kuala Lumpur pula dan di pekan-pekan besar, tanah-tanah yang ada pada hari ini kita mengharapkan janganlah kita begitu ghairah, pihak Kementerian ataupun pihak Dewan Bandaraya berkehendakkan duit dengan cepat. Ada sahaja tanah kita jual sehinggakan pihak Kerajaan, pihak Kementerian sendiri tidak ada tanah. Kita takut di akhir-akhir nanti pihak Kementerian, pihak Kerajaan tidak ada tanah langsung di Kuala Lumpur ini, semua dipunyai oleh pedagang-pedagang asing ataupun peniaga-peniaga yang besar, sedangkan Kerajaan pada masa itu untuk membuat sesuatu projek kemungkinan, sekarang ini pun bukan main susah untuk mencari tanah di Kuala Lumpur ini kerana tanah-tanah tersebut telah pun dipunyai, telah pun dipindahmilikikan kepada orang-orang yang berkenaan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Oleh itu dalam masalah ini, sementara tanah-tanah itu masih ada sedikit sebanyak lagi, saya mengharapkan kepada pihak Kementerian dan pihak tanah supaya mengawasi tanah-tanah yang saya sebutkan itu tidak beralih tangan lagi. Kita tidak mahu Kuala Lumpur ini menjadi suatu taman ataupun menjadi hutan batu, di sekelilingnya tidak ada pokok-pokok ataupun pohon-pohon lagi yang boleh kita hendak lihat. Kita tidaklah mahu membandingkan negara kita ini sebagai New York dan sebagainya dan hendakkan semuanya bangunan tinggi tetapi kita tidak ada tanah ataupun tanah lapang lagi untuk kita berteduh untuk melihat, untuk mencuci mata dan sebagainya kepada pohon-pohon yang ada.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan juga di Kuala Lumpur ini hanya satu sahaja Pejabat Tanah iaitu di Jalan Pekeliling. Kuala Lumpur ini luas, penduduknya kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain hampir-hampir 1.5 juta dan keadaan dari satu tempat ke satu tempat sungguhpun kenderaan ada tetapi keadaan jalan begitu susah. Kita mengharapkan supaya diadakan lebih banyak pejabat-pejabat perhubungan tanah ini di Kuala Lumpur. Kita ada 7 kawasan pilihanraya di Kuala Lumpur ini, apa salahnya diadakan 4 zon, diadakan tiap-tiap zon itu satu Pejabat Tanah ataupun cawangan Pejabat Tanah bagi menyenangkan pihak-pihak yang berkenaan untuk membayar cukai dan sebagainya berhubung dengan tanah, mereka ini pergi ke tempat-tempat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah pandangan saya berhubung dengan soal tanah dan saya mengharapkan sekali lagi berhubung dengan Fasal 3 Rang Undang-undang ini supaya dapat pihak Kerajaan

memikirkan sehalus-halusnya. Kita tidak mahu lagi tanah kita akan beralih ke tangan orang lain dan pada satu masa nanti kita tidak ada tanah lagi. Kita tidak mahu sebagaimana yang terjadi di Kuala Lumpur ini ramai saudara-saudara saya yang dahulunya boleh dikatakan kaya-kaya juga dengan keadaan duduk tanah tetapi malangnya sekarang kita menitiskan airmata, mereka ini duduk di tepi-tepi tanah mereka sendiri kerana tanah yang asal telah pun berpindah milik kepada orang-orang lain. Oleh itu, dalam keadaan kita tidak mahu menangis, biarlah kita menangis sekarang; jangan kita menangis di belakang hari, tidak ada gunanya, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu, dalam keadaan ini saya mengharapkan sekali lagi supaya kita berhati-hati dalam masalah ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

6.34 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak ke atas Rang Undang-undang ini yang akan meminda Kanun Tanah Negara kita supaya membolehkan syarikat-syarikat luar negeri dan asing serta individu-individu asing untuk membeli tanah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempersoalkan kebijaksanaan langkah ini sebagai satu dasar yang akan menjual aset negara kita, warisan kemerdekaan negara kita ke atas kuasa-kuasa asing. Saya pun berkongsi perasaan yang tidak begitu tentu dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membuat ucapan sama ada Barisan Nasional ataupun Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, dari Pembangkang, ke atas langkah ini. Oleh kerana tanah adalah aset yang amat berharga bagi

bukan sahaja urusan perniagaan tetapi kepada kedaulatan politik negara kita juga.

Ingin saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab-sebab yang menjadikan Rang Undang-undang ini dibentangkan di dalam Parlimen, khususnya memandangkan bahawa dalam negara-negara yang sedang membangun, masalah pun juga timbul di mana tanah secara besar-besaran kalau dijual kepada syarikat-syarikat antarabangsa iaitu transnational companies. Mereka mempunyai modal yang besar, mereka mempunyai pakar yang amat pandai untuk mengurus perniagaan mereka dan secara kegiatan-kegiatan spekulasi ke atas perniagaan tanah, mereka pun mendapati tanah secara besar-besaran di negara itu. Dan tidak lama lagi kita boleh menyaksikan di dalam peringkat beberapa negara-negara itu yang telah membangun, negara-negara itu menjadi mangsa kepada satu kegiatan ataupun serangan kolonialisme yang baru iaitu secara ekonomi, secara terma-terma moden sebagai pelaburan antarabangsa dan saya ingin menasihatkan kepada pihak Kerajaan Malaysia supaya mengamalkan sikap berwaspada ke atas kegiatan-kegiatan itu oleh kerana syarikat-syarikat antarabangsa, syarikat-syarikat transnational itu tidak begitu bertanggungjawab kepada sesiapa pun kecuali kepada konsep keuntungan sahaja dan ini tidak akan menimbulkan masalah besar kepada rakyat negara kita kalau Rang-Undang-undang ini disalahgunakan ataupun dilaksanakan tanpa kawalan yang kuat.

Di samping itu juga syarikat-syarikat besar yang ingin menubuhkan ladang-ladang besar, mereka hanya boleh menjadikan projek-projek itu sebagai viable jikalau mereka dapat buruh yang murah. Maka perindustrian ladang-ladang itu, bukan selalu, kadangkala menjadi anti-labour, dengan izin, kalau mereka

dibiarkan mereka akan mengimport buruh dari luar negeri, dari Indonesia dan negara-negara jiran dan ini mungkin tidak akan menggalakkan perkembangan hak-hak buruh di negara kita sendiri dan saya sebagai seorang Ahli Yang Berhormat dari Sarawak, suka hati bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan menyentuh kepada hak rakyat Sarawak oleh kerana segala hal-ehwal tanah di negeri Sarawak adalah di bawah bidangkuasa negeri Sarawak oleh kerana terdapat juga di negeri Sarawak masalah yang amat besar seperti Native Customary Rights (NCR) yang akan terjejas jikalau syarikat-syarikat asing ataupun individu-individu asing dibenarkan untuk membeli tanah.

Tuan Adam bin Abdul Kadir:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.....

Tuan Sim Kwang Yang: Ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia hendak minta penjelasan tadi. Yang Berhormat dari Kuantan.

6.38 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Yang di-Pertua, saya sempat mendengar hujah-hujah yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, apa lagi yang terakhir iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching tentang pentingnya tanah sebagai satu aset negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun soal tanah ini daripada dahulu lagi telah merupakan satu hal yang boleh mencetuskan polisi macam "merchantilism" umpamanya di England, yang boleh mencetuskan revolusi di Perancis dan juga di

Amerika dan sebagainya lagi dan yang boleh mencetuskan negara Portugal datang ke sebelah sini dunia iaitu disebabkan oleh hal-hal tanah. Jadi, walaupun kita tahu tanah ini sebagai satu perkara yang peka ataupun yang sensitif tetapi dalam keadaan sekarang ini kita harus melihatnya daripada kaca-mata yang agak liberal iaitu sebagai satu perkara yang boleh didagangkan, yang boleh diniagakan demi kepentingan ekonomi dan demi kepentingan keteguhan politik negara umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya berkongsi pendapat—kalau saya boleh menggunakan perkataan "berkongsi" seperti Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi—berkongsi pendapat tentang sikap kita yang liberal dalam hal pemilikan tanah, dalam hal penggunaan tanah dan juga dalam hal pemerinkatan penggunaan tanah.

Dalam keadaan ekonomi yang meleset, yang muram ini, terutama sekali dalam sektor property dan sektor hartanah, dasar yang lebih liberal patut kita alu-alukan kerana negara-negara yang bersikap liberal itu sekarang ini terutama negara yang menjadi jiran kita, boleh kita sebutkan Hong Kong umpamanya dan juga Taiwan saya rasa mempunyai dasar yang agak liberal dalam hal pemilikan tanah. Oleh itu, dasar seperti ini dapat mengalu-alukan investors, pelabur-pelabur luar negeri membeli dan memperdagangkan hartanah ini yang boleh bukan sahaja menaikkan harga tetapi dalam satu jangka masa yang tertentu boleh menstabilkan harga dan sekiranya turun harga itu, itu adalah sebagai satu mekanisme pasaran sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi meleset di Malaysia ini, faktor hartanah merupakan satu-satunya faktor yang menjadi sebab mengapa keadaan ekonomi kita begitu muram. Tanah-tanah yang telah dibeli

dalam keadaan ekonomi sihat, sekarang ini menghadapi nasib yang tidak begitu baik kerana bank dan badan-badan kewangan tidak begitu cenderung untuk memberikan kewangan untuk memajukan tanah-tanah tertentu. Ini semua disebabkan oleh tiadanya persaingan-persaingan daripada pelabur-pelabur luar negeri untuk ke sini kerana adanya undang-undang, adanya terma-terma, kalau saya menggunakan istilah dalam Rang Undang-undang ini, yang begitu menyekat insentif bakal-bakal pelabur, baik daripada Tokyo, baik daripada Hong Kong, baik daripada Singapura, baik daripada London umpamanya untuk datang ke sini untuk melabur di dalam hartanah.

Kita tahu dikebanyakan negara hartanah iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan tanah ataupun bangunan-bangunan tinggi, pejabat-pejabat dan rumah-rumah pangsa umpamanya, bukan merupakan sesuatu yang boleh menjejaskan iklim ekonomi seperti yang kita hadapi pada waktu ini. Jadi, keadaan yang agak lop-sided ini yang tidak senada dengan tempat-tempat lain itu tentu sekali mencerminkan bahawa masalah kita sebenarnya adalah masalah yang terlalu mengongkong, yang terlalu menyekat-nyekat, yang terlalu banyak memberi syarat-syarat kepada bakal-bakal pelabur ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu walaupun Kuala Lumpur sekarang ini mempunyai keluasan tanah yang begitu terbatas, tetapi sekiranya kita meliberalisekan atau membebaskan sedikit syarat-syarat kita tentang pemilikan tanah, kita tentu sekali tidak menghadapi nasib, katalah 500 tahun dahulu ketika Portuguese datang ke sini, kerana waktu itu kita tidak mempunyai dasar imigresen, kita tidak mempunyai dasar pemilikan harta dan sebagainya. Apabila orang datang ke sini mereka bukan sahaja memiliki tanah tetapi juga menjajah.

Jadi, apa yang berlaku, kalau kita melonggarkan syarat-syarat pemilikan tanah oleh individu ataupun firma-firma asing, mereka tidak semestinya boleh datang menjajah dengan hanya menggunakan pemilikan harta. Pemilikan harta boleh, tetapi hartanah itu tidak boleh dibawa ke mana-mana dan orang asing untuk datang ke sini boleh kita kawal dengan menggunakan kuatkuasa ataupun langkah-langkah imigresen umpamanya.

Kalau kita terlalu bimbang sepertimana saudara Yang Berhormat dari Kuching tadi terlalu bimbang bahawa aset yang penting tanah ini akan merupakan satu pintu gerbang bagi bakal kolonialis moden umpamanya ataupun bakal penderma-penderma moden yang dipanggil dengan pelabur-pelabur itu, tetapi saya rasa keraguan itu tidaklah begitu boleh ditekankan sangat sebagaimana kalau kita memandangkan hakikat apa yang berlaku di London ataupun New York umpamanya walaupun banyak hartanah di sana dimiliki oleh orang Arab ataupun orang Zionis, mereka tidaklah sangat boleh mempengaruhi keputusan-keputusan tertentu di sana asalkan kita mengawal ketat dalam hal-hal imigresen, hal-hal yang berkaitan dengan penghijrahan orang daripada luar ke dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta ringkaskan sedikit.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru supaya sebarang keraguan kita terhadap polisi melonggarkan pemilikan hartanah ini tidak diberikan tekanan yang boleh menjejaskan insentif orang untuk melabur di dalam negara kita, iaitu di dalam aspek hartanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana menghormati kata-kata Yang di-Pertua itu, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang akhir, Yang Berhormat dari Kepong.

6.47 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita semua ini memang mempunyai implikasi yang besar, walaupun ada empat fasal sahaja tetapi implikasinya sangat besar. Walaupun implikasi kewangan yang disebutkan tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan, akan tetapi akan melibatkan rakyat warganegara Malaysia perbelanjaan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Fasal 3 dalam Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk memansuhkan keseluruhan Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) Kanun tersebut, supaya membolehkan bukan warganegara dan syarikat-syarikat asing memiliki tanah dan persyarikatan. Memang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuantan tadi sebagai satu insentif untuk pelabur-pelabur asing kerana kalau mereka tidak dapat memiliki tanah mereka enggan melabur di negara ini seperti nampaknya di setengah-setengah negeri di pantai timur. Orang-orang daripada pantai barat kadang kala tidak berminat untuk melabur kerana tidak boleh memiliki tanah dan tanah menjadi satu faktor yang penting sebagai guarantee untuk pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lupa bahawa Jawatankuasa telah habis, dengan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kita punya banyak undang-undang, sebab itulah confuse sedikit.

Dr Tan Seng Giaw: Confusing, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: Saya rasa, dia sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Rasa ini, selalunya salah rasa.

Tuan Hu Sepang: Saya ada perkara penting yang saya ingin memberi tahu Dewan yang mulia ini. Saya harap Tuan Speaker boleh memberi peluang kepada saya sebagai seorang yang terakhir memberi.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti dulu Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Dia belum habis lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kita dengar Yang Berhormat dari Kepong dahulu.

Tuan Hu Sepang: Ya, belum.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Kuantan itu dia berbisik-bisik dan kedengaran desas-desus di sini dan dia tidak minta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua. Lain kali saya berharap.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak dengar.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak dengar? Oh! malanglah.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya ada dengar beberapa kali daripada orang-orang asing yang berminat untuk melabur di negara Malaysia bahawa kerana syarat untuk memiliki tanah di negara ini sangat ketat dan ini menjadi satu penghalang kepada pelaburan. Akan tetapi saya hendak menekankan di sini bahawa sepertimana yang telah saya sebutkan mengenai kolonialisme ekonomi

Jepun di negara ini. Dengan adanya kelonggaran milikan tanah seperti ini, maka negara ini telah membuka pintu kepada kuasa-kuasa besar, syarikat-syarikat multi-national untuk menjadikan satu ekonomi yang dikongkong oleh mereka.

Inilah satu bahaya yang besar untuk negara ini. Sebab itulah walaupun kita berminat untuk memberi insentif kepada kuasa-kuasa dan syarikat-syarikat asing, akan tetapi kita seharusnya sentiasa mengingati bahawa langkah-langkah yang ketat hendaklah diadakan. Saya tidak nampak di dalam Rang Undang-undang ini apa sahaja langkah untuk mencegah syarikat-syarikat multi-national ini daripada meng"colonialise"kan negara ini. Dan inilah satu kelemahan di dalam Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah habis?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak, masa ada lagi, ada satu dua minit lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua pihak yang berkenaan dapat meneliti implikasi yang telah saya sebutkan tadi. Kerana lama kelamaan mungkin termasuk Langkawi dan sebagainya akan dimiliki oleh kuasa-kuasa yang besar, kuasa syarikat trans-national dan sebagainya. Sebelum Rang Undang-undang ini diluluskan, saya berharap pindaan boleh diadakan untuk mengadakan satu klausa supaya kolonialisma ekonomi tidak dapat diwujudkan di negara ini. Ini adalah satu perkara yang terpenting dan negara kita sekarang pun menghadapi cabaran yang begitu hangat, begitu besar dari negara-negara seperti Jepun yang sanggup mewujudkan kolonialisma ekonomi di negara ini. Kerana itulah untuk kepentingan rakyat, untuk kepentingan masa depan negara ini kelonggaran milikan tanah ini seharusnya ditimbang semula dan sekatan-sekatan yang tertentu hendaklah diadakan untuk menjamin

masa depan rakyat Malaysia untuk kepentingan masyarakat Malaysia. Sekian, terima kasih.

6.55 ptg

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Yang di-Pertua, saya minta lima minit sahaja untuk melafazkan pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta ringkaskan, Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Lima minit sahaja dari sekarang.

Tuan Hu Sepang: Bolehlah, dengan laju macam roket.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) ini, saya ingin memberi pandangan seperti saya katakan tadi. Tujuan yang utama dalam pindaan Rang Undang-undang ini adalah bagi membolehkan bukan warganegara dan syarikat-syarikat asing memilikitanah tanpa sekatan di tanahair kita ini. Saya khuatir jika Rang Undang-undang ini diluluskan dan menjadi Akta, mungkin suatu hari kelak apabila di suatu pagi tatkala kita bangun, kita akan berasa terkejut dan kecewa nampak negara kita ini tidak akan jadi negara kita, mungkin jadi negara lain! ini adalah berasas, sebab saya boleh memberi dua contoh di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Contoh pertama, di pantai Port Dickson di mana terdapat beberapa tempat yang sesuai dan indah untuk berenang tetapi adalah sangat dukacita bahawa tapak-tapak yang sesuai dan indah itu dimiliki oleh orang asing ataupun bukan warganegara. Dan apabila perkara ini berlaku di kalangan rakyat mungkin

ianya akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dan salah faham pun juga akan timbul sebab kita semua sedar buat masa ini ramai rakyat Malaysia masih belum mendapat peluang memperolehi tanah. Tanah-tanah itu bukannya luas tetapi cuma untuk satu lot bagi mendirikan rumah kediaman sahaja.

Lagi satu contoh "classic", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ialah di Pulau Phuket di selatan negara Thailand. Saya tidak tahu adakah Tuan Yang di-Pertua, pernah pergi ke pulau tersebut.

Di Pulau Phuket di negara Thai di sini banyak tanah-tanah telah dimiliki oleh orang-orang Jerman Barat di mana mereka ada mengamalkan corak hidup mereka sendiri iaitu corak hidup barat khususnya Jerman Barat dan mereka membuka perniagaan atau menjalankan perniagaan "Pub", menjual minuman keras dan tindak-tanduk seperti itu adalah melanggar kebudayaan dan keagamaan yang ada di dalam negara Thai. Kadang-kadang kita pun dapat satu impression bahawa kita sudah tiba di Munich ataupun di Berlin memandangkan ramai orang Jerman Barat di situ.

Tuan Yang di-Pertua, tanah merupakan asset yang terakhir untuk negara kita ini. Kita pun telah banyak hutang kepada negara asing, bank-bank dan institusi-institusi kewangan di luar negeri. Apa lagi ada tinggal untuk negara kita ini?

Jika kita memberi kuasa kepada Kerajaan supaya membolehkan orang bukan warganegara ataupun syarikat-syarikat asing memiliki tanah tanpa sekatan, saya khuatir akhirnya mungkin sebahagian besar negara kita akan dimiliki oleh orang asing seperti yang dibuat masa sekarang ini di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur di mana kita dapat tengok banyak kedutaan-kedutaan negara asing diletakkan di sana dan apabila kita berjalan melalui jalan tersebut, kita berasa jalan itu

adalah bukan sebahagian tanahair kita, tetapi tanah itu dimiliki oleh orang asing.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat?

Tuan Hu Sepang: Dengan ini, saya suka hendak mencatatkan bantahan saya terhadap Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab. Tidak payah panjang lebarlah, semua sudah diulang-ulang sahaja.

7.00 mlm.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara yang dikemukakan pada petang ini. Izinkan saya mahu memberi penjelasan sedikit sebanyak mengenai beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa masih ragu-ragukan soal dan tujuan kenapa kita meminda Undang-undang ini. Sekali lagi suka saya nyatakan di sini bahawa pindaan ini dikemuka untuk membolehkan syarikat-syarikat asing serta juga warganegara asing memiliki tanah pertanian khususnya dan kemudiannya melabur di negara ini semoga suasana kepicitan dan kemerosotan ekonomi negara dapat dikendurkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa dan budibicara untuk memilih syarikat-syarikat asing, juga warganegara asing. Kerajaan Negeri

diperingatkan, sebagaimana saya sebutkan siang-siang tadi supaya berhati-hati dalam menggunakan budibicaranya untuk memilih bakal-bakal pelabur asing di negeri masing-masing semoga hasrat pindaan ini akan terus terpelihara.

Kalau kita lihat kepada pindaan seksyen 436A, sebutan sekarang, saya lafaz dengan bahasa Inggeris:

“And in the case of a corporation, a statement as to whether or not it is a foreign company is defined in section 433A”.

Tetapi pada kali ini, apakala kita meminda, kita nyatakan di bawah seksyen 436A:

“In the case of a company, corporation, society, association or other body, a statement as to its identity and the law under which it is constituted.”

Jadi ini adalah kawalan-kawalan yang kita kenakan supaya tiap-tiap buah Kerajaan Negeri berhati-hati dalam soal ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Kanun Tanah Negara telah dikuatkuasakan semenjak tahun 1966 lagi. Tegahan-tegahan ini dibuat hanya satu tahun lebih sahaja iaitu mulai pada 25hb Mac, 1986. Pindaan ini hanya mengembalikan kepada keadaan asal sahaja. Jadi, sebagaimana saya nyatakan tadi, kuasa kawalan masih boleh dibuat menerusi kuasa pentadbiran. Ini bermakna bahawa kawalan pelupusan, kawalan di bawah sekatan kepentingan ataupun restriction in interest, dengan izin, boleh dilakukan.

Teguran Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sebenarnya suka saya nyatakan di sini serta teguran daripada Ahli-ahli Pembangkang

selain saripada pembangkang dari Pengkalan Chepa itu adalah stereotyped dan tidak mempunyai hujah yang konkrit. Jadi, saya kadangkala merasakan tidak perlu saya memberi jawapan, tetapi oleh sebab saya memikirkan bahawa kita ini bersikap adil dan mengamalkan demokrasi, biarlah saya sentuh sedikit sebanyak apa yang dibangkit oleh mereka sungguhpun ianya tidak mempunyai hujah-hujah yang konkrit.

Pertama, mereka menanya soal sama ada pelabur-pelabur asing yakin dengan adanya pindaan yang dicadangkan ini. Pindaan ini adalah bertujuan membolehkan lebih pesat lagi tanah-tanah dimajukan secara besar-besaran untuk tanaman-tanaman kontan bagi tujuan eksport. Sebagaimana saya nyatakan tadi, hampir \$3 billion pada hari ini kita terpaksa membelanjai untuk mengimport barang-barang makanan. Jadi dengan cara ini mungkin kita.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Yang Berhormat, belum saya habis ayat saya, bagaimana?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia habis dahulu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Jadi, saya nyatakan di sini hari ini kita cuba seboleh-bolehnya untuk memperbanyakkan tanaman-tanaman kontan dan tanaman-tanaman yang lain lagi bagi mengatasi soal perbelanjaan yang begitu banyak tiap-tiap tahun—\$3 billion, Tuan Yang di-Pertua, bukan \$1 juta, \$2 juta, tetapi \$3 billion lebih. Jadi, inilah persoalan yang berlegar di fikiran kita, di fikiran Kerajaan yang bertanggungjawab.

Kemudian Yang Berhormat juga mencadangkan supaya agensi-agensi Kerajaan memajukan tanah terbiar dengan syarikat-syarikat asing tanpa pindaan yang tersebut. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah terbiar sedang diusahakan untuk dimajukan oleh agensi Kerajaan. Kita ada FELCRA yang menjalankan tugas ini.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching—ini yang saya kata stereotyped, hendak tahu sebab-sebab KTN ini perlu dipinda. Saya sudah pun sebutkan tadi dan tidak payah saya ulang. Beliau tidak setuju dengan penjualan tanah kepada orang-orang asing. Jadi, saya rasa sebab yang saya beri tadi sudah mencukupi. Inflasi bukan hanya berpunca dengan pemilikan tanah oleh orang-orang asing sahaja, banyak faktor-faktor lain yang menyebabkan timbulnya inflasi. Saya berharap Yang Berhormat sendiri memahami soal itu.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai menyatakan bahawa tanah tidak dapat ditambah, takut-takut dengan pindaan ini tanah-tanah yang masih dimiliki oleh bumiputera bertukar tangan kepada orang-orang yang bukan warganegara, yakni kepada warganegara asing. Bagi tanah-tanah Reserve Melayu, tanah-tanah tersebut tidak boleh dipindahmilik kepada orang-orang bukan Melayu. Oleh itu tidaklah timbul masalah tanah orang Melayu berpindah ke tangan orang bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga membangkitkan soal kelonggaran syarat-syarat pemilikan, takut tanah-tanah di Labuan dan di Pulau Langkawi dimiliki oleh bukan warganegara. Walaupun sekatan-sekatan terhadap warganegara asing dimansuhkan, kawalan secara pentadbiran sebagaimana saya sebutkan tadi masih boleh dilakukan

di peringkat pelupusan tanah dan juga di peringkat urusniaga. Bagi tanah yang dipindahmilik, Jawatankuasa Pelaburan Asing akan menapis soal pindahmilik ini terhadap warganegara asing.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai juga membangkitkan soal tanah-tanah Reserve Melayu di pekan. Harapannya supaya nilai tanah-tanah ini serupa dengan tanah-tanah lain di pasaran seperti di Kampung Baru dan Sungai Pencala. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa nilai tanah Reserve Melayu tidak dibeza-bezakan dengan tanah-tanah yang lain bagi tujuan bayaran pampasan jika tanah tersebut diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Tetapi di pasaran terbuka, harga Tanah Reserve Melayu adalah bergantung kepada Kuasa-kuasa supply and demand, dengan izin.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai juga mengesyorkan supaya tanah lombong dijadikan tanah pertanian. Sukalah dinyatakan di sini bahawa beberapa buah Kerajaan Negeri telah pun mengeluarkan lesen Tumpangan Sementara ataupun TOL bagi bekas-bekas tanah lombong agar diusahakan untuk tujuan pertanian.

Yang Berhormat dari Pendang mencadangkan supaya pindaan terhadap seksyen yang berkenaan bagi membolehkan Kerajaan memasuki tanah terbiar dan mengusahakan bagi pihak tuan tanah, sukalah saya dinyatakan di sini bahawa FELCRA pada masa ini masih dapat mengusahakan tanah terbiar dengan kerelaan tuan tanah tetapi apabila sampai masanya di mana sesuatu projek pemulihan tanah terbiar terjejas oleh sebab timbulnya suasana di mana pemilik tanah tidak membenarkan tanahnya dipulih, maka FELCRA atau agensi yang berkenaan akan menggunakan peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain itu, khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang, suka saya nyatakan bahawa memandangkan soalan mereka atau hujah mereka bukanlah konkrit, maka saya hanya menyatakan kepada mereka bahawa.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti! Ya, Yang Berhormat dari Rasah.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memberi satu jaminan supaya menyenangkan semua pihak, supaya Kerajaan akan bertanggungjawab untuk mempastikan bahawa tanah-tanah di negara kita ini tidak akan dijual kepada orang asing dan syarikat-syarikat asing, maknanya kita duduk dalam tanah air kita tetapi sebahagian dari tanah itu dimiliki oleh orang asing.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan Yang Berhormat itu memang sama sekali melencong dari soalan yang sebenar atau soalan yang perlu dibangkitkan. Saya sudah kata beberapa kali bahawa Kerajaan Negeri menggunakan budibicara mereka. Kita percaya kepada mereka, mereka boleh menjalankan tugas mereka, jadi kenapa kita bangkitkan soalan ini lagi? Saya sudah sebut tadi seksyen 346A di mana kita nyatakan segala-segalanya. Jadi itu merupakan satu kawalan yang dapat kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

mengambil bahagian sekejap tadi dan mana-mana jawapan yang tidak sempat saya beri, saya memberi jaminan bahawa langkah perlu akan diambil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(*Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4—

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 2, saya tidak puas hati dengan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan sekatan-sekatan terhadap pemilikan ini oleh bukan warganegara dan syarikat asing, jaminan yang diberi itu tidak cukup, tidak dapat mengelakkan negara ini menjadi satu colony kepada syarikat-syarikat raksasa antarabangsa.

Mengenai Fasal 3 pula yang bertujuan memansuhkan keseluruhan Bahagian 33A Kanun tersebut supaya membolehkan bukan warganegara dan syarikat-syarikat asing memiliki tanah tanpa sekatan, ini pun tidak terdapat segala jaminan yang ketat untuk menjaga kepentingan rakyat di Malaysia. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan bagaimana jaminan ini dapat dilaksanakan, bukan sahaja untuk menjamin di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini, bahkan juga di dalam pelaksanaan di dalam penguatkuasaan

tidak ada kaedah yang terdapat di sini untuk menguatkuasakan atau menunaikan jaminan yang telah diberi oleh Yang Berhormat tadi.

Fasal 4 yang disebut tadi, berbunyi:

“.....company, corporation, society, association or other body, a statement as to its identity and the law under which it is constituted.”

Walaupun ianya terang bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi bagi kami di sini tidak begitu terang. Ini bukan sahaja prototype perbincangan pihak DAP itu akan tetapi itu penjelasan dan perkataan-perkataan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini tidak begitu terang. Jadi adalah tegas bagi Yang Berhormat untuk menerangkan supaya mewujudkan satu kepuasan kepada pihak kami semua di sini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, kalau hendak memberi kepuasan kepada Yang Berhormat itu, saya rasa memang mustahil, sebab Yang Berhormat itu sengaja tidak mahu memahami. Itu sahaja, dia faham, tetapi buat-buat tidak faham.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu bukan jawapan. Di dalam Jawatankuasa kita berkehendakkan jawapan yang tepat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tadi sudah saya jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Dari Fasal ke Fasal, kita hendak jawapan yang lebih lengkap daripada yang diberikan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, saya sudah nyatakan tadi, kita akan melaksanakan segala kawalan yang perlu dan Kerajaan Negeri masing-masing sebagaimana

yang telah kita nyatakan kepada mereka, diberi ingatan untuk menjalankan tugas ini dengan penuh hemat dan penelitian. Jadi apa lagi yang hendak disoal, hendak ditanya. Masing-masing mempunyai kebolehan yang kita percaya, lebih-lebih lagi Kerajaan-kerajaan Negeri kita ini kebanyakannya diperintah oleh kita, maka kita tahu bagaimana hendak menjalankan tugas kita.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal-fasal 1 hingga 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.19 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Syarikat Kewangan 1969, Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983 dibaca kali yang kedua.

Pindaan terakhir yang dibuat ke atas Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Bank 1973, Akta Bank Islam 1983 dan Akta Syarikat Kewangan 1969 ialah pada bulan Disember, 1985. Pindaan-pindaan berkenaan adalah bertujuan bagi meningkatkan keberkesanan Bank Negara dalam menjamin kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang kukuh. Bagi memperkukuhkan lagi penerangan ke

atas industri banking, adalah dicadangkan supaya beberapa pindaan tambahan dibuat kepada Ordinan—Akta berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 15 Ordinan Bank Negara 1958 yang ada sekarang, tidak memberi kuasa kepada Bank Negara memperuntukkan wang daripada kumpulan wang bank untuk pemberian secara langsung dan bantuan kewangan bagi faedah kakitangan, melainkan melalui pencen atau kumpulan wang simpanan. *Klausula 4* Rang Undang-undang ini bertujuan bagi membolehkan Bank Negara menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada kakitangan serta tanggungannya seperti pemberian secara langsung, pinjaman dan lain-lain bantuan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 30 (1) (e) dan 30 (1) (f) yang sedia ada, menghadkan pendiskaunan semula bil kepada tempoh maksimum selama 3 bulan, melainkan bil-bil yang berkaitan dengan pembiayaan operasi pertanian bermusim dan pemasaran barangan keluaran utama, yang dapat didiskaun semula bagi tempoh maksimum 6 bulan. Seksyen 30 (1) (1) pula memberi kuasa kepada Bank Negara memberi pendahuluan untuk satu tempoh tetap bersandarkan cagaran bil pertukaran dan nota perjanjian yang layak dibeli, didiskaun atau didiskaun semula oleh bank. Walau bagaimanapun, seksyen ini menghadkan tempoh pendahuluan tersebut untuk tempoh 3 bulan sahaja. Bagi membolehkan tempoh pembiayaan semula eksport, semua keluaran pertanian atau pembuatan dilanjutkan kepada sekurang-kurangnya 1 tahun dan juga selaras dengan keputusan untuk melanjutkan, dengan izin, "Pre-shipment Export Credit Refinancing" melebihi daripada 3 bulan, adalah dicadangkan supaya peruntukan-peruntukan ini dipinda seperti di *Klausula 5 (a), (b) dan (c)* Rang Undang-undang ini.

Bagi menggalakkan Pasaran Cagaran Kedua, adalah dicadangkan supaya ditubuhkan Perbadanan Cagaran Nasional. Di samping menjalankan fungsi sebagai pengantara di antara pemberi pinjaman utama dan pelabur-pelabur, perbadanan ini juga akan memainkan peranan sebagai, dengan izin, "credible issuer" bagi "secondary mortgage papers". Perbadanan Cagaran Nasional ini akan dimiliki oleh institusi-institusi kewangan dengan penyertaan ekuiti oleh Bank Negara sebanyak 20%. *Klausula 5 (d)* bertujuan bagi membolehkan Bank Negara memberi pendahuluan kepada Perbadanan Cagaran Nasional sebagai tabung penggerak.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 30 (1) (mmm) Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 yang ada sekarang, memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menubuhkan biro kredit bagi mengumpul maklumat-maklumat pinjaman mengenai pelanggan-pelanggan bank dan lain-lain institusi kewangan dan kemudiannya memberikan maklumat-maklumat berkenaan kepada mereka apabila diminta. Walau bagaimanapun, Bank Negara tidak diberi kuasa untuk menubuhkan Biro Pusat bagi mengawasi pemegang-pemegang akaun semasa yang tidak baik. *Klausula 5 (e)* Rang Undang-undang ini bertujuan bagi membolehkan Bank Negara menubuhkan Biro Pusat ini.

Peruntukan yang sedia ada dalam Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, membenarkan Bank Negara menerima simpanan daripada lain-lain institusi kewangan dan individu serta mengendalikan akaun-akaun dengan lain-lain bank dalam negeri. Adalah tidak jelas sama ada Bank Negara dibenarkan membuat simpanan dalam mana-mana bank atau syarikat kewangan dalam negeri serta membeli atau menjual SSB yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan. Untuk mengatasi masalah ini dan juga

bagi membolehkan Bank Negara memainkan peranannya memperbaiki lagi pasaran wang dan mudahtunai dalam sistem kewangan, *Klausu 5 (f)* Rang Undang-undang ini, bertujuan supaya peruntukan baru iaitu seksyen 30 (1) (*nn*) 30 (1) (*nnn*) diadakan dalam Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Selaras dengan pindaan tambahan ini, seksyen 2 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 wajar juga dipinda dengan memasukkan satu peruntukan baru mengenai definasi, dengan izin, "certificate of deposit" seperti di *Klausu 3* Rang Undang-undang ini.

Seksyen 3A (1) Akta Syarikat Kewangan 1969 yang sedia ada, memperuntukkan bahawa tidak seorang pun, melainkan dengan persetujuan Menteri, menggunakan perkataan "syarikat kewangan" atau mana-mana terbitan daripadanya selepas 31hb Disember, 1979. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan ini, sekatan ke atas penggunaan perkataan "syarikat kewangan" hanya terhad dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris sahaja. Pindaan seperti di *Klausu 6* Rang Undang-undang ini, bertujuan untuk menyekat penggunaan perkataan "syarikat kewangan" atau terbitan daripadanya dalam mana-mana jua bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 21 Akta Syarikat Kewangan 1969 yang sedia ada, melarang syarikat kewangan berlesen memberi pinjaman kepada pengarah-pengarahnya. Walau bagaimanapun, syarikat kewangan berlesen tidak dilarang memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat di mana pengarah-pengarah atau kakitangannya mempunyai kepentingan. Adalah dicadangkan supaya syarikat-syarikat kewangan dilarang memberi pendahuluan atau kemudahan kredit kepada mana-mana pengarah, pegawai, kakitangan serta firma atau perbadanan di mana mereka mempunyai kepentingan.

Klausu 7n Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menggantikan seksyen 21 Akta Syarikat Kewangan 1969 yang ada sekarang dengan peruntukan baru yang serupa dengan seksyen 26A Akta Bank 1973. Untuk tujuan pindaan baru ini, definasi "pengarah", "pegawai" atau "kakitangan" diperluaskan meliputi isteri, suami, ayah, ibu, anak pengarah, pegawai atau kakitangan berkenaan. Selaras dengan itu, seksyen 23 Akta Syarikat Kewangan 1969, mengenai laporan pinjaman perlu juga dipinda seperti di *Klausu 9* Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 21 Akta Syarikat Kewangan 1969, yang telah dipinda, melarang syarikat kewangan berlesen memberi kemudahan kredit kepada pengarah-pengarah atau perbadanan-perbadanan di mana pengarah-pengarahnya mempunyai kepentingan. Sungguhpun demikian, larangan ini tidaklah terpakai kepada pemberian kemudahan kredit oleh syarikat kewangan kepada perbadanan yang disenaraikan di pasaran saham atau kepada syarikat awam di mana pengarah tidak mempunyai kepentingan peribadi. Pemberian pinjaman kepada perbadanan-perbadanan mengikut pengecualian seperti di atas, hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Adalah dicadangkan peruntukan baru seperti di *klausu 8* Rang Undang-undang ini diadakan sebagai satu seksyen baru 21b dalam Akta Syarikat Kewangan 1969.

Untuk menggerakkan Biro Pusat, beberapa pindaan "consequential", dengan izin, adalah perlu untuk dimasukkan di bawah seksyen 21 Akta Bank 1973 dan seksyen 19 Akta Bank Islam 1983. Pindaan ini bertujuan memaksa bank-bank memberi maklumat mengenai akaun semasa pelanggan mereka kepada Biro Pusat yang dikendalikan oleh Bank Negara.

Arahan mengikut undang-undang ini akan melindungi bank-bank daripada tindakan yang akan diambil oleh pelanggannya kerana melanggar peruntukan kerahsiaan bank. Untuk maksud ini, *Klausula 10(b) dan 11(b)* Rang Undang-undang ini bertujuan supaya diadakan satu peruntukan baru dalam Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 21(2) Akta Bank 1973 dan seksyen 19(2) Akta Bank Islam 1983 yang ada sekarang, memperuntukkan bahawa mana-mana maklumat yang diterima daripada bank atau Bank Islam, dianggap sebagai rahsia di antara bank berkenaan dengan Bank Negara.

Pindaan adalah perlu ke atas seksyen-seksyen ini, supaya bank-bank tidak perlu mendapatkan persetujuan pelanggannya untuk memberi maklumat kepada Bank Negara dan Bank Negara boleh menyiarkan maklumat yang diterima kepada institusi-institusi kewangan. Untuk maksud ini, *klausula 10(c) dan 11(c)* dalam Rang Undang-undang ini bertujuan bagi meminda seksyen 21(2) Akta Bank 1973 dan seksyen 19(2) Akta Bank Islam 1983.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan) 1986 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

7.31 mlm.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak

menyampaikan sepatah-dua kata mengenai Rang Undang-undang (Pindaan) kepada Akta Syarikat Kewangan 1969.

Saya rasa salah satu daripada tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk memastikan bahawa orang yang diamanahkan untuk menjaga wang-wang awam tidak menyalahgunakan kedudukan mereka untuk mendapat faedah kebendaan dalam bentuk pemberian pinjaman sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada diri sendiri. Saya amat kesal bahawa pihak Kerajaan tidak menyenaraikan para pengarah dan kakitangan Koperasi Mengambil Deposit atau dengan izin, deposit taking cooperatives.

Koperasi Pengambil Deposit (KPD) ini merupakan pendeposit wang awam yang besar dengan deposit yang berjumlah \$4.04 bilion iaitu.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah yang ini bersangkutan dengan Pindaan yang telah pun dibentangkan?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, itu pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua: Koperasi tidak bersangkutan di sini, kalau sekiranya tengok Ordinan Bank Negara Malaysia, Akta Syarikat Kewangan dan sebagainya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi pihak Kerajaan boleh memasuki pengarah-pengarah Koperasi Pengambil Deposit kerana Koperasi tersebut akan diambilalih oleh Bank Negara. Sebagai satu.

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya ia tidak bersangkutan, kerana koperasi adalah ditubuhkan di bawah Undang-undang Koperasi.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi ia akan diambilalih oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir ini tidak bersangkutan. Jikalau hendak

ambilalihkah atau tidak ambilalihkah, ia tidak bersangkutan dengan pindaan yang sedang diminta sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi itu pun sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah membuat keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan. Pengarah-pengarah tersebut, mereka itu pun mengumpulkan wang awam—alasan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkutan dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita itu.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, itu tujuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan, itu ruling saya.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi saya hendak memberikan penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah, jikalau sekiranya hendak bercakap berkenaan dengan koperatif, ianya tidak dibenarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan koperatif tetapi berkenaan dengan pengarah, itu memasuki. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jikalau sekiranya koperatifkah atau pengarah koperatifkah, ia tidak bersangkutan dengan perkara di hadapan kita. Saya minta Yang Berhormat itu bercakap di atas tajuk yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan kepada Akta Syarikat Kewangan, saya dapati bahawa tujuan Rang Undang-undang ini, seperti yang saya katakan tadi adalah untuk memastikan bahawa orang yang diamanahkan itu menjaga wang awam. Tetapi saya berpendapat

bahawa pihak Kerajaan, sebagai mengamalkan apa yang mereka heboh-hebohkan iaitu "Kepimpinan Melalui Tauladan", bukan sahaja harus memastikan bahawa pengarah-pengarah syarikat kewangan ini tidak mengambil atau pinjam wang syarikat sendiri tetapi juga hendak memastikan bahawa Pengarah-pengarah itu tidak meminjam wang kepada pegawai-pegawai Bank Negara dan juga pegawai-pegawai Kerajaan iaitu pegawai-pegawai atau ahli-ahli Kabinet.

Saya rasa ini adalah amat penting, kerana kalau ahli-ahli Kabinet yang diamanahkan menjaga wang awam negara atau, dengan izin, custodians of the nation's wealth, mereka patut berjauhan dengan pentadbiran syarikat-syarikat kewangan tersebut dan saya menimbulkan perkara ini kerana saya dapati bahawa ada ahli-ahli Kabinet yang meminjam wang yang besar dari syarikat-syarikat tersebut dan saya harap bahawa Kerajaan patut memasuki satu Fasal yang melarang ahli-ahli Kabinet tersebut meminjam wang yang besar daripada syarikat-syarikat kewangan seumpamanya dan juga kalau mereka yang telah pun meminjam itu patutlah membayar balik semua pinjaman bila mereka menjadi ahli Kabinet.

Satu daripada contohnya ialah seperti yang dikatakan oleh rakan saya tadi, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang meminjam wang sebanyak \$20 juta daripada sebuah institusi kewangan dan kedudukan beliau masih belum jelas. Bagaimana ia hendak membayar balik wang pinjaman sebanyak \$20 juta itu apabila khidmat faedah sahaja ialah sekurang-kurangnya \$30,000 sebulan.

Saya rasa gaji bulanannya sebagai seorang Timbalan Menteri pun tidak mencukupi untuk bayar faedah ini dan saya juga hendak bertanya bagaimana dia hendak bayar balik wang pinjaman itu apabila tanah yang dicagarkan

kepada institusi kewangan itu hanya berharga \$9.6 juta.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya hendak bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak minta saya dahulu?

Dato Kok Wee Kiat:
ialah. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Beri, tetapi beliau mesti tanya saya dahulu.

Dato Kok Wee Kiat: Bukan tanya you, tanya Tuan Yang di-Pertua, (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat dari Kota Melaka sedar atau tidak sedar bahawa cooperative bank bukanlah sebuah badan di bawah Akta Bank tetapi di bawah Cooperative Societies. Saya ingat dia tidak relevant, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan. Saya fikir begitu juga. Perkara itu tidak bersangkutan dengan apa yang dibincangkan ini dan lagi pun berkenaan dengan perkara yang diucapkan itu, saya dengar sudah beberapa kali.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, itu hanya satu contoh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 42 ini, bila-bila Ahli ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan

Peraturan Mesyuarat atau bila-bila Pengerusi menyampuk masa dijalankan perbahasan, maka siapa-siapa Ahli yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap hendaklah duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, minta teruskan. Menurut Peraturan Mesyuarat 42, jikalau sekiranya saya bercakap, Yang Berhormat kena duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, okay.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh itu saya harap pihak Kerajaan mesti memasukkan satu Fasal di mana ahli-ahli Kabinet seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh meminjam wang daripada syarikat-syarikat kewangan dan kalau boleh tetapkan satu had supaya tidak melebihi \$200,000.

Saya juga hendak beralih kepada pindaan-pindaan mengenai Akta Bank 1973, di mana ada satu peruntukan untuk mengumpulkan maklumat mengenai, dengan izin, bounced cheques. Saya hendak bertanya, apakah tujuan Fasal ini? Adakah ini bertujuan supaya orang-orang yang tidak, dengan izin, operate their accounts dengan baik tidak dibenarkan membuka akaun dan berapa kalikah cek-cek mesti ditendang sebelum tindakan akan diambil supaya mereka tidak dibenarkan membuka akaun di bank-bank yang lain? Saya berharap bahawa pihak Kerajaan bersimpati dalam keadaan ekonomi yang meleset sekarang di mana tentulah akan terdapat cek-cek yang ditendang, ianya satu keadaan yang tidak boleh dielakkan dan sepatutnya pihak Kerajaan mesti mengadakan satu kriteria bagaimana ia hendak dilaksanakan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri telah maklumkan, terdapat banyak hutang lapuk di syarikat-syarikat kewangan baik sama ada pinjaman kepada pengarah-pengarah atau pegawai-pegawainya sendiri ataupun kepada orang-orang lain. Saya hendak tahu sama ada pihak Kerajaan atau Bank Negara telah mengeluarkan satu kriteria atau garis panduan kepada badan kewangan tersebut mengenai pinjaman wang kepada peminjam-peminjam dan sama ada Bank Negara memerlukan syarat-syarat yang mesti dipatuhi sebelum sesuatu pinjaman boleh dibuat.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya tidak mengatakan bahawa ada badan-badan kewangan yang meminjamkan wang dengan tidak mengikuti amalan-amalan kredit yang, dengan izin, prudent, tetapi terdapat juga banyak institusi kewangan terutamanya finance companies ataupun syarikat-syarikat kewangan di mana terdapat hutang-hutang lapuk kerana kawalan kredit yang sempurna tidak diikuti.

Saya berharap pihak Kerajaan boleh mengeluarkan satu kriteria ataupun garis panduan kepada badan-badan kewangan tersebut iaitu sekurang-kurangnya syarat-syarat tertentu mesti dipatuhi seperti berapakah sekuriti atau, dengan izin, advance margin yang mesti diadakan atau syarat-syarat lain yang tertentu sebelum pinjaman dibuat supaya mengelakkan hutang-hutang lapuk daripada berlaku.

Akhirnya, saya mengalu-alukan cadangan atau tindakan Kerajaan untuk mengharamkan atau tidak membenarkan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja syarikat kewangan dari mendapat pinjaman dari badan-badan kewangan tersebut. Tetapi saya rasa bahawa penalti yang dikenakan terhadap penjenayah-penjenayah tersebut yang

memecah amanah atau menipu wang dengan meminjamkan wang kepada diri sendiri mestilah ditingkatkan.

Kalau saya tidak silap, penalti yang ada sekarang adalah penjara tiga tahun dan dendaan sebanyak \$20,000. Saya rasa ini adalah satu hukuman yang sangat ringan kerana bagi seorang yang boleh menipu wang sebanyak berjuta-juta ringgit dan dipenjarakan selama satu atau dua tahun, ini bukanlah merupakan satu masalah yang besar, sebab apabila ia keluar, ia boleh menikmati wang yang ditipu itu. Saya harap hukuman itu boleh ditingkatkan sebanyak maksima penjara seumur hidup dan dendaan dengan tidak terhad. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

7.44 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak sebutkan di sini adalah berkaitan dengan Fasal 6 yang bertujuan meminda Seksyen 3A Akta Syarikat Kewangan 1969 untuk melarang mana-mana orang, selain daripada syarikat kewangan berlesen atau mereka yang dikecualikan daripada Akta itu, daripada menggunakan pada nama mereka perkataan-perkataan "syarikat kewangan" atau terbitannya sama ada dalam Bahasa Kebangsaan, bahasa Inggeris atau dalam apa-apa bahasa lain, kerana banyak syarikat sama ada syarikat credit, leasing ataupun kedai emas ataupun syarikat-syarikat yang lain yang menggunakan perkataan "syarikat kewangan" untuk mendapat wang deposit daripada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Leasing Association of Malaysia (ILAM), ia mempunyai 141 ahli. Syarikat ini benar-benar berlagak sebagai satu leasing company, termasuk leasing untuk kelengkapan-kelengkapan atau equipment, dengan

izin. Selain daripada 141 ahli untuk ILAM ini ada barangkali banyak lagi. Kita tidak tahu sebanyak manakah syarikat-syarikat yang disebutkan sebagai leasing company tetapi bukan untuk leasing tetapi ianya illicit, dengan izin, yang memungut deposit secara haram. Itulah maksud Fasal 6 ini untuk mencegah kegiatan seperti ini, walaupun ianya tidak diterangkan dengan sepenuhnya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Tidak terdapat rekod mengenai bilangan yang mendapat deposit secara haram ini sama ada daripada Bank Negara atau lain-lain. Menurut Laporan Bank Negara, hanya ada rekod untuk syarikat kredit dan leasing yang meminjam wang lebih daripada \$50,000 daripada bank-bank komersial. Itu sahaja ada rekod.

Tambahan pula, Pendaftar Syarikat dan Perdagangan pun tidak ada rekod untuk syarikat-syarikat yang mendapat deposit secara haram. Sebab itulah satu anggaran kasar ialah sekurang-kurangnya 300 syarikat yang mempunyai kegiatan haram.

Saya sebutkannya di sini kerana dengan kegiatan haram ini bukan sahaja menjejaskan pendeposit-pendeposit, bahkan juga menjejaskan pasaran wang, mudahtunai dan kestabilan kewangan di negara ini. Dan selain daripada itu, adanya satu syarikat yang juga telah diketahui oleh Ahli Yang Berhormat dan saya pun pernah dengar dia menjadi bosan mengenai syarikat ini iaitu satu kumpulan syarikat yang dinamakan "Setia Timur" yang memungut deposit sekurang-kurang \$60 juta di dalam tempoh lima tahun daripada sekurang-kurangnya 10,000 orang. Setakat ini pun perkara ini tidak diselesaikan.

Ada banyak syarikat lagi, Tuan Yang di-Pertua, seperti daripada Jinjang iaitu kawasan saya. Salah satunya ialah Nam Wah Credit Corporation. Ia bukan satu credit corporation, tetapi sebuah syarikat

yang mendapat deposit secara haram di mana sekurang-kurangnya 100 orang membuat deposit dan wang yang didepositkan beramaun kira-kira lebih daripada \$1 juta. Ada banyak lagi syarikat seperti ini termasuk kedai-kedai emas seperti Kedai Emas Thai Fong yang mendapat banyak deposit daripada pendeposit-pendeposit kerana mereka gunakan perkataan "syarikat kewangan".

Inilah satu kejadian yang sangat anih di negara ini dan itulah satu perkara yang malang juga untuk masyarakat, terutamanya di bandar, yang mempercayai perkataan "syarikat kewangan" ini. Sebab itulah ia akan mewujudkan malapetaka yang mungkin lebih besar daripada skandal koperasi ataupun skandal bank, kerana bilangan yang terlibat itu banyak. Setakat ini pun, kita tidak tahu setakat manakah bilangannya pendeposit-pendeposit yang menghadapi kemalangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kedai emas yang memungut deposit secara haram, ada syarikat-syarikat yang lain di mana pihak pendeposit yang malang ada berjumpa saya—lebih daripada 10 syarikat dalam tempoh satu tahun ini. Itu untuk saya sahaja, sebagai seorang Wakil Rakyat, saya tidak tahulah banyak mana untuk Wakil-wakil Rakyat yang lain di dalam Dewan yang mulia ini dan juga untuk Wakil-wakil Rakyat di seluruh negeri dari Dewan Undangan Negeri, tidak dapat diketahui.

Pada pendapat saya, walaupun ianya adalah satu langkah yang betul untuk meminda Fasal 6 supaya tidak ada syarikat lagi yang menyalahgunakan syarikat kewangan, akan tetapi langkah itu belum mencukupi. Walaupun Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa satu siasatan akan diadakan untuk menyiasat kegiatan-kegiatan yang haram ini, akan tetapi setakat ini tidak ada satu laporan pun yang

menunjukkan betapa seriusnya syarikat-syarikat haram ini atau aktiviti-aktiviti yang menjejaskan kepentingan rakyat. Sebab itulah saya mencadangkan agar satu Suruhanjaya siasatan diadakan untuk menyiasat dengan teliti bilangan syarikat yang terlibat di dalam kegiatan yang haram ini dan bilangan pendeposit yang menghadapi kemalangan malapetaka dan seterusnya satu Kertas Putih hendaklah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah ianya bersangkutan dengan perkara yang dibincangkan ini?

Dr Tan Seng Giaw: Ada, memang ada, Tuan Yang di-Pertua, kerana. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu, apa yang dicadangkan sekarang ini ialah mengelokkan keadaan begitu, kemudian jikalau sekiranya kita mencadangkan satu perkara lain. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Bukan, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu pindaan kepada syarikat kewangan. Ini untuk menghalang orang menggunakan perkataan-perkataan "syarikat kewangan" dengan sewenang-wenangnya. Ini bukan satu perkara yang begitu kecil, tetapi ini ada implikasi yang sangat besar, tetapi tidak dijelaskan dengan betulnya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi. Sungguh malang, mungkin dia sudah letih-lesu, lebih daripada dua bulan di dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya mencadangkan satu siasatan ini untuk meneliti apa sahaja yang telah berlaku ke atas rakyat Malaysia dan seterusnya membentangkan satu Kertas Putih di dalam Dewan yang mulia ini kerana malapetaka ini adalah sangat serius.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini, untuk mengawasi

syarikat-syarikat kewangan dan sebagainya, kerana negara kita menghadapi satu krisis kewangan disebabkan skandal-skandal yang tertentu dan sebagainya, dan untuk menghadapi krisis seperti ini, bukan sahaja kita memerlukan satu sistem kawalan yang tepat dan sempurna, bahkan juga urusan yang sempurna atau good management, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan satu audit yang bebas atau independent audit. Dengan adanya ketiga-tiga strategi ini iaitu (i) sistem kawalan yang sempurna, (ii) pengurusan yang sempurna, dan (iii) pengauditan yang independent, baharulah kita dapat mewujudkan satu sistem kewangan yang lebih stabil, lebih diyakinkan oleh pelabur-pelabur sama ada di dalam negeri ataupun dari luar negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.56 mlm.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya hendak berterima kasih kepada Ahli dari Kepong kerana menyokong Rang Undang-undang ini dengan bersetuju supaya perkataan "syarikat kewangan" tidak digunakan. Terima kasih, sebab inilah kali pertama DAP menyokong Rang Undang-undang Kerajaan. Barangkali dia tidak sedar itu. Sebenarnya dia tidak ada. . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun, hendak beri jalan?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tidak payahlah. Dia tidak tahu langsung fasal kewangan nampaknya.

Ahli dari Kota Melaka, agak confused. Di antaranya dia agak kasihan, simpati dengan mereka yang akan ditutup akaunnya kalau sekiranya cek "ditandang". Itulah

perkataan yang digunakan dan dia bertanya berapa kali cek itu ditendang sebelum akaun seseorang ditutup. Kita sekarang ini tidak ada berapa kali cek itu ditolak ataupun "ditendang" seperti yang digunakan tadi, sebelum ditutup, kita akan umumkan nanti. Tetapi pokoknya, mula-mula dia kata, dia kesihan, dia bersimpati kepada mereka yang menipu bank secara tidak langsung, sebab mengeluarkan cek yang tidak ada duit. Kemudian dia kata syarat yang dikenakan pinjaman ini, susah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tidak payahlah. Susah, dan kata dia pinjaman-pinjaman susah diberi oleh sebab syarat-syarat yang ketat. Jadi saya sendiri tidak berapa faham, apabila dia hendak mengenakan satu point, bank ambil tindakan, ini keras, apabila bank hendak jaga duit, syarat pinjaman payah—tidak tahu apa dia hendak sebut.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun pula.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya tidak nampak.

Tuan Lim Guan Eng: Saya mesti beri satu penjelasan, ini tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua: Ya,

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sengaja atau tidak sengaja menyalah-tafsirkan apa yang saya katakan tadi mengenai orang-orang yang mempunyai cek kena tendang dari bank-bank.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*). Saya hendak minta penjelasan, sekejap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, sekejap, dia hendak minta penjelasan sana, Yang Berhormat tidak boleh bangun untuk minta penjelasan dari dia pula. Sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya hendak menjelaskan apa yang saya katakan tadi. Saya hanya ingin bertanya orang-orang yang dipaksa tutup akaunnya setelah berapa kalikah ceknya ditendang sebelum mereka tidak dibenarkan membuka satu akaun lagi dengan bank yang lain, bukan dengan bank yang sama. Itu pertama. Yang kedua, mengenai syarat-syarat atau garis panduan pinjaman. Saya hanya bertanya, adakah satu garis panduan dikeluarkan oleh Bank Negara kepada badan-badan kewangan supaya syarat-syarat yang tertentu mesti diikuti sebelum pinjaman dibuat. Itu yang saya katakan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bank-bank biasanya memastikan supaya pinjaman-pinjaman itu diberi berdasarkan kepada sekuriti-sekuriti yang diberikan oleh orang yang hendak meminjam. Itu syarat-syarat yang biasa dikenakan oleh bank-bank berkenaan. Tetapi saya sedang mengatakan tadi bagaimana "confused", dengan izin, Ahli dari Kota Melaka. Di satu pihak, dia kata kalau tutup akaun, kesihan—kalau tak percaya check dengan tape, kata dia simpati dengan orang, mengikut keadaan sekarang. Tetapi, di dalam kali yang kedua pula, dia tidak mahu pula berpayah-payah syarat ini mendapat pinjaman.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Confusion yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dia kata penalti-penalti

yang diberi terhadap mereka yang membuat kesilapan melalui Akta Undang-undang ini di mana dikenakan denda sehingga \$50,000 dan sebagainya, 1 tahun, 2 tahun jel tak cukup, kata dia, tetapi baru pada hari Jumaat kita hendak kenakan 1 hingga 7 tahun jel bagi mereka yang pengkhianat negara, terlalu tinggi kata dia. Inilah satu pandangan yang saya rasa amat keliru sekali dalam kepala dia.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya tak nampak, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Mana boleh kata begitu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tak beri. Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Dr Eng Seng Chai: Kalau tak mahu beri, cakap tak mahu beri, jangan kita tidak nampak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Timbalan Menteri membelit-belit.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya. Saya tidak ada hendak tambah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11—

8.03 mlm.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Fasal 3, iaitu mengenai "certificate of deposit". Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dengan definasi ini adakah, dengan izin, "issuer" atau seorang yang mengeluarkan "certificate of deposit" ini boleh menempatkan certificate of deposit (C. D.) ini di lain-lain tempat, kecuali badan-badan kewangan, kerana kalau saya tak silap, C. D. ini mestilah ditempatkan di sebuah badan kewangan. Kalau ia masih dikehendaki ditempatkan di badan kewangan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan mengapakah syarat ini dikehendaki?

Yang kedua, mengenai Fasal 7 bahagian (a) mana-mana daripada pengarah, pegawai atau pekerja atau lain-lain orang sebagai orang yang sedang menerima saraan. Saya hendak mencadangkan bahawa orang yang termasuk dalam golongan ini termasuk auditor-auditor syarikat kewangan supaya mereka tidak dibenarkan meminjam wang daripada syarikat-syarikat kewangan.

Saya juga ingin bertanya, apakah yang dimaksudkan "kepentingan material" yang dikatakan dalam Fasal 7—Seksyen 21 (1) (c). Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu penerangan apakah yang dimaksudkan "kepentingan

material”, iaitu berapa peratus atau kalau ada 100%, berapakah peratus milikan itu?

Mengenai Biro Pusat mengumpulkan maklumat mengenai pelanggan-pelanggan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan adakah pindaan ini merangkumi semua badan-badan kewangan, termasuk juga—saya ulangi sekali lagi, mengenai Biro Pusat yang ingin ditubuhkan untuk.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Fasal berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Fasal 10, yang ingin ditubuhkan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan? Saya hendak memberi penjelasan sedikit. Seperti yang saya katakan tadi, saya hanya bertanya, tentu ada juga bank-bank mempunyai syarat-syarat tertentu.

Sebelum semua akaun ini ditutup kalau cek ditandang lebih daripada umpamanya 5 atau 6 kali. Tetapi saya hendak bertanya, adakah pihak Kerajaan bercadang supaya seseorang pelanggan yang kena tutup akaunnya tidak dibenarkan membuka akaun di badan-badan kewangan lain, kerana sebab-sebab akaun ini ditutup bukanlah mereka membuat pinjaman daripada bank-bank itu, tetapi kalau akaun bank itu pada masa itu ada “balance . credit” sebanyak \$30, mereka lupa dan tulis \$50 pun ditandang juga. Inilah apa yang saya maksudkan, iaitu kalau kesilapan tersebut tidaklah dibenarkan membuka akaun sekali lagi? Ini saya anggap terlalu tidak adil.

8.06 mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Fasal 6 sekali lagi. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri itu jadi marah sedikit, naik

berang sedikit, tetapi saya berharap beliau dapat menjawab soalan saya di sini kerana ini adalah penting. Pindaan ini menghalang sesiapa pun untuk menggunakan perkataan “syarikat kewangan”, kecuali benar-benar sebagai satu syarikat kewangan, bank dan sebagainya.

Saya hendak mengetahui mengenai hukuman, sama ada denda ataupun penjara yang akan dikenakan kepada orang-orang yang melanggar Fasal ini kerana menurut Akta Syarikat sekarang, sesiapa yang bersabit dengan kesalahan ini hanya boleh didenda dengan maksimumnya \$5,000 ataupun dipenjarakan tidak lebih daripada 2 tahun ataupun kedua-duanya. Ini bermakna seseorang itu boleh membuat kesalahan di bawah Fasal ini, akan tetapi denda dan penjara itu tidak begitu besar sehingga mereka dapat memungut berjuta-juta ringgit. Kesalahannya besar, tetapi denda dan penjaranya sangat ringan. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan keadaan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.08 mlm.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, soal sama ada Ahli dari Kepong setuju atau tidak dengan denda, itu soal lain. Yang saya suka sangat tadi itu dia setuju bahawa kita masukkan satu peruntukan di mana syarikat-syarikat tidak boleh menggunakan nama syarikat kewangan—itulah yang saya suka. Dia tak setuju dengan denda itu, tak ada hal, itu kes lainlah.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membawa 3, 4 perkara. Yang pertama, kata dia, siapa yang boleh menyimpan dokumen “certificate of deposit”? Pada ketika ini, untuk

makluman, hanya bank-bank atau institusi-institusi yang diawasi atau, dengan izin, "supervised", atau dikawal oleh Bank Negara sahaja yang boleh mengeluarkan "certificate of deposit" ini.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyebut tentang Seksyen baru 21 (1) (a). Dia hendak mencadangkan mereka yang terdiri daripada audit ditambah lagi, selain daripada yang disebutkan di dalam Klausa ini iaitu "pengarah, pegawai atau pekerjanya atau lain-lain orang sebagai".

Dalam bahasa Melayu kalau ditulis "sebagai", cuma sebagai misalannya sahaja—jadi, "lain-lain orang sebagai orang yang sedang menerima saraan itu", misalannyalah. Itu yang dimaksudkan di situ.

Kemudian berkaitan Seksyen baru 21 (1) (c), dia hendak tahu mengenai kepentingan material. Berapa peratus, kata dia. Itu kita akan tetapkan. Ini belum ditetapkan secara spesifik ketika ini.

Akhir sekali beliau telah menyebut tentang Klausa 10 (b) (cb) biro pusat dan beliau mengatakan bahawa kalau seseorang yang ada \$30 mulamulanya, dan sekiranya akaunnya ditutup sama ada bila boleh atau tidak boleh membuka di akaun lain. Jawabnya, apabila seseorang itu ditutup akaunnya oleh sebab kesalahan-kesalahan yang disabitkan, dia tidak boleh membuka akaun di dalam bank-bank lain. Malah itulah tujuannya. Kalau dia membuka satu akaun, kemudian dia membuat salah dengan mengeluarkan cek-cek yang tidak ada duit, kemudian ditutup di situ dan dia buka-akaun di tempat lain, ini tidak ada makna. Maka kalau ditutup akaunnya di sesebuah bank, maka bank-bank lain akan diberi tahu supaya dia tidak boleh membuka akaun. Ini tujuannya. Tetapi alasan

kononnya ini kasihan kepada mereka yang ada \$30 di tulis cek untuk \$50.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kita tidak tetapkan lagi berapa kali, sama ada seseorang itu ditutup akaunnya oleh sebab penulis cek tidak ada duit—dua kali, tiga kali atau empat kali, kita belum tetapkan lagi, tetapi sudah pasti ianya tidak ditutup kalau orang itu menulis cek buat kali pertama; barangkali mesti diberi amaran dahulu dan sebagainya. Tetapi saya hairan juga kalau seseorang yang ada \$30, tiap-tiap kali dia lupa yang dia ada \$30 dan tertulis \$50, ini sasau orang ini. Kalau tidak pun dia mesti ingat.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita secara serius sebenarnya kita mahu mengelakkan daripada seseorang itu menggunakan cek yang tidak ada duit ini sebagai satu tipu-helah, ataupun, dengan izin, to buy time. Dia tahu yang dia tidak ada duit. Kemudian hari Jumaat dia tulis sekian-sekian banyak. Jadi, orang itu pegang cek dia, pada hal dia tak ada duit. Besok hari Sabtu, hari Ahad tutup lagi bank, hari Isnin baru buka. Jadi, dia boleh membuat perkara-perkara seperti ini dan kita anggap orang seperti ini adalah orang yang tidak bertanggungjawab dan saya percaya sebagai ahli-ahli politik, kita memang bertanggungjawab—kalau setengah orang itu tak berapa bertanggungjawab, itu terpolang kepada merekalah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Fasal-fasal 1 hingga 11 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.16 mlm.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja.

Bab II iaitu Fasal 3 hingga 5 adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Akta Kastam 1967. Secara ringkasnya tujuan pindaan ini ialah untuk:

- (i) memansuhkan peruntukan khas mengenai Pulau Pinang di bawah Akta tersebut; dan
- (ii) menjadikan Pulau Langkawi sebagai pelabuhan bebas.

Penghapusan peruntukan khas mengenai Pulau Pinang dibuat di bawah Fasal 3. Untuk makluman, peruntukan khas mengenai Pulau Pinang yang diadakan dahulu di bawah Akta Kastam 1967 ialah kerana Pulau Pinang pada masa itu adalah sebuah pelabuhan bebas. Secara ringkasnya peruntukan khas ini menjadikan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas dengan meletakkan pulau tersebut di luar, dengan izin, principal customs area. Walau bagaimanapun taraf Pelabuhan Bebas

Pulau Pinang telah ditamatkan pada penghujung tahun 1977. Ketika menamatkan taraf Pelabuhan Bebas Pulau Pinang itu, tindakan yang diambil bukanlah dengan memansuhkan peruntukan khasnya, tetapi hanya dengan mengenakan semua cukai kastam di situ melalui Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) 1977. Walaupun tindakan secara ini adalah sah dari segi undang-undang, namun ianya tidaklah begitu baik. Sebabnya ialah dengan masih adanya peruntukan khas mengenai Pulau Pinang di bawah Akta tersebut akan memberi gambaran bahawa Pulau Pinang seolah-olah masih lagi sebuah pelabuhan bebas, walaupun pada hakikatnya semua cukai kastam yang berkuatkuasa di negara ini telah juga dikuatkuasakan di Pulau Pinang. Untuk mengatasi masalah ini, maka peruntukan khas mengenai Pulau Pinang perlulah dimansuhkan.

Tujuan untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai pelabuhan bebas pula ialah untuk membolehkan pulau tersebut menjadi sebagai pusat pelancongan di negara ini. Untuk melaksanakan perkara ini, Langkawi perlulah dikeluarkan dari principal customs area, dengan izin, supaya pulau itu tidak lagi tertakluk kepada cukai kastam. Pindaan ini dibuat di bawah fasal 4. Selain dari itu, Fasal 4 juga memasukkan Pulau Pinang ke dalam principal customs area, dengan izin, atas sebab yang telah dinyatakan.

Fasal 5 mewujudkan peruntukan-peruntukan baru yang merupakan peruntukan khas mengenai Langkawi di bawah Akta Kastam 1967, iaitu seksyen-seksyen 163A, 163B, 163C, 163D, 163E, 163F, dan 163G. Perkara-perkara yang ditetapkan di bawah peruntukan ini adalah mengenai percukaian, pentadbiran dan kawalan-kawalan di Langkawi yang secara ringkasnya adalah seperti berikut:

- (1) mengadakan takrif bagi Langkawi;

- (2) mengenakan cukai kastam ke atas bahan petroleum sahaja di Langkawi dan memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengenakan cukai kastam ke atas mana-mana jenis barang lain yang dianggap perlu kelak;
- (3) mengenakan kawalan yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 ke atas semua pergerakan barang-barang di antara Langkawi dan, dengan izin, "principal customs area";
- (4) menetapkan kaedah kawalan kastam atas barang-barang yang tidak bercukai di Langkawi;
- (5) menganggapkan pergerakan barang-barang di antara Langkawi dan, dengan izin, "principal customs area" sebagai pengimportan atau pengeksportan yang tertakluk kepada cukai kastam yang berkenaan;
- (6) menetapkan kaedah pembayaran cukai;
- (7) membenarkan tarik balik cukai untuk dituntut atas barang-barang yang dieksport dari "Principal customs area", dengan izin, ke Langkawi; dan
- (8) lain-lain perkara mengenai pentadbiran kastam.

Bab III iaitu Fasal 6 hingga 8 adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Akta Cukai Jualan 1972. Tujuan pindaan-pindaan ini adalah juga untuk memansuhkan peruntukan khas mengenai Pulau Pinang dan untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai pelabuhan bebas. Untuk menjadikan Langkawi sebagai pelabuhan bebas, pindaan di bawah Fasal 6 telah mengeluarkan Pulau tersebut dari "principal customs area", dengan izin.

Fasal 7 pula memansuhkan peruntukan khas mengenai Pulau Pinang dan Fasal 8 mewujudkan

peruntukan-peruntukan baru yang merupakan peruntukan khas mengenai Langkawi di bawah Akta Cukai Jualan 1972, iaitu seksyen-seksyen 83, 84, 85, 86, 87, 88, 89 dan 90. Peruntukan baru ini adalah atas perkara-perkara mengenai percukaian, pentadbiran dan kawalan kastam di Langkawi yang secara ringkasnya adalah seperti berikut:

- (1) mengadakan takrif bagi Langkawi;
- (2) menetapkan bahawa semua barang di Langkawi tidak dikenakan cukai jualan. Walau bagaimanapun, Menteri Kewangan diberi kuasa untuk mengenakan cukai jualan atas barang-barang yang dianggap perlu kelak;
- (3) mengenakan kawalan yang ditetapkan bagi barang import dan eksport di bawah Akta Cukai Jualan 1972 ke atas semua pergerakan barang di antara Langkawi dan "principal customs area";
- (4) menetapkan kaedah kawalan atas barang-barang yang tidak bercukai; dan
- (5) membenarkan tarik balik cukai untuk dituntut atas barang-barang yang dieksport dari "principal customs area" ke Langkawi.

Bab IV iaitu Fasal 9 adalah berkaitan pindaan-pindaan yang dicadang dibuat kepada Akta Eksais 1976. Fasal 9 telah mewujudkan peruntukan-peruntukan baru di bawah Akta Eksais 1976 iaitu seksyen-seksyen 91A, 91B, 91C dan 91D yang merupakan peruntukan khas mengenai Langkawi. Peruntukan khas ini diadakan untuk menjadikan Langkawi sebagai pelabuhan bebas. Perkara-perkara yang ditetapkan di bawah Fasal ini ialah:

- (1) mentakrifkan pulau-pulau yang dianggap sebagai Langkawi;

- (2) cukai eksais tidak dikenakan ke atas apa-apa jenis barang pun yang dikilang di situ melainkan bahan petroleum. Walau bagaimanapun, Menteri Kewangan diberi kuasa untuk mengenakan cukai jualan atas lain-lain jenis barang sekiranya didapati perlu;
- (3) mensifatkan barang-barang yang dibawa dari Langkawi ke sesuatu tempat lain di negara ini sebagai pengimportan; dan
- (4) membolehkan tarik balik cukai dituntut atas barang-barang yang dibawa dari sesuatu tempat di negara ini ke Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, Bab V iaitu Fasal 10 dan 11 adalah berkaitan pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Tujuan pindaan ini ialah untuk memansuhkan kuatkuasa Akta ini ke atas Langkawi supaya cukai perkhidmatan tidak dikenakan di situ. Ini diperuntukkan di bawah Fasal 10.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 11 mentakrifkan pulau-pulau yang dianggap sebagai Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

8.26 mlm.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah berhajat hendak mengambil masa yang panjang dalam membahaskan Rang Undang-undang Kewangan khasnya Rang Undang-undang ini yang bertujuan menubuhkan Langkawi sebagai satu pelabuhan bebas.

Saya mengalu-alukan di atas keputusan Kerajaan menjadikan Pulau Langkawi sebagai satu pulau pelaburan bebas di negara kita ini, kerana dahulunya tahun 1977 telah pun dimansuhkan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas. Oleh keadaan itu kita melihatkan keadaan rakyat dalam negara kita ini selalu sangat bila membeli-belah akan pergi ke luar negeri iaitu di sempadan jiran negara kita - Singapura, dan dengan adanya ini kita mengharapkan supaya rakyat kita tidak lagi membazirkan wang ke luar negeri tetapi dengan adanya pelabuhan bebas ini mereka akan datang membeli-belah di Pulau Langkawi dan wang-wang ini akan terkumpul dalam negara kita sendiri.

Di samping itu juga kita mengharapkan pihak Kerajaan supaya berhati-hati kerana dengan adanya Pulau ini kemungkinan bermacam-macam akan berlaku, terutama penyeludupan-penyeludupan yang akan berlaku daripada tanah besar ke Pulau ini ataupun daripada Pulau ke tanah besar. Ini juga kita mengharapkan supaya pihak Kastam akan menjalankan tugasnya dengan baik untuk menjaga kepentingan wang negara kita tidak terbuang ataupun tidak membazir.

Di samping itu juga, di dalam Pulau yang kita harapkan ini nanti dengan adanya pelancongan yang akan dibuat di Pulau Langkawi, satu pelabuhan dan juga satu pulau pelancongan, kita mengharapkan kerana dengan adanya pelabuhan bebas ini kemungkinan orang-orang kita akan datang dan kita

tidak mahu melihat pula Pulau itu suatu Pulau yang dijadikan oleh orang-orang luar daripada negara kita ini yang akan datang berkelah di sana akan menjadikan pulau bogel. Kita tidak hendak orang-orang di sana akan mendedahkan dada dan sebagainya. Kita mengharapkan diadakan juga satu undang-undang yang ketat supaya kita tidak mahu benda-benda yang seumpama ini nanti dapat ditiru dan dilihat oleh kita sendiri iaitu rakyat negara Malaysia ini.

Dalam soal-soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Pulau ini, negara kita telah ada dua pulau pelabuhan bebas, satu di Labuan. Di samping kita memulakan Labuan dan Langkawi ini dijadikan pulau pelabuhan bebas, kita juga mengharapkan supaya Labuan pula di sebelah sana dapat dijaga sama sebagai Pulau Langkawi. Kita mengharapkan banyak pelancong-pelancong akan datang di kedua-dua Pulau ini, lebih-lebih lagi pelancongan-pelancongan dalam negara dan luar negeri kita.

Selain daripada itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Pulau ini ialah bebas, terdedah kiri kanan dan dekat sangat dengan Thailand iaitu sempadan negara kita di utara. Ini juga kemungkinan akan berlaku pengedaran dadah dan sebagainya di sana. Ini kita takut akan menjadikan masalah yang besar kepada negara kita. Jikalau ini tidak dijaga dengan baik, kita takut angkara-angkara yang seumpama ini yang kita takutkan sekarang ini akan merebak di Pulau itu kepada penduduk-penduduk di kawasan itu nanti.

Oleh itu dengan keadaan ini, kerana masa saya tidak mencukupi, saya dengan ini menyokong ke atas Rang Undang-undang ini dan di samping itu juga saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita yang mengadakan satu pelabuhan bebas di dalam negara kita ini. Mudah-mudahan dengan ini akan memajukan

lagi negara kita dan di samping itu akan membawa lebih pelancong-pelancong luar negeri untuk melancong dan di samping itu membeli-belah dan seterusnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

8.31 mlm.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini salah satu tujuannya ialah menubuhkan Pulau Langkawi sebagai sebuah pelabuhan bebas.

Dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara kita, mungkin langkah ini adalah satu langkah yang wajar tetapi saya ingin menimbulkan satu soalan di sini iaitu mengapa Pulau Pinang tidak dibolehkan menjadi sebagai sebuah pelabuhan bebas dan pelabuhan bebas itu diberikan kepada Pulau Langkawi, sedangkan di masa dahulu Pulau Pinang telah menjadi sebuah Pelabuhan yang bebas. Sama ada dengan ini anak-anak di Pulau Pinang dianaktirikan, oleh kerana mengapa Kerajaan mengambil berat terhadap negeri Kedah dan tidak peduli negeri Pulau Pinang.

Kalau tidak silap saya, pada 20hb November tahun ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa menjawab satu pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera iaitu beliau berkata pelabuhan Pulau Langkawi sama ada menjadi sebuah pelabuhan bebas, sedang dalam kajian sahaja. Itu bukan tentu. Tetapi mengapa dalam masa tidak cukup satu bulan telah mengambil satu keputusan?

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga dibentang baru sahaja pada hari Jumaat dan begitu singkat masanya dan menjadi kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat masa untuk mengkaji lebih mendalam dan mungkin kalau boleh mencadangkan perubahan dalam Rang Undang-undang ini. Juga dalam konteks ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sehingga hari ini sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencadangkan supaya Pulau Pinang dipulihkan sebagai sebuah pelabuhan bebas dan jika ada, mengapa Kerajaan tidak menimbangkan perkara ini. Juga saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini bilakah keputusan ini telah diambil oleh Kabinet, oleh kerana nampaknya masa yang begitu singkat sahaja membentangkan Rang Undang-undang ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini ditangguhkan sehingga mesyuarat yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bagan.

8.35 mlm.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini. Saya akan menambah sedikit kepada apa yang telah disebutkan oleh rakan saya dari Bukit Mertajam mengenai apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri Kewangan pada 20hb November dan sebelum saya teruskan, saya sokong sepenuhnya apa yang dicadangkan oleh rakan saya iaitu Rang Undang-undang ini ditangguhkan untuk dikaji

dengan telitinya oleh sebab implikasi terhadap Pulau Pinang, jikalau Pulau Langkawi menjadi sebuah pelabuhan bebas.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan menjadikan Pulau Langkawi sebagai sebuah pelabuhan bebas. Di sini ingin saya merujuk kepada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Kewangan di Dewan ini pada 20hb November lalu di mana beliau semasa menjawab satu pertanyaan tambahan dari rakan saya iaitu Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sama ada taraf pelabuhan bebas akan dikembalikan kepada Pulau Pinang. Beliau menjawab, dengan izin, saya quote dari "Penyata Rasmi Parlimen", apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri Kewangan:

"Kalau sekiranya sekarang ini kita hendak mengembalikan pula status pelabuhan bebas ini kepada Pulau Pinang, sudah tentulah bukan sahaja orang Semenanjung Malaysia selain daripada Pulau Pinang, tetapi juga orang Sabah dan Sarawak merasakan ini pula tidak adil. Maka itu, sebagai satu Kerajaan yang sukakan keadilan, kita tidak mahu terdapat ketidakadilan ini berlaku di mana-mana".

Ini ada dijawab oleh Timbalan Menteri pada 20hb November.

Tuan Yang di-Pertua, dengan membentangkan Rang Undang-undang ini menjadikan Pulau Langkawi sebagai sebuah pelabuhan bebas, saya mahu bertanya, di manakah keadilannya sekarang? Rakyat Pulau Pinang yang kehilangan taraf pelabuhan bebas dalam tahun 1970an telah sering kali meminta supaya taraf pelabuhan bebas dikembalikan kepada Pulau Pinang dan Kerajaan telah menolak permintaan tersebut, tetapi kini secara terang-terang taraf pelabuhan bebas bukan sahaja tidak dikembalikan kepada Pulau Pinang tetapi sebuah

pulau yang sekian lama ini tidak pernah menikmati taraf pelabuhan bebas, iaitu Pulau Langkawi kini dianugerahkan dengan taraf pelabuhan bebas.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah ketidakadilan ini berlaku. Mengapa Timbalan Menteri Kewangan menyembunyikan perkara ini dari pengetahuan Dewan ini dengan secara senyap-senyap mengkhabarkan Rang Undang-undang ini hanya pada hari Jumaat lalu. Seperti yang saya katakan tadi, hanya pada 20hb lalu Kerajaan berkata bahawa ia tidak bercadang untuk mengembalikan taraf pelabuhan bebas kepada Pulau Pinang. Kononnya ini tidak adil, tetapi cuma 18 hari daripada tarikh jawapan sedemikian diberi, kita mempunyai Rang Undang-undang ini yang bertujuan memberi taraf pelabuhan bebas kepada Pulau Langkawi. Apakah Pulau Langkawi diberi taraf pelabuhan bebas kerana kedua-dua Perdana Menteri.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti dahulu, ada yang bangun.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Minta Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta Penjelasan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, di antara dua pulau ini, Pulau Pinang dan Pulau Langkawi, mana yang lebih maju? Adakah Pulau Pinang atau Pulau Langkawi? Kalau Langkawi tidak maju, adalah wajar Langkawi mesti dijadikan pelabuhan bebas kerana Pulau Pinang sudah maju. (Tepuk)

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan penjelasan, itu adalah pandangan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, apakah Pulau Langkawi diberi taraf pelabuhan bebas kerana kedua-dua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan adalah orang Kedah dan disebabkan Pulau Langkawi ada satu projek "sukaan" (pet project) Perdana Menteri sendiri, maka pulau ini kini diberi taraf pelabuhan bebas. Satu penjelasan yang jelas hendaklah diberi mengapa taraf pelabuhan bebas diberi kepada Pulau Langkawi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, tunggu sekejap, ada yang bangun.

Tuan Teoh Teik Huat: Tidak payah, tidak payah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan Teoh Teik Huat: Mengapa taraf pelabuhan bebas diberi kepada Pulau Langkawi dan bilakah keputusan tersebut dibuat?

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, Pembangkang menyatakan beliau telah mengeluarkan sangkaan yang jahat kepada Ahli-ahli yang lain yang menyatakan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dari Kedah.

Tuan Teoh Teik Huat: Order apa?

Tuan Ismail bin Said: Peraturan Mesyuarat 36 (6).

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap, saya hendak tengok point of order.

“36 (6) Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada sesiapa Ahli yang lain.”

Yang Berhormat, teruskan, jangan ulang.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, apa sangkaan jahat. Itu betul-betul benar, kedua-duanya dari Kedah dan itu adalah pet project Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kriteria yang digunakan untuk memberi taraf ini. Siapakah yang membuat kajian kemungkinan dalam perkara ini dan saya minta Kerajaan mengumumkan kajian yang dibuat itu kepada orang ramai.

Rang Undang-undang ini merupakan satu tamparan kepada rakyat Pulau Pinang yang dahagakan supaya taraf pelabuhan bebas dikembalikan kepada Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau Kerajaan boleh memberi status pelabuhan bebas kepada Pulau Langkawi, saya tidak nampak apa-apa sebab mengapa Kerajaan tidak boleh mengembalikan status pelabuhan bebas itu pula kepada Pulau Pinang. Dan dengan ini, saya meminta Kerajaan supaya jangan menganaktirikan rakyat Pulau Pinang dan mengembalikan taraf pelabuhan bebas kepada Pulau Pinang sejajar dengan cita-cita rakyat Pulau Pinang. Sekian.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya rasa Yang Berhormat cukuplah.

8.43 mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, ini penting dan saya pun mempunyai banyak bukti di sini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Hendak bercakap juga?

Dr Tan Seng Giaw: Ya. Saya mempunyai banyak bukti untuk menambah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bukan Rang Undang-undang yang tidak penting. Kerana ia mempunyai implikasi yang besar bukan sahaja untuk Pulau Langkawi bahkan juga untuk pulau-pulau yang lain sama ada Pulau Pinang ataupun Pulau Tioman dan sebagainya. Kerajaan hendaklah memberi sebab-sebab yang menasabah mengapa Pulau Langkawi dipilih untuk menjadi sebuah pulau bebas dari cukai. Dan setakat ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak memberi sebab-sebab yang boleh dipercayai. Itulah satu perbuatan yang salah yang tidak patut untuk meluluskan Rang Undang-undang yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi bukti. Yang pertamanya, walaupun Yang Berhormat dari Tasik Cenderoh—dia cenderung kepada alasan yang bukan-bukan. Yang Berhormat itu menyebutkan soal kemunduran Pulau Langkawi. Saya setuju kalau hendak mendirikan projek untuk orang-orang miskin di Pulau Langkawi itu bukan soalnya untuk kami semua, kami setuju. Orang miskin mesti dapat pembangunan, mesti dapat bantuan yang sewajarnya. Akan tetapi projek ini bukan untuk orang-orang miskin.

Terdapat satu projek, Kompleks Rekreasi Langkawi yang raksaksa, yang terbesar di negara ini yang memakan belanja \$3 billion. Itulah hakikatnya. Salah satu tujuan Kompleks Rekreasi Langkawi yang

raksaksa ini untuk menarik pelancong-pelancong masuk ke Pulau Langkawi supaya tiap-tiap tahun negara ini dapat tukaran asing sekurang-kurangnya \$200 juta kononnya. Itulah maksudnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri sudah committed kepada projek yang berharga kira-kira \$3 billion ini. Yang pertama, Kerajaan Negeri berjanji untuk membina dan memperluaskan Lapangan terbang Padang Mat Sirat dengan perbelanjaan sebanyak \$67 juta dan untuk jalan-jalan di Pulau tersebut dan juga jalan yang menghubungkan pulau ini ke Kuah Jetty, dengan izin, memakan belanja \$8.58 juta. Dan jalan Kuah-Kulim \$5.6 juta dan Lebuhraya Padang Mat Sirat ke Tanjung Ru iaitu di tempat rekreasi yang raksaksa itu memakan belanja \$7.9 juta. Ini yang saya hendak beri peringatan kepada Yang Berhormat dari Kemaman bukan sangkaan jahat. Ini bukti-bukti.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Dengan adanya segala kemudahan-kemudahan infrastruktur itu tidakkah itu akan membantu dapat meninggikan taraf hidup orang-orang miskin di Pulau Langkawi? (Tepuk)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang cenderung kepada alasan yang bukan-bukan ini tidak mengetahui bahawa penduduk-penduduk miskin di situ ditempatkan semula dan pampasan diberi. Itulah hakikatnya.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat dari Kepong bermaksud untuk mengadakan sebuah pelabuhan kita tidak perlu membina jalan, kita tidak

perlu membina jeti. Apakah Yang Berhormat dari Kepong bermaksud demikian?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan satu soalan. Tunggu sebentar, saya akan jawab semua ini dalam satu jawapan yang comprehensive.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Saya pun tak tahulah Yang Berhormat dari Kemaman dan dari Tasik Cenderoh memahami bahawa menyedari. . . .

Tuan Shahidah bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada orang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Nanti, satu perkataan lagi. Boleh, dari Arau pun boleh, sebab dia negeri kecil, kita boleh beri dia peluang sedikit. (Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat sedar bahawa Ahli Parlimen untuk Langkawi itu siapa? Salah seorang Menteri?

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Dari Arau negeri yang kecil itu dia lantanglah suaranya. Silakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat ini tidak payah mengarut—teruskan ucapan. Tidak payah ganggu kami. Teruskan ucapan, kalau ucapan itu comprehensive. Ganggu buat apa, masa sudah lewat. Cakap elok-elok.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahulah siapa ganggu saya. Saya hendak berucap tetapi ada gangguan, apa boleh buat. Saya mementingkan demokrasi, memberi peluang kepada Ahli-ahli termasuk Yang Berhormat dari Arau dia pun menggunakan kesempatan untuk mencela saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Itulah satu sikap yang tidak patut dan tidak munasabah yang membayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional tidak munasabah.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat dari Kepong. Kalau begitulah pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong semua yang dibuat oleh Kerajaan tidak kena, tidak betul, saya henak bertanya sedikit, macam mana gaya agaknya pandangan-pandangan yang boleh kita hendak majukan Pulau Langkawi ini. Jangan kata semua tidak betul, yang betul ini tolong cakap sedikit. Saya hendak dengar.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang betul kita cakap betul: yang menyeleweng kita cakap menyeleweng: yang bohong, kita cakap bohong. Itulah sikap DAP (*Tepuk*). Yang Berhormat dari Tampin, dia pening kepala. Dia tidak tahu, Jempol. Itulah susah dari Jempol sekarang. Dia tidak begitu

faham tentang apa yang kita bincangkan, bahaskan di sini. Kita bincang Pulau Langkawi, bukan Jempol.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma bertanya sedikit sahaja. Kalau semua yang Kerajaan buat ini tidak betul, saya hendak minta pandangan, macam mana agaknya yang betul, itu sahaja. Dan saya daripada Jempol, bukan dari Tampin. Jempol ini ertinya kalau Yang Berhormat hendak tahu "lawa, cantik". (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, "lawa, cantik" itu perkataan sahaja tetapi hujjah-hujjahnya tidak begitu cantik. Sepatutnya membayangkan rupa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan kepada isi ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mereka ini hendak kacau saya supaya saya lupa apa yang saya hendak sebutkan di sini, kerana yang penting itu isi kandungan, bukan rupa. Jempol itu rupa sahaja.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna Yang Berhormat dari Kepong tidak mempunyai apa-apa pandangan ataupun hujjah-hujjah yang munasabah untuk memberikan pandangan yang membina dan menjadi seorang Ahli Pembangkang yang konstruktif.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, DAP sentiasa konstruktif. Kita hendak menuju kepada constructive achievement, dengan izinnnya, itulah maksud kami semua untuk perjuangan. Lama kelamaan kita sampai juga, bukan tidak sampai, kerana benda yang bagus itu memerlukan masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dari Jempol dan rakan-rakan yang lain boleh bertanya Yang Berhormat dari Pulau Langkawi kerana dia lebih insaf, lebih mengetahui apa sahaja yang berlaku di Pulau Langkawi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Dr Tan Seng Giaw: Itu tidak payah point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order, Peraturan Mesyuarat 35 (7).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Peraturan Mesyuarat 35 (7) Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli berucap (*Ketawa*). Saya pohon Tuan Yang di-Pertua hadkan 5 minit seorang. (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Dia hendak mengajar Tuan Yang di-Pertua pula.

Timbalan Yang di-Pertua Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Yang Berhormat, teruskan ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sikap yang tidak begitu endah, walaupun Jempol itu indah. Saya berharap rakyat Jempol dapat memilih orang yang lain yang lebih indah. Araulah.

Tuan Ismail bin Said: Minta penjelasan, beri jalan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang hendak minta jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Arau itu negeri kecil, sebab itulah hendak kacau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia minta jalan.

Tuan Ismail bin Said: Tadi Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa yang lebih tahu ialah Yang Berhormat dari Langkawi. Jadi, kalau beliau mengatakan Yang Berhormat dari Langkawi lebih tahu, lebih arif mengenai Langkawi, kenapakah beliau cuba hendak bercakap perkara yang beliau sendiri tidak mengetahui dalam Dewan ini. Cuba beri penjelasan kepada kami.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu membangkitkan soalan yang tepat sekali. Saya akan jawab, kerana tidak ada di sini Yang Berhormat dari Langkawi. Yang Berhormat itu tidak mewakili rakyat Langkawi, dia tidak ada di sini. Kita hendak berunding dengan dia pun tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk sekejap! Kita telah membuang masa untuk berceles membayangkan perkara-perkara yang saya rasa tidak memberi manfaat kepada Ahli-ahli sekalian dan saya harap Yang Berhormat teruskan ucapan dengan menumpukan kepada isi-isi sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua, patut kita menuju kepada isi-isinya sahaja. Ini memberi bayangan yang sebenar untuk Pulau Langkawi. Saya sudah sebutkan tadi bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah komited kepada Kompleks Rekreasi Langkawi ini di Tanjung Ru, kerana dia komited ini, dia telah memperuntukkan kepada beberapa projek yang telah saya sebutkan tadi termasuk peruntukan untuk memperbaiki bekalan elektrik untuk kemudahan-kemudahan telekomunikasi dan pampasan untuk

penduduk-penduduk yang telah ditempatkan di tempat yang lain.

Jadi soal orang-orang mundur, orang-orang miskin tidak wujud. Mereka ditempatkan semula di tempat yang lain. Jadi, Tanjong Ru ini akan dibina untuk pelancong-pelancong.

Masalah di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah oleh kerana PROMET Langkawi Resort Sdn Bhd menghadapi kesusahan. Itulah masalah yang pokok. Ia menghadapi kesusahan kerana tidak dapat melaksanakan projek ini. Dengan ketiadaan kemampuan untuk melaksanakan projek ini—saya tidak mahulah memanjang lebarkan ucapan saya mengenai PROMET ini, kerana Tuan Yang di-Pertua pun tahu apa yang terjadi dengan syarikat ini sekarang, sudah tidak mampu, hampir bankrup. Sebab itulah masalah wujud bagaimana hendak menyelamatkan projek Kompleks raksaksa ini di Tanjong Ru, Pulau Langkawi. Itulah timbul status ini. Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk membaca di dalam bahasa Inggeris.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Panjangkah atau pendek?

Dr Tan Seng Giaw: Pendek sahaja, satu dua minit di dalam bahasa Inggeris untuk mensubstantiate ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak mengapalah, kalau pendek, biar sedap.

Dr Tan Seng Giaw: Pendek sahaja. Menteri Besar, Dato Paduka Haji Osman Aroff mengatakan, dengan izin.

“He was unhappy with the work on the project because the project stopped. The Menteri Besar Said this after a tour of the Tanjong Rhu development site on the island.

Dengan jawapan daripada Pengurus Besar PROMET, Dato Brian Chang, beliau berkata:

“Work had stopped for just over a month a month but the project is on. It is not cancelled; it is not aborted. Our senior managers are making an appointment with the Kedah State officials to explain the situation. Our investors have yet to get certain investment incentives from the authority. This delay has slowed down the conclusion of financial arrangements, thereby halting work on the project”.

“The incentives—dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini penting—the incentives which are imminent include pioneer and duty free status for the resort”.

Pengurus Besar itu dia lebih mengetahui berapa bulan, berapa tahun dahulu dia hendak dapat status pelabuhan bebas ini. Ahli-ahli Parlimen di sini tidak tahu. Hari ini sahaja baru tahu hendak diadakan status bebas tetapi orang-orang di PROMET, Pengurus Besar mengatakan dia sudah tahu status printis, status bebas cukai dan sebagainya, Jadi, apakah yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, cuma orang itu merancang, pelabur-pelabur termasuk Kerajaan Negeri Kedah yang komited kepada projek itu apabila menghadapi kesusahan balik ke Dewan yang mulia ini untuk mendapat persetujuan daripada Ahli-ahli Parlimen di sini, tetapi malangnya pak-pak turut daripada Barisan Nasional ia dapat faham, hendak setuju sahaja, oh! ada Rang Undang-undang, baik kita setuju. Tidak fikir langsung tetapi malangnya sikap begitu. Jadi tidak memelihara kepentingan rakyat, apa fasal datang ke sini.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya!

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan, saya ingat mungkin yang tidak tahu hanya wakil-wakil DAP, tetapi wakil-wakil Kerajaan semuanya tahu lebih awal dahulu lagi perkara ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, malanglah kalau dia seorang yang tahu, tetapi tidak memberitahu kami di sini.

Sebagaimana yang kami tahu Yang Berhormat itu baru bentangkan Rang Undang-undang ini, oleh itu Yang Berhormat patutlah fikir dengan semasak-masaknya sebelum mengeluarkan kenyataan yang bukan-bukan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun pula.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Saya ingin memberi penjelasan. Saya kata tahu bukan masalah Rang Undang-undang dan kita tahu bahawa ada projek, ada cadangan untuk menjadikan Pulau Langkawi ini pelabuhan bebas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sama ada tahu atau tidak kerana dia tidak sebutkan yang dia tahu tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Minta teruskan, apa yang hendak ucapkan itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang malangnya projek-projek yang diadakan di Pulau tersebut telah dijalankan terutamanya ampangan Bukit Malut, dengan izin, storage pond, di Padang Saga, Projek Telaga

Tujuh dan sebagainya. Jadi projek-projek yang memakan belanja berpuluh-puluh juta ringgit ini telah diadakan di sini dan kemudian kerana PROMET menghadapi kesusahan, Kerajaan datang ke Dewan yang mulia ini untuk mendapat persetujuan daripada Ahli-ahli Parlimen supaya pulau itu dijadikan bebas daripada cukai.

Tuan P. Patto: Penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat rakan saya dari Kepong ada menyatakan tentang PROMET dan Pengurus Besar, kalau saya tidak silap yang menyatakan bahawa PROMET menunggu untuk mendapat kelulusan tentang duti free barang-barang dan dengan pembentangan Rang Undang-undang ini untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai Pelabuhan Bebas, tidakkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa Rang Undang-undang ini adalah cuma untuk menyelamatkan PROMET dan bukan untuk membawa kepentingan kepada rakyat di Pulau Langkawi. Adakah bersetuju?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju, kerana ini adalah salah satu maksudnya untuk menyelamatkan PROMET, kerana PROMET mencadangkan untuk mengadakan Kompleks Rekreasi raksasa di Pulau Langkawi yang mempunyai 65 jenis aktiviti rekreasi. 65.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya kalau drama ini, biar kita balik cepat-cepat tengok di T.V sahaja.

Tuan P. Patto: Itu bukan penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu tadi dia tidak serius tentang Rang Undang-undang yang dibentangkan di sini patut dikeluarkanlah—tak payah, jikalau tidak serius, tidak payah ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta teruskan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Jempol ada bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, apakah cara yang paling baik yang difikirkan oleh Ahli Yang Berhormat itu untuk memajukan Pulau Langkawi sebagai satu pusat pelancongan.

Yang kedua, tidakkah terfikir oleh Yang Berhormat bahawa semasa Yang Amat Berhormat melancarkan ataupun mengumumkan projek Langkawi ini bahawa di dalam kepala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah pun terselit fikiran beliau untuk menjadikan Pulau ini sebagai satu pulau bebas daripada cukai; dan

Yang ketiga, saya rasa tidakkah Yang Berhormat fikir elok Yang Berhormat meneruskan ucapan tanpa mengusik Ahli-ahli daripada Barisan Nasional seolah-olah kata pepatah Melayu: Bercakap bersaksikan lutut.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ada sangkaan jahat ke atas saya. Saya tidak mengusik sesiapa pun, cuma apabila saya sebutkan 65 jenis itu, ada orang bangun, dia tak mahu dengar—itu sahaja dan saya cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu balik berfikir dengan masak-masak mengenai kepentingan (conflict), dengan izin, the conflict of

interest, sebab saya tidak tahu berapa orang kenamaan sama ada Menteri, Timbalan Menteri ataupun ahli-ahli Exco di negeri Kedah yang mempunyai kepentingan di dalam projek raksasa ini. Kalau Yang Berhormat itu serius mengenai hal ini, patut kita umumkan sama ada terdapat conflict of interest, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dengan projek seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang yang pentingnya banyak projek ini tidak dapat dilaksanakan, mengapa? Ada beberapa sebab. Yang pertama, PROMET menghadapi kesusahan yang besar yang tidak dapat diselesaikan dan itu termasuk tindakan daripada bank-bank terhadap PROMET yang dibenarkan oleh Mahkamah.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur enggan menyertai projek PROMET ini.

Yang ketiga, pihak bank enggan memberi sokongan dan ada pula Tuan Yang di-Pertua, mula-mulanya projek di Tanjong Rhu ini Fasa I ada 400 orang pekerja, tetapi sekarang nampaknya semua berhenti kerja. Jadi dengan kesusahan inilah pihak Kerajaan hendak mencari satu penyelesaian ke atas projek raksasa ini yang menghadapi kebuntuan yang besar. Bagi pihak kami, dengan kesusahan yang raksasa ini, pihak Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang ini supaya diluluskan, disetujui oleh semua Ahli Yang Berhormat dan saya menyokong rakan-rakan saya yang mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini ditangguhkan supaya rakyat sama ada di Pulau Langkawi, di negeri Kedah ataupun di seluruh negara dapat mengetahui apa yang sebenarnya berlaku dengan Pulau Langkawi, dengan projek rekreasi raksasa ini yang menghadapi kesusahan yang besar. Ini bukan soal orang-orang miskin, orang-orang miskin dipindahkan, diberi pampasan dan

kalau negeri Kedah hendak maju, saya tidak bantah, saya tidak bangkang, maju boleh dengan cara yang betul, bukan dengan cara di mana wujud soal keraguan mengenai conflict of interest, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat menggunakan perkataan conflict of interest itu ialah satu tuduhan yang saya fikir cukup serius.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, cuma saya minta penjelasan, minta keadaan yang sebenar diumumkan sama ada.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sahaja untuk hendak mengatakan dengan tidak ada concrete evidence, itu tidak boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penerangan dengan lebih lengkap lagi mengenai sama ada terdapat conflict of interest, dengan izin, ataupun tidak.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, 36 (6).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ismail bin Said: 44 (1).

Dr Tan Seng Giaw: 44 (1). Tetapi yang itu 36 (6).

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua,.

Tuan Ismail bin Said: Tetapi nampaknya Yang Berhormat dari Kepong telah berulang-ulang kali mengemukakan hujah yang sama setelah Tuan Yang di-Pertua sendiri memberi teguran. Jadi menggunakan Tertib Mesyuarat 44 (1) ini supaya Tuan Yang di-Pertua memberhentikan beliau berucap.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: 36 (6), Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Saya tidak mahu menggunakan kuasa itu. Saya rasa menuduh Menteri-menteri dan Exco Kedah mempunyai conflict of interest, ini satu perkara yang cukup serius. Jadi, itu terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jika sekiranya Yang Berhormat dari Kepong tidak boleh peruf point itu yang membuat tuduhan yang begitu besar, serius. . . .

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa Yang Berhormat hendak sekarang?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (6), saya minta supaya Ahli Yang Berhormat itu menarik balik perkataan "conflict of interest" kerana mempunyai sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Melainkan kalau dia boleh memberi kenyataan yang tepat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Kerana mempunyai sangkaan jahat kepada Ahli-ahli Exco Negeri Kedah sebagaimana yang disebutkan oleh beliau tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan Exco sahaja tetapi juga Menteri-menteri.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Menteri-menteri dan Ahli-ahli Exco.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bermula beberapa minit yang lalu, kalau Tuan Yang di-Pertua perhatikan, saya bermula dengan

mengatakan bahawa Kerajaan hendaklah memberi keterangan sama ada terdapat conflict of interest, mula-mula lagi sebelum saya sebutkan semula kali yang kedua. Saya ada, kalau hendak cari rekod Hansard.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat rentikan yang itu.

Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Rentikan dengan cara tuduhan itu. Saya pun faham itu.

Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekiranya Yang Berhormat tidak boleh peruf, jangan kata.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengakhiri ucapan saya dengan menyeru Kerajaan supaya menangguhkan Rang Undang-undang ini sehingga semua yang terlibat di dalam projek ini, sehingga semua butir-butir yang berkenaan dapat diumumkan pada khalayak ramai, kerana ini satu perbuatan yang penting untuk memelihara kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

9.14 mlm.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, dengan panjang lebar ucapan Yang Berhormat dari Kepong itu, saya tertarik hati dengan satu perkara sahaja. Di antara lain, dia kata, "kalau bohong, kita cakap bohong", maknanya DAP, dia mengaku tadi. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai yang telah memberi sokongan terhadap

Rang Undang-undang ini dan teguran-teguran yang juga disebutkan oleh beliau itu, insya Allah kita akan ambil ingatan supaya ianya tidak menjadikan perkara-perkara yang tidak diingini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah mempersoalkan, pertamanya di antara lain dia menyatakan seolah-oleh saya sengaja menyorok-nyorokkan perkara ini sewaktu menjawab pada 20hb November yang lalu.

Sebenarnya, bukan kita menyorok apa-apa, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada ketika itu saya menyatakan dengan terang, saya mengatakan bahawa perkara itu dalam kajian dan kajiannya memerlukan masa yang lama. Kajian itu bukannya memerlukan masa yang lama daripada tarikh saya sebut kepada kelulusan, sudah lama bermula kajian ini dan waktu 20hb November itu sudah akhir peringkat yang lama ini, maka sampailah hari ini kita bentangkan Rang Undang-undang sebahagian daripadanya menjadikan Pulau Langkawi itu menjadi sebagai Pelabuhan Bebas.

Soalnya, mengapa kita tidak memberi tahu, memang tidak diberi tahu, sebab waktu itu belum lagi diluluskan oleh Kabinet dan saya tidak boleh memberi satu-satu perkara sebelum diumumkan. Kalau sekiranya saya memberi tahu kepada orang ramai perkara-perkara yang tidak dibolehkan, itu tidak patut bagi saya dan tidak bertanggungjawab memberi pengetahuan khususnya kepada orang-orang yang kita tidak ingin tahu.

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga mengatakan seolah-olah ini satu tamparan kepada Pulau Pinang. Tuan Yang di-Pertua, berpuluh-puluh tahun, beratus tahun Pulau Pinang menjadi Pelabuhan

Bebas hinggalah penghujung tahun 1977—tidak ada orang kena tampar, Kuala Lumpur tidak rasa kena tampar, Pelabuhan Kelang tidak rasa kena tampar, Temerloh pun tidak rasa begitu, mengapa itu disibuk-sibukkan sangat. Sekarang ini barulah.

Seorang Ahli: Kepong.

Dato' Sabbaruddin Chik: Kepong pun tidak rasa kena tampar. Baru inilah Pulau Langkawi hendak dijadikan Pelabuhan Bebas, marah sangat. Kononnya seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini telah dibuat untuk hendak menyelamatkan syarikat itu dan syarikat ini dan sebagainya. Ini satu tuduhan dengan tidak dibuat kajian dengan baik.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli-ahli dari DAP tidak berapa tahu tentang Rang Undang-undang ini. Tadi waktu di luar saya mengatakan mengenai Rang Undang-undang ini. Mereka hendak bercakap panjang, hendak bercakap lama hanya setelah diberi nota oleh Ketua Pembangkang, barulah Ahli dari Kepong dapat bercakap, bukan dia sediakan sendiri. Jadi, itulah sebabnya dia merepek-repek bercakap. Perkara itu dia cakap-cakapkan juga tanpa memberi bukti-bukti yang baik, perkara yang sama dan sebagainya. Ini adalah satu daripada.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, tadi dia sudah merepek banyak sangat, saya rasa, kita tidak benarkan dia merepek lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi, saya tak mau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, sila mengikut Peraturan Mesyuarat.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Jadi baru inilah Langkawi hendak dijadikan Pelabuhan Bebas ataupun menjadikan heboh sangat. Soal sama ada perkara ini hendak menolong syarikat itu dan syarikat ini, saya rasa, perkara ini tidak timbul. Dan kononnya pula apabila sesuatu projek itu dibuat dengan harga berjuta-juta ringgit, kemudian dibawa pula kepada Dewan yang mulia ini untuk mendapat sokongan dan sebagainya seolah-olah perkara ini dibuat hanya setelah projek itu dijalankan.

Saya sudah memberi jawapan di dalam jawapan saya pada 20hb dahulu, saya katakan bahawa memang lama dan perkara ini telah diselidiki, disiasat dan sebagainya oleh jabatan-jabatan yang berkenaan. Adalah difikirkan bahawa inilah di antara satu-satu jalan yang dapat kita membawa pembangunan kepada sebuah pulau yang begitu terpencil daripada Semenanjung yang begitu rendah dari segi standard of living, dengan izin, dibandingkan dengan mereka yang duduk di bandar-bandar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa walaupun dia bercakap lama, saya tidak nampak apa bahan-bahan ataupun hujah-hujah yang kongkrit yang telah dikemukakan malah Yang Berhormat dari Jempol meminta dia mengemukakan cadangan-cadangan yang difikirkan munasabah dan sesuai sampailah dia duduk sedikit pun tidak ada cadangan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya tidak beri, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit pun tidak ada cadangan yang kongkrit.

Saya rasa itulah sahaja yang dapat saya perkatakan, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bersetuju dengan saya tidak beri dia mencelah saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal I hingga II diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: urusan kita sudah habis. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bekerjasama dengan saya dan juga kepada Timbalan-timbalan saya dan kita telah pun menyelesaikan mesyuarat kita semenjak awal Oktober sampai hari ini, dan pada fikiran saya telah mengeluarkan hasil-hasil yang sangat baik.

Saya mengucapkan selamat pulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian khasnya kepada orang-orang yang disayangi. Saya harap kita boleh berjumpa lagi dalam bulan Mac tahun hadapan dalam keadaan sihat dan walafiat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan pada satu masa yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.25 malam.